

**APLIKASI TAZKIR WA TA'NITH DALAM PENULISAN
KARANGAN PELAJAR PERSEDIAAN
KE TIMUR TENGAH**

MUHAMMAD ZAHRI BIN ABDUL KARIM

FAKULTI PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2020

**APLIKASI TAZKIR WA TA'NITH DALAM PENULISAN KARANGAN
PELAJAR PERSEDIAAN KE TIMUR TENGAH**

MUHAMMAD ZAHRI BIN ABDUL KARIM

**DISERTASI INI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN BAHASA ARAB)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Muhammad Zahri bin Abdul Karim

No. Matrik: PGQ 140007

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pendidikan

APLIKASI TAZKIR WA TA'NITH DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR

PERSEDIAAN KE TIMUR TENGAH

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Bahasa Arab

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

Penulisan karangan merupakan satu proses yang sukar dan rumit. Dalam penulisan karangan bahasa arab, para pelajar perlu menguasai perkara yang asas iaitu aspek tatabahasa. Antara tajuk yang perlu dikuasai oleh mereka ialah konsep *tazkir wa ta'nith*. Oleh itu, kajian berbentuk kuantitatif dan menggunakan teknik analisis dokumen ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui tahap penguasaan para pelajar persediaan bahasa arab di Pusat Bahasa Arab Selangor terhadap aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan mereka. Data kajian diambil daripada transkrip jawapan penulisan karangan kesemua peserta kursus berjumlah 65 orang pelajar bagi ujian pertama dan kedua yang dijalankan. Bagi menjamin keesahan dan kebolehpercayaan analisis data, pengkaji telah menjalankan kajian rintis dan menggunakan kaedah semakan tiga orang pakar yang memenuhi beberapa kriteria. Pengkaji memperolehi sebanyak 768 penggunaan *tazkir wa ta'nith* dengan 577 penggunaan *tazkir* dan 191 penggunaan *ta'nith* telah dilakukan oleh para pelajar. Manakala, dari segi kesalahan *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan oleh mereka secara keseluruhannya berjumlah sebanyak 101 kesalahan dengan 63 kesalahan bagi konsep *tazkir* dan 38 kesalahan bagi konsep *ta'nith*. Susunan kategori kesalahan mengikut kekerapan yang tertinggi adalah *jumlah ismiyyah*, *al-sifah wa al-mausuf*, *al-mausul wa 'a'iduhu*, *al-'adad wa al-ma'dud* dan *jumlah fi'liyyah*. Ringkasnya, pengkaji dapat menyatakan bahawa bilangan kekerapan kesalahan aplikasi *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan oleh para pelajar persediaan adalah lebih rendah berbanding bilangan kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dengan kategori kesalahan yang paling kerap dilakukan oleh mereka ialah kategori *jumlah ismiyyah*.

**APPLICATION OF *TAZKIR WA TA'NITH* IN ARABIC LANGUAGE ESSAY
WRITING FOR MIDDLE EAST PREPARATORY STUDENTS**

ABSTRACT

Writing essay is a difficult and complicated process. In writing Arabic essay's, students need to master the basics of grammar. Among the topics that they need to master is the concept of *tazkir wa ta'nith*. Therefore, a quantitative study using the document analysis technique was conducted with the aim of knowing the level of proficiency of prepared students at the Selangor Arabic Language Center for the application usage of *tazkir wa ta'nith* in their essay writing. The study data were extracted from the transcript of the essay test from all of the 65 students in their first and second tests. To assure the validity and reliability of the data analysis, the researcher conducted a pilot study and used the three experts who meet several criteria. The researcher obtained 768 *tazkir wa ta'nith* usage with 577 *tazkir* usage and 191 *ta'nith* usage by the students. However, in terms of the *tazkir wa ta'nith* mistakes made by them in total there were 101 errors with 63 errors for the *tazkir* concept and 38 errors for the *ta'nith* concept. The ranking of error categories from the highest mistakes frequency that had occurred to the lowest one is *jumlah ismiyyah*, *al-sifah wa al-mausuf*, *al-mausul wa 'a'iduhu*, *al-'adad wa al-ma'dud* and *jumlah fi'liyyah*. In short, the researcher can state that the number of frequency of *tazkir wa ta'nith* application errors committed by preparatory students is lower than the number of frequency of application of *tazkir wa ta'nith* with the category of offenses most frequently committed by them is the category of *jumlah ismiyyah*.

SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Halaman
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB SATU PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Kerangka Teori Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	13
1.8 Definisi Istilah Kajian	15
1.9 Rumusan	17
BAB DUA SOROTAN LITERATUR KAJIAN	19
2.0 Pengenalan	19
2.1 Teori Bahasa Kedua	19
2.2 Teori Analisis Kesalahan Bahasa	31
2.3 Konsep <i>Tazkir Wa Ta'nith</i> Menurut Pandangan Ahli Bahasa Arab	34
2.3.1 Definisi	34
2.3.2 Pembahagian	35
2.3.4 Tanda-tanda mengenal perbezaan antara <i>muzakkar</i> dan <i>muannat</i>	37
2.4 Aplikasi Penggunaan <i>tazkir wa ta'nith</i> dalam Pembinaan ayat	41

2.5	Kajian-Kajian lain mengenai Kesilapan Bahasa	53
2.6	Rumusan	59
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN		60
3.0	Pengenalan	60
3.1	Reka Bentuk Kajian	60
3.2	Lokasi Kajian	66
3.3	Peserta Kajian dan Dokumen Kajian	66
3.4	Instrumen Kajian	67
	(a) Borang kekerapan penggunaan <i>tazkir wa ta'nith</i> .	69
	(b) Borang kekerapan kesalahan <i>tazkir wa ta'nith</i>	72
	(c) Borang penggunaan dan pembetulan <i>tazkir wa ta'nith</i> .	74
3.5	Keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.	75
3.6	Prosedur Kajian	90
3.7	Rumusan	92
BAB EMPAT ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN		93
4.0	Pengenalan	93
4.1	Analisis Data Kajian	93
	(a) Kekerapan aplikasi penggunaan <i>tazkir wa ta'nith</i>	93
	(b) Kekerapan kesalahan <i>tazkir wa ta'nith</i>	98
	(c) Kategori-kategori kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam TT	103
4.2	Contoh-contoh kesalahan aplikasi penggunaan TT mengikut kategori	106
	(a) <i>Jumlah Ismiyyah</i>	106
	(b) <i>Jumlah fi'liyyah</i>	107
	(c) <i>al-Hal wa sohibuhu</i>	108
	(d) <i>al-'Adad wa al-Ma'dud</i>	108
	(e) <i>al-Sifah wa al-Mausuf</i>	109
	(f) <i>al-Silah wa 'a'iduhu</i>	110
4.3	Rumusan	111

BAB LIMA	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	112
5.0	Pengenalan	112
5.1	Perbincangan	112
	(a) Ke kerap an aplikasi penggunaan <i>tazkir wa ta'nith</i>	113
	(b) Ke kerap an kesalahan <i>tazkir wa ta'nith</i>	117
	(c) Susunan kategori-kategori kesalahan pelajar dalam aplikasi TT	121
5.2	Implikasi	126
5.3	Cadangan	128
	(a) saranan	129
	(b) Cadangan Kajian Lanjutan	129
5.4	Penutup	131
	SENARAI RUJUKAN	134
	LAMPIRAN	140
	(A) Surat Menjalankan Kajian	
	(B) Surat Pemilihan Pakar	
	(C) Maklumat Panel Pakar	
	(D) Contoh Soalan dan Jawapan Pelajar	
	(E) Instrumen Soal Selidik	
	(F) Analisis Ayat TT Daripada Hasil Karangan	
	(G) Borang Analisis Ayat Dan Frasa Bahasa Arab TT	

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*.

Rajah 2. 1 : Rajah hubungan rangsangan dan tindak balas aliran Behaviorisma.

Rajah 2. 2 : Hubungan penguasaan bahasa kedua dengan kecekapan dan kemahiran bahasa.

Rajah 2.3 : Proses pembinaan karangan (sumber: Awang Sariyan, 2001)

Rajah 2.4 : Pembahagian *Isim* menurut ahli tatabahasa Arab.

Rajah 3.1 : Struktur Pentadbiran Kajian

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1: Perbezaan penugasan bahasa pertama dan bahasa kedua (sumber: Zulkifley Hamid, 2000).

Jadual 2.2 : *Tasrif al-af'al* bagi *fiil madhi*, *Mudhori* 'dan *Amar*.

Jadual 2.3 : Tasrif Kata Kerja Madhi (KKMD) bagi jenis Kata Nama Muzakkar

Jadual 2.4 : Tasrif Kata Kerja Madhi (KKMD) bagi jenis Kata Nama Muannath

Jadual 2.5 : Tasrif Kata Kerja Mudhari (KKMU) bagi jenis Kata Nama Muzakkar

Jadual 2.6 : Tasrif Kata Kerja Mudhari (KKMU) bagi jenis Kata Nama Muannath

Jadual 2.7 : Tasrif fiil Amar untuk Kata Nama Muzakkar dan Muannath.

Jadual 3.1 : Tema-tema dan item-item penggunaan *tazkir wa ta'nith*.

Jadual 3.2 : Borang kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*.

Jadual 3.3 : Borang analisis penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*

Jadual 3.4 : Nilai dan skala persetujuan Cohen Kappa.

Jadual 3.5 : Skor persetujuan pakar.

Jadual 3.6 : Kategori penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith* bagi instrumen kajian.

Jadual 3.7: Borang analisis penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*

Jadual 3.8: Hasil analisis bagi penggunaan *tazkir wa ta'nith* bagi kesemua pakar.

Jadual 3.9: Hasil analisis bagi kesalahan *tazkir wa ta'nith* bagi kesemua pakar.

Jadual 4.1 : Aplikasi penggunaan TT untuk *Jumlah Ismiyyah*.

Jadual 4.2 : Aplikasi penggunaan TT untuk *Jumlah Fi'liyyah*.

Jadual 4.3 : Aplikasi penggunaan TT untuk *al-Hal Wa Sohibuhu*.

Jadual 4.4 : Aplikasi penggunaan TT untuk *al-'adad wa al-ma'dud*.

Jadual 4.5 : Aplikasi penggunaan TT untuk *al-sifah wa al-mausuf*.

Jadual 4.6 : Aplikasi penggunaan TT untuk *al-Mausul wa 'a'iduhu*.

Jadual 4.7 : Aplikasi penggunaan TT untuk semua jenis kategori

Jadual 4.8 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *Jumlah Ismiyyah*.

Jadual 4.9 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *Jumlah Fi'liyyah*.

Jadual 4.10 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *al-Hal Wa Sohibuhu*.

Jadual 4.11:Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *al-'adad wa al-ma'dud*.

Jadual 4.12 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *al-sifah wa al-mausuf*.

Jadual 4.13 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *al-Mausul wa 'a'iduhu*.

Jadual 4.14 : Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk semua jenis kategori

Jadual 4.15 : Kategori-kategori kesalahan aplikasi penggunaan TT.

SENARAI SINGKATAN

- JAIS - Jabatan Agama Islam Selangor
KGND – Kata Ganti Nama Diri
KKMD – Kata Kerja Madhi
KKMU – Kata Kerja Mudhori’
KPM – Kementerian Pendidikan Malaysia
LAD - Language Aquasiation Devices
MAIS – Majlis Agama Islam Selangor
PBAS – Pusat Bahasa Arab Selangor
STAM - Sijil Tinggi Agama Malaysia
SWT – Subhanahu Wa Ta’ala
TT - Tazkir wa Ta’nith
UKM - Universiti Kebangsaan Malaysia
YIK - Yayasan Islam Kelantan

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa merupakan medium pengantara bagi membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2003). Tanpa bahasa, kehidupan manusia akan menjadi sukar. Perkara ini merupakan satu bukti bahawa Allah SWT telah menciptakan bahasa untuk memudahkan urusan manusia seperti firman-Nya yang bermaksud (Syekh Abdullah Muhammad Basmeih, 1998):

“ Dan daripada bukti-bukti kekuasaan-Nya, Dia telah menjadikan langit-langit dan bumi serta bahasa-bahasa yang pelbagai dan warna jasad kamu semua. Sesungguhnya pada yang demikian itu, sebagai bukti untuk orang-orang yang berilmu pengetahuan.”

(Surah ar-Rum: ayat 22)

Menurut Zulkifley Hamid (1994), seseorang manusia dapat menguasai bahasa pertama secara tidak sedar dan semulajadi daripada ibu dan bapanya. Tambahan pula, penggunaan bahasa pertama dalam kehidupan seharian merupakan satu keutamaan bagi setiap manusia bertujuan untuk berinteraksi dalam sesuatu kelompok komuniti yang tertentu. Namun begitu, terdapat perbezaan di antara proses pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua berbanding dengan bahasa pertama (Zulkifley Hamid, 1994, 2000). Dengan erti kata lain, proses penguasaan bahasa kedua memerlukan pelajar mengikuti kelas-kelas tertentu. Perkara ini berlaku kerana pelajar tersebut terpaksa melalui proses pembelajaran yang dirancang.

Secara umumnya, proses pembelajaran terancang bahasa kedua melibatkan pembelajaran kemahiran-kemahiran bahasa seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kesemua kemahiran tersebut perlu dipelajari oleh para pelajar bagi membiasakan diri mereka dengan bahasa kedua serta menguasai bahasa tersebut dengan jayanya.

Justeru itu, dalam bab ini, pengkaji akan memberikan penerangan yang khusus mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori dan batasan kajian serta definisi istilah-istilah yang akan digunakan dalam kajian ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks negara Malaysia, bahasa arab merupakan bahasa kedua yang wajib dipelajari oleh para pelajar yang mengambil jurusan Pengajian Islam khususnya di sekolah-sekolah aliran agama. Perkara ini demikian kerana kesemua subjek yang terkandung dalam bidang pengajian islam ini diajar di dalam bahasa arab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Isu pembelajaran bahasa arab ini menjadi semakin penting lagi di kalangan pelajar disebabkan mereka perlu menulis segala laporan dan jawapan untuk subjek-subjek yang berteraskan bahasa arab seperti *tauhid, feqah, insya', balaghah* dan subjek-subjek yang berkaitan di dalam bahasa arab.

Justeru itu, langkah-langkah proaktif perlu diambil oleh pelbagai pihak sama ada daripada pihak kerajaan mahu pun pihak swasta dalam merancang program-program pembangunan bahasa arab bagi tujuan mempertingkatkan kemampuan pelajar dalam penguasaan bahasa ini seperti penganjuran pelbagai kursus dan seminar bahasa arab untuk para pelajar di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Penganjuran program-program tersebut juga diharap dapat memberikan kefahaman pengetahuan yang betul, pengalaman pembelajaran yang menarik dan membuka peluang yang lebih luas kepada para pelajar jurusan pengajian islam untuk memahami fungsi bahasa arab dalam konteksnya serta dapat mempraktikkan kefahaman tersebut secara lebih berkesan.

Oleh itu, satu program khas persediaan bahasa arab selama sebulan untuk para pelajar lepasan STAM telah diadakan oleh Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor (PBAS), Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) bersama-sama dengan pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Menurut pihak PBAS, program ini merupakan program wajib tahunan yang diadakan sebanyak sekali dalam setahun. Melalui program ini, para pelajar diwajibkan untuk bertutur bahasa arab pada setiap masa. Kaedah pengajaran yang diterapkan dalam program ini dikenali dengan kaedah langsung atau kaedah tentera (Abdullah Hassan, 1996; Abu Bakar Muhammad, 1981; Acep Hermawan, 2011; Mahmud Kamil al-Naqoh dan Rusydi Ahmad Thoimah, 2003).

Penerapan kaedah tentera di dalam program tersebut merupakan satu bentuk pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa arab buat para pelajar di Malaysia, khususnya di negeri Selangor kerana sebelum ini para pelajar menggunakan kaedah nahu terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Sebagai tambahan, walau pun mereka mempelajari keempat-empat kemahiran bahasa di dalam program ini, namun, penumpuan pengajaran dan pembelajaran adalah kepada kemahiran lisan dan kemahiran penulisan.

Dalam proses penguasaan kemahiran penulisan, para pelajar dilihat kerap melakukan kesilapan atau kesalahan tatabahasa. Perkara ini berlaku kerana mereka

tidak didedahkan dengan teknik dan strategi pembelajaran bahasa yang betul. Dapatan kajian lalu menyatakan bahawa kebanyakan hasil karangan yang ditulis oleh para pelajar adalah berdasarkan kepada kaedah menghafal karangan semata-mata tanpa memahami isi karangan tersebut. Perkara ini dilakukan oleh mereka bertujuan untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Natiujahnya, para pelajar kerap melakukan kesalahan bahasa di dalam penulisan karangan mereka.

Umumnya, kesalahan bahasa merupakan perkara yang lumrah dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa yang baru atau pun bahasa kedua. Dapatan daripada kajian lalu juga menyatakan bahawa para pelajar yang kerap melakukan kesalahan, akhirnya dapat menghindarkan diri mereka daripada mengulangi kesalahan yang sama pada masa hadapan dengan syarat jika guru telah memberitahu para pelajar mengenai kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan dan mereka terus membetulkan kesalahan-kesalahan tersebut tanpa berlengah (Che Radiah Mezah, 1996; Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim, 2012; Nuryani, 2014).

1.2 Pernyataan Masalah

Kemahiran penulisan merupakan salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar. Melalui kemahiran ini pelajar dapat menyampaikan maklumat atau mesej yang tertentu kepada orang lain dengan betul (Che Radiah Mezah, 2014; Roselan Baki, 1994).

Menurut Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (1997), kemahiran penulisan merupakan perkara yang sukar dan rumit. Perkara ini disebabkan pelajar perlu berfikir untuk membina ayat yang sesuai dalam penulisannya. Tambahan pula, tahap-tahap penulisan adalah berbeza daripada tahap yang rendah seperti menulis

sesuatu perkataan, ayat dan klausa, sehingga tahap yang tinggi seperti membina perenggan dan wacana. Kebiasaannya, tahap-tahap penulisan ini diajar secara berperingkat mengikut kesesuaian tahap pembelajaran iaitu di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat universiti.

Menurut Awang Sariyan (2001), matlamat utama kemahiran menulis adalah untuk membantu para pelajar dalam memahami dan menguasai cara menulis perkataan, frasa, klausa dan ayat dalam bahasa arab dengan betul agar mesej atau maklumat yang ingin disampaikan tercapai. Maka, untuk mencapai matlamat tersebut, para pelajar dikehendaki untuk mempelajari teknik-teknik penulisan secara berperingkat mengikut tahap demi tahap menerusi latihan-latihan penulisan yang akan diberikan oleh guru mereka dengan harapan agar mereka mampu menghasilkan karangan bahasa arab yang baik. Menurut Sameh Abu Mughli (2009) antara latihan yang perlu dipelajari oleh para pelajar dalam kemahiran penulisan adalah seperti berikut:

- a) Latihan menulis huruf-huruf *hijaiyyah* dengan betul secara satu persatu dan secara bersambung.
- b) Latihan menulis ayat-ayat yang mudah.
- c) Latihan membina ayat-ayat yang kompleks.
- d) Latihan melahirkan perasaan mereka melalui penulisan mengenai perkara-perkara seharian yang telah mereka lalui dalam kehidupan.
- e) Latihan menghasilkan karangan yang menarik dan dapat dikongsikan bersama orang lain.
- f) Latihan menulis dalam pelbagai perkara atau genre yang memerlukan catatan dalam bentuk tulisan.

Justeru itu, bagi menghasilkan karangan bahasa arab yang baik, selain daripada bentuk-bentuk latihan di atas, pemahaman para pelajar terhadap aspek tatabahasa arab juga merupakan salah satu faktor utama bagi menulis ayat bahasa arab yang betul dan dapat difahami oleh orang lain (Azlan Shaiful Bahrum dan Rosni Samah, 2015; Muhammad Zahri Abdul Karim, 2014). Antara konsep tatabahasa arab yang perlu difahami dan dikuasai oleh mereka adalah konsep *tazkir wa ta'nith*. Secara umumnya, *tazkir wa ta'nith* merupakan satu konsep pengelompokan jenis gender sesuatu perkataan sama ada kepada jenis lelaki atau jenis perempuan (Al-Ghalayaini, 1993). Aspek penting yang perlu diberikan penekanan oleh para pelajar dalam membina ayat bahasa arab yang betul berdasarkan konsep ini ialah menyamakan *muthobaqah* gender bagi perkataan yang ingin digunakan dengan gender dari perkataan yang lain dalam satu ayat atau frasa yang ingin dibina.

Kebiasaannya, konsep *tazkir wa ta'nith* diajar di setiap peringkat pendidikan bahasa arab iaitu bermula daripada peringkat sekolah rendah lagi. Dengan jangka masa pembelajaran yang berterusan, perkara ini dilihat mampu menjadikan para pelajar menguasai konsep *tazkir wa ta'nith* dengan baik seiring dengan tahap pendidikan mereka yang semakin berkembang. Pengkaji merasakan akan kepentingan konsep ini dikuasai oleh para pelajar, terutamanya bagi mereka yang sedang mengikuti kursus persediaan bahasa arab untuk melanjutkan pengajian ke universiti di timur tengah. Para pelajar tersebut perlu mahir dan menguasai aspek ini dengan baik kerana mereka akan terlibat secara langsung dalam mempraktikkan penulisan bahasa arab. Kegagalan para pelajar dalam menguasai aspek *tazkir wa ta'nith* akan menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan tidak dapat difahami oleh pembaca. Bahkan, kemungkinan akan berlaku salah tafsiran terhadap mesej yang ingin disampaikan oleh mereka kelak.

Justeru itu, walau pun konsep ini dianggap mudah oleh para pelajar kerana mereka telah mempelajari mengenai konsep ini sejak di peringkat sekolah rendah lagi (Rosni Samah, 2012), namun mereka masih melakukan kesalahan mengaplikasikan konsep ini dalam penulisan karangan. Melalui soroton kajian-kajian lalu, pengkaji mendapati bahawa para pelajar kerap melakukan kesalahan tatabahasa dalam membina ayat bahasa arab. Misalnya, kajian yang telah dijalankan Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012) ke atas penulisan karangan yang dihasilkan oleh 22 orang pelajar jurusan bahasa arab di Fakulti Pengajian Islam UKM, mendapati bahawa para pelajar masih melakukan banyak kesalahan tatabahasa dalam penulisan mereka termasuk tajuk penyesuaian *muzakkar* dan *muannath*. Turut menyokong perkara ini juga adalah melalui kajian al-Muslim Mustafa (2011) yang mendapati bahawa kebanyakan pelajar di peringkat universiti melakukan pelbagai kesalahan bahasa termasuk konsep *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan mereka.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji lain mengenai tajuk ini sama ada di peringkat sekolah mahu pun di peringkat universiti, seperti kajian yang dilakukan oleh (Ahmad Abdul Qodir, 2013; Che Radiah Mezah, 2009; Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim, 2012; Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, 2014; Muhammad Zahri Abdul Karim, 2014; Rosni Samah, 2012; Rosni Samah et.al., 2013; Zarima Mohd Zakaria, 2005), namun, terdapat lompang kecil yang boleh diterokai oleh pengkaji berkenaan konsep *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat di kalangan pelajar khususnya para pelajar persediaan bahasa arab secara khusus yang mana para pelajar tersebut telah mengikuti pembelajaran dengan menggunakan kaedah lansung. Setakat ini, belum ada lagi kajian yang sama dilakukan terhadap para pelajar persediaan bahasa arab, walau pun terdapat kajian-kajian lain yang mengkaji aspek kesalahan bahasa di kalangan pelajar. Oleh itu,

pengkaji ingin menjalankan kajian mengenai aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan bahasa arab di kalangan pelajar kursus persediaan bahasa arab yang diadakan di Pusat Bahasa Arab Selangor.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini cuba untuk melihat tahap penguasaan para pelajar persediaan bahasa arab dalam pembinaan ayat yang mengandungi konsep *tazkir wa ta'nith*. Secara khususnya, kajian ini cuba untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- (a) Untuk mengetahui kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan mereka.
- (b) Untuk mengetahui kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan mereka.
- (c) Untuk mengenal pasti kategori-kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh para pelajar dalam tajuk *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan.

1.4 Soalan Kajian


Daripada objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan, pengkaji akan mengemukakan beberapa soalan kajian seperti berikut:

- (a) Sejauhmanakah kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith* para pelajar persediaan bahasa arab dalam penulisan karangan mereka?.

- (b) Sejauhmanakah kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* para pelajar persediaan bahasa arab dalam penulisan karangan mereka?.
- (c) Apakah kategori-kategori kesalahan *tazkir wa ta'nith* yang kerap dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan mereka.

1.5 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini akan dijalankan berdasarkan kepada konsep *tazkir wa ta'nith* yang telah dibincangkan oleh para ilmuan bahasa arab seperti (Antoine el-Dahdah, 1993; Fuad Nikmah, 2000; Muhammad Zain Mahmood, 2009) bagi pembentukan kerangka teori pengkaji. Perkara ini dapat digambarkan seperti rajah 1.1 yang berikut;



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*.

Berdasarkan rajah 1.1 berkenaan dengan konsep *tazkir wa ta'nith* di atas, dari segi gender, perkataan dalam bahasa arab dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu gender lelaki (*muzakkar*) dan gender perempuan (*muannath*). Seterusnya, perbincangan mengenai gender dapat dibahagikan lagi kepada dua tajuk bagi setiap gender iaitu pada kata nama (*al-ism*) dan pada kata kerja (*al-fi'il*).

Daripada perbincangan tersebut, konsep *tazkir dan ta'nith* dapat dilihat dari aspek yang lebih luas lagi iaitu aspek ayat dan frasa bahasa arab. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah menerapkan konsep yang telah dibincangkan oleh (Ab. Halim Mohamad, 2000; Muhammad Zain Mahmood, 2009) mengenai ayat dan frasa bahasa arab. Oleh itu, berdasarkan perbincangan mereka, pengkaji telah memilih sebanyak enam kategori penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith* iaitu *jumlah ismiyyah*, *jumlah fi'liyyah*, *al-hal wa sohibuhu*, *al-'adad wa ma'dud*, *al-sifah wa al-mausuf* dan *al-silah wa 'a'iduha* sahaja.

Di dalam menetapkan kesalahan yang terjadi bagi konsep *tazkir wa ta'nith*, pengkaji telah meletakkan dasar analisis seperti berikut:

- i) Bagi *jumlah ismiyyah*, pengkaji menjadi *mubtada'* atau subjek sebagai asas penilaian sesuatu ayat atau frasa bahasa arab.
- ii) Bagi *jumlah fi'liyyah*, pengkaji menjadi *Fa'il* atau pelaku perbuatan sebagai asas penilaian.
- iii) Bagi *al-hal wa sohibuhu*, pengkaji menjadikan *sohibul hal* atau pemilik hal sebagai dasar dan asas penilaian.
- iv) Bagi *al-'adad wa al-ma'dud*, pengkaji menjadikan *al-ma'dud* atau perkara yang dibilang sebagai asas dan dasar penilaian.
- v) Bagi *al-sifah wa al-mausuf*, pengkaji menjadikan *al-mausuf* atau perkara yang disifatkan sebagai dasar penilaian.

- vi) Bagi perkara *al-Silah wa 'a'iduha*, pengkaji menjadikan *isim aw fi'il qabla isim mausul* atau kata nama atau kata kerja yang terletak sebelum kata mausul sebagai asas dan dasar penilaian penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith*.

Akhir sekali, pengkaji akan menjalankan analisis penggunaan *tazkir wa ta'nith* menggunakan kerangka teori yang diambil daripada Teori Analisis Kesalahan Bahasa yang telah dipelopori oleh (Coder, 1967). Menurut beliau, kesalahan merupakan perkara yang penting kepada para guru kerana melaluinya guru dapat mengetahui kemampuan pelajarannya dalam menguasai bahasa kedua. Pelajar yang lemah dapat dibimbing oleh guru tersebut dengan cara memilih bahan dan strategi pengajaran yang sesuai dengan tahap pelajar. Selain itu, kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pelajar adalah perkara lumrah dalam proses pembelajaran pelajar tersebut. Melalui kesalahan yang dilakukan, pelajar dapat memahami keadaan sebenar dalam penggunaan bahasa kedua yang dipelajarinya. Justeru, bagi kajian ini, pengkaji akan menganalisis kekerapan aplikasi penggunaan dan kesalahan konsep *tazkir wa ta'nith* di dalam teks karangan yang ditulis oleh para pelajar persediaan ke timur tengah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi beberapa kepentingan. Antaranya, bagi pihak guru yang mengajar subjek penulisan karangan bahasa arab. Dengan hasil kajian yang diperolehi kelak, diharapkan agar para guru dapat memperbaiki strategi dan kaedah pengajaran untuk subjek penulisan karangan khususnya dalam konsep pembinaan ayat dan frasa yang mengandungi *tazkir wa ta'nith*.

Selain itu juga, kajian ini diharap dapat membantu para pelajar mengetahui kategori-kategori penggunaan *tazkir wa ta'nith* dan kesalahan-kesalahan ayat yang kerap dilakukan oleh para pelajar berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada kajian ini. Dengan cara ini, para pelajar dapat mengelakkan diri mereka daripada mengulangi kesalahan yang sama dalam penulisan karangan mereka pada masa hadapan.

Di samping itu, pengkaji berharap agar kajian ini juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui bahagian pendidikan Islam dalam merangka satu katalog contoh-contoh penggunaan dan kesalahan konsep *tazkir wa tanith* yang kerap dilakukan oleh para pelajar Malaysia yang mengambil mata pelajaran bahasa arab di sekolah. Hal ini demikian, supaya ia dapat digunakan sebagai panduan oleh para pelajar dalam pembinaan ayat yang betul dan gramatis khususnya pada konsep penyesuaian *tazkir wa ta'nith* bahasa arab.

Akhir sekali, kajian ini juga penting kepada para pembuat dasar dan modul pengajaran bahasa arab agar mereka dapat membina modul-modul pengajaran yang bersesuaian dengan aspek penggunaan dan kesalahan dalam konsep *tazkir wa ta'nith*. Dengan adanya perbincangan konsep *tazkir wa ta'nith* ini diharapkan ia dapat membantu para pelajar mengenalpasti kategori-kategori penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam ayat atau frasa bahasa arab dan kesalahan ayat yang kerap dilakukan oleh para pelajar semasa membina ayat. Selain itu, pengetahuan tersebut dapat digunakan oleh para pelajar agar karangan mereka bertambah baik dan kurang kesalahan yang dilakukan. Perkara ini juga, dapat menjadikan karangan yang dihasilkan dapat difahami oleh para pembaca di kalangan orang arab dan orang yang mempelajari bahasa arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. Responden yang terlibat merupakan semua pelajar kursus persediaan ke universiti-universiti di timur tengah bagi ambilan tahun 2016 iaitu seramai 65 orang. Rasional pemilihan lokasi kajian dan responden kajian adalah kerana tidak terdapat lagi kajian yang dijalankan di lokasi yang dipilih. Selain itu, masih tidak terdapat kajian yang mengkaji tahap penguasaan para pelajar dalam pemahaman konsep *tazkir wa ta'nith* setelah mereka mengikuti program yang menggunakan kaedah langsung selama sebulan.

Soalan karangan yang perlu dijawab oleh para pelajar tersebut adalah daripada ujian pertengahan dan ujian akhir yang dijalankan oleh pihak PBAS. Jenis karangan yang dijadikan soalan adalah berbentuk deskriptif. Manakala, tajuk karangan yang diberikan ialah *Husnu Jiwar* iaitu berbuat baik terhadap jiran tetangga.

Untuk kajian ini, pengkaji hanya akan membincangkan berkenaan konsep *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan frasa dan ayat sahaja. Oleh sebab itu, pengkaji tidak akan melihat kepada persoalan *tazkir wa ta'nith* secara terpisah iaitu dalam *isim* dan *Fiil* sahaja. Rasional batasan kajian hanya pada ayat dan frasa bahasa arab adalah kerana aplikasi *tazkir dan ta'nith* mudah diketahui dan dinilai apabila sesuatu perkataan itu berada pada satu kesatuan dan tidak terpisah. Jika sesuatu perkataan itu dilihat secara terpisah-pisah, sudah tentu pengkaji tidak dapat menilai aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* di kalangan pelajar dalam penulisan karangan mereka.

Selain itu, penggunaan kaedah analisis dokumen dalam kajian ini mempunyai beberapa kelemahan yang tidak dapat dielakkan. Antara kekurangan tersebut seperti berikut:

- i) Terbatas kepada tingkah laku lisan dan tulisan. Dokumen-dokumen dan bahan-bahan yang dianalisis menggunakan kaedah ini hanya dapat memberikan maklumat tentang tingkah laku lisan responden (sama ada berbentuk lisan dan tulisan). Oleh yang demikian, kaedah ini tidak dapat menilai tingkah laku yang berbentuk bukan lisan.
- ii) Kaedah pengukuran. Tidak terdapat satu cara yang khusus untuk mengukur sesuatu maklumat kerana ia bersifat abstrak dan subjektif. Oleh itu, mungkin terdapat pengukuran yang berbeza antara seseorang pengkaji dengan pengkaji lain.
- iii) Kategori dan pengekodan. Kadang kala seseorang pengkaji mengalami kesukaran bagi memberikan takrif yang tepat untuk kategori-kategori kajian. Hal ini bertambah rumit dengan keperluan mendapatkan persetujuan kategori daripada pengkaji-pengkaji lain. Jika mereka tidak bersetuju dengan kategori yang telah dipilih oleh pengkaji, maka beliau perlu meneliti dokumen kajian kembali dan mendapatkan kategori serta persetujuan daripada pengkaji lain.
- iv) Persampelan. Jika pengkaji tidak dapat memperolehi saiz sampel yang memadai bagi kajian yang ingin dijalankan, beliau perlu mendapatkannya daripada populasi semula. Sebagai misal, jika saiz sampel berjumlah 50 orang, beliau perlu mendapatkan keseluruhan bilangan tersebut kerana saiz populasi adalah kecil. Sekiranya pengkaji hanya mengambil sebahagian daripada jumlah tersebut, dikhuatiri hasil yang diperolehi tidak menggambarkan keadaan sebenar populasi yang dikaji.

1.8 Definisi Istilah Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa definisi dan istilah yang penting agar maksud yang dikehendaki oleh pengkaji menerusi definisi dan istilah tersebut tidak mendatangkan salah tafsiran kepada pengkaji-pengkaji lain. Senarai perkataan di bawah ini akan memberikan maksud dan makna yang dikehendaki oleh pengkaji dalam keseluruhan kajian ini.

(a) Aplikasi

Aplikasi bermaksud penerapan penggunaan sesuatu perkara atau konsep oleh seseorang pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji bermaksud penerapan konsep *tazkir wa ta'nith* (gender bahasa arab) dalam pembinaan ayat atau frasa di kalangan pelajar

Dengan erti kata lain, kata aplikasi yang dikehendaki dalam kajian ini ialah pengkaji akan menganalisis aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*, kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dan kategori-kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar persediaan kursus bahasa arab dalam penulisan karangan mereka.

(b) Tazkir wa ta'nith

Tazkir wa ta'nith merupakan satu tajuk dalam ilmu nahu arab yang membincangkan mengenai kata nama (*isim*) yang boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu *muzakkar* (lelaki) dan *muannath* (perempuan). Namun begitu, maksud *tazkir wa ta'nith* yang dikehendaki oleh pengkaji di dalam kajian ini adalah aplikasi penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith* semasa para pelajar membina ayat dan frasa dalam karangan yang dihasilkan.

Antara perkara penting yang didokong oleh konsep *tazkir dan ta'nith* dalam kajian ini ialah *jumlah ismiyyah, jumlah fi'liyyah, al-hal wa sohibuhu, al-'adad wa al-ma'dud, sifah wa mausuf* dan *mausul wa 'a'iduhu*.

(e) Penulisan karangan :

Penulisan karangan bermaksud satu proses penghasilan karya yang dilakukan oleh para pelajar bagi menyalurkan segala idea dan perasaan mereka kepada pembaca sasaran dalam bentuk tulisan. Bagi tujuan kajian ini, para pelajar dikehendaki menulis karangan yang bertajuk *husnu al-jihar* (kebaikan-kebaikan terhadap jiran tetangga). Penulisan karangan ini berbentuk deskriptif iaitu karangan yang menerangkan sesuatu keadaan atau situasi. Oleh itu, pengkaji ingin menegaskan bahawa bagi tujuan kajian ini, perkataan penulisan karangan adalah merujuk kepada hasil karangan yang ditulis oleh para pelajar.

(d) Pelajar Persediaan ke Timur Tengah

Pelajar ialah orang yang diajar mengenai sesuatu perkara atau pelajaran tertentu di sekolah atau tempat-tempat pembelajaran yang rasmi. Bagi tujuan kajian ini, kata pelajar membawa maksud para pelajar yang mengikuti kursus Pesediaan Bahasa Arab untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti di timur tengah seperti Universiti Al-Azhar di Mesir dan Universiti Yarmouk di Jordan. Para pelajar ini adalah lepasan daripada Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang berumur sekitar 19 hingga 20 tahun. Mereka mengikuti kursus ini selama sebulan di Pusat Bahasa Arab Selangor di Kampung Jawa, Klang.

1.9 Rumusan

Sebagai rumusan, dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan berkenaan beberapa perkara yang penting untuk kajian yang akan dijalankan. Antaranya, perbincangan mengenai pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah yang digunakan dan rumusan kajian.

Ringkasnya, pada bahagian pendahuluan, pengkaji telah membincangkan mengenai pengertian bahasa dan perbincangan mengenai pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua. Seterusnya pada latar belakang kajian, pengkaji telah menyatakan berkenaan usaha organisasi-organisasi tertentu dalam menjalankan pelbagai program bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para pelajar dan masyarakat tentang bahasa arab. Antara program yang dijalankan adalah program persediaan bahasa arab bagi para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti di timur tengah. Program ini telah dijalankan oleh pihak PBAS di bawah penyeliaan JAIS.

Selain itu, pengkaji turut menyatakan permasalahan kajian mengenai kelemahan para pelajar dalam aspek penulisan karangan bahasa arab. Hal ini demikian kerana mereka tidak dapat menguasai tatabahasa arab itu sendiri dengan baik seperti konsep *tazkir wa ta'nith*. Justeru itu, melalui kajian ini, pengkaji ingin mengetahui tahap penguasaan para pelajar tersebut terhadap konsep *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui kategori-kategori penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab serta kekerapan kesalahan para pelajar dalam konsep ini.

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah menerangkan mengenai kerangka teori kajian yang diadaptasi daripada Teori Analisis Kesalahan Bahasa oleh S.P. Coder dan konsep *tazkir wa ta'nith* dalam bahasa arab menurut pandangan ahli tatabahasa arab. Selain itu juga, pengkaji turut menyatakan mengenai skop kajian yang hanya menumpukan aspek *tazkir wa ta'nith* dalam ayat dan frasa sahaja sahaja. Akhirnya, pengkaji telah menyatakan istilah-istilah penting yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.

Universiti Malaya

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR KAJIAN

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan beberapa perkara yang membantu pengkaji untuk memahami konsep-konsep penting berkenaan kajian. Antara perkara yang akan dibincangkan seperti teori bahasa kedua, Analisis Kesilapan Bahasa, perbincangan mengenai konsep *tazkir wa ta'nith* dan kajian-kajian lepas mengenai kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Perbincangan dalam bab kedua ini akan diakhiri dengan satu rumusan ringkas secara keseluruhannya.

2.1 Teori Bahasa Kedua.

Manusia merupakan makhluk yang istimewa kerana dikurniakan dengan kemahiran berbahasa. Melalui bahasa, manusia dapat berhubung antara satu sama lain bagi mencapai kehendak dan keperluan mereka (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2003). Justeru, untuk tujuan berkomunikasi, manusia perlu menguasai bahasa pertama supaya perkara yang ingin disampaikan difahami oleh orang lain di sekelilingnya. Menurut Zulkifley Hamid (2000), penguasaan bahasa pertama oleh seseorang individu lebih mudah dan terjadi secara semulajadi kerana manusia memperolehi kemahiran berbahasa melalui ibu dan bapanya secara langsung iaitu daripada perbualan yang digunakan seharian.

Namun begitu, bagi kes bahasa kedua ianya berbeza dengan pemerolehan bahasa pertama kerana ia perlu dipelajari secara formal dan terancang oleh seseorang individu (Abdullah Hassan, 1996; Brown, 2000; Zulkifley Hamid, 2000). Tambahan pula, pembelajaran bahasa kedua hanya berlaku selepas bahasa pertama telah dikuasai oleh seseorang pelajar. Menurut Atan Along (1992) seseorang individu mempelajari bahasa kedua bagi mencapai tujuan-tujuan tertentu seperti untuk memahami teks dan wacana dalam bahasa tersebut, berinteraksi dengan penutur jati bahasa kedua dan pelbagai tujuan lain.

Oleh itu, teori pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua perlu difahami dengan sebaiknya oleh seseorang pengkaji yang ingin menjalankan kajian dalam bidang ini bagi mendapat jawapan yang benar-benar mewakili kajian tersebut. Pemahaman mengenai teori bahasa kedua ini meliputi pandangan tokoh-tokoh bahasa yang terkemuka dan aliran-aliran pemikiran bahasa.


2.1.1 Aliran Pemikiran Kajian Bahasa

Seseorang pengkaji perlu juga memahami aliran pemikiran kajian bahasa yang utama bagi memahami cara manusia mempelajari bahasa kedua. Aliran-aliran pemikiran tersebut seperti (a) Aliran Behaviorisme dan (b) Aliran Kognitif (Atan Along, 1992; Noriati A. Rashid, 2012; Ragbir Kaur Joginder Singh, 2012). Tujuan memahami aliran-aliran pemikiran ini adalah untuk mebolehkan pengkaji melakukan diskripsi yang betul mengenai pembelajaran bahasa kedua oleh seseorang pelajar bahasa.

(a) Aliran Behaviorisma.

Behavior bermaksud perilaku. Oleh itu, mengikut para pendokong aliran ini, mereka melihat manusia mempelajari bahasa adalah berdasarkan kepada tingkah laku yang dihasilkan olehnya (Brown, 2000). Dengan erti kata lain, menurut aliran ini, tindakbalas yang dihasilkan oleh seseorang pelajar bahasa merupakan perkara yang terpenting untuk dianalisis dan dibuktikan kebenarannya. Mereka juga percaya untuk mengetahui bahasa manusia adalah dengan menganalisis bahasa tersebut secara berstruktur dan melihat kepada ciri-ciri khas yang terdapat pada sesuatu bahasa yang dikaji.

Selain itu, para pendokong aliran ini berkeyakinan bahawa untuk mempelajari bahasa kedua, seseorang individu perlu diberikan ransangan tertentu. Ransangan tersebut adalah dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran yang terancang dan tersusun yang perlu disediakan oleh guru. Setelah ransangan diberikan kepada pelajar, pelajar akan memberikan tindakbalas dalam bentuk lisan dan tulisan. Output yang terhasil akan dinilai oleh guru dan guru berperanan untuk memberikan peneguhan yang tertentu (sama ada berbentuk positif atau negatif) bagi menyelesaikan masalah atau tabiat bahasa yang tidak mengikut objektif pengajaran dan pembelajaran yang ingin dicapai. Perkara ini dapat digambarkan seperti rajah 2.1 berikut:



Rajah 2. 1. Hubungan rangsangan dan tindak balas aliran Behaviorisme.

Selain itu, mereka juga percaya bahawa dengan memberikan latihan yang berulang kali akan mendatangkan kesan yang diinginkan oleh guru (iaitu

objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai). Sehubungan dengan itu, mereka amat menitikberatkan pengkajian struktur-struktur ayat yang betul dan penggunaan kaedah terjemahan (iaitu bahasa kedua diajarkan dalam bahasa pertama para pelajar). Guru hanya berperanan memberikan ilmu tatabahasa dan rumus-rumus tertentu supaya para pelajar dapat mempraktikkan kemahiran tersebut dalam memahami petikan-petikan yang diingini dalam bahasa kedua.

Justeru, implikasi daripada penerapan teknik pengajaran dan pembelajaran mengikut aliran ini menyebabkan para pelajar menjadi mahir dalam salah satu daripada kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu sama ada mereka mahir dalam analisis struktur teks bahasa kedua atau pun mereka mahir dari aspek komunikasi menggunakan bahasa kedua itu sahaja. Antara tokoh-tokoh yang terkenal dalam mendokong aliran ini seperti L. Bloomfield, Pavlov, Skinner, Thorndike dan lain-lain lagi.

(b) Aliran Kognitif.

Aliran Kognitif timbul disebabkan oleh penolakan segolongan pengkaji lain terhadap para pendokong aliran behaviorisme. Menurut mereka, manusia bukan seperti robot yang tidak dapat menggunakan akal dan berfikir. Mereka percaya bahawa manusia telah dibekalkan dengan alat kemahiran berbahasa yang lengkap di dalam otak mereka semenjak daripada bayi lagi. Alat ini dikenali dengan LAD (Language Aquasiation Device). Menurut pendokong aliran ini, kemahiran berbahasa manusia akan berkembang selari dengan perkembangan fizikal dan mental mereka (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013).

Oleh sebab itu, manusia mempunyai pelbagai pilihan untuk menerangkan atau memperihalkan sesuatu perkara kerana di dalam minda mereka terdapat rumus-rumus tatabahasa sejagat. Antara teori yang terkenal dalam aliran ini seperti Nahu Generatif yang dipopularkan oleh N.Chomsky, Teori pemerolehan bahasa kedua Krashen dan lain-lain lagi.

Menurut Brown (2000), perkara yang penting adalah manusia dapat menggunakan akal fikirannya untuk mengeluarkan bentuk bahasa tertentu yang dapat difahami oleh orang di sekelilingnya. Namun, menurut Brown lagi, golongan behavior menolak pandangan tersebut kerana mereka percaya bahawa perkara yang berlaku di dalam otak manusia tidak dapat diukur secara tepat. Oleh itu, bagi golongan behavior, mereka hanya mengukur perkara yang dapat dizahirkan oleh seseorang manusia dalam bentuk lisan atau tulisan serta mengabaikan peranan otak dalam mengatur bahasa seseorang individu.

2.1.2 Teori Bahasa Kedua menurut Stephen Krashen

Krashen merupakan seorang ahli psikologi dan ahli linguistik barat. Kebanyakan kajian beliau berkaitan dengan pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua. Pada tahun 1984, beliau telah mengemukakan beberapa teori pemerolehan bahasa kedua yang dikenali sebagai **Teori Input Hipotesis** (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013; Brown, 2000; Ibrahim Abukhattala, 2013). Teori ini merupakan gabungan daripada lima hipotesisnya mengenai cara manusia memperolehi bahasa kedua. Kesemua teori ini dapat dibincangkan seperti berikut:

(a) Natural Order Hypothesis (Hipotesis Aturan Alamiah)

Hipotesis ini menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua oleh seseorang pelajar adalah secara semulajadi (natural). Dengan kata lain, pelajar akan memperolehi susunan atau perkara yang mudah dahulu sebelum memperoleh susunan bahasa yang lebih kompleks. Sebagai contoh, dalam mempelajari bahasa arab, pelajar akan mengetahui *jumlah ismiyyah* sebelum dia dapat mengetahui *jumlah fi'liyyah* (Syamsiyah, 2017). Menurut Krashen lagi, proses pemerolehan bahasa ini bergantung kepada beberapa faktor seperti umur, latar belakang pelajar dan tahap pendedahan pelajar dengan keadaan sekelilingnya.

(b) Hipotesis Pemerolehan dan Pembelajaran

Krashen berpendapat ada dua kaedah yang biasa digunakan oleh pelajar dewasa untuk mencapai kecekapan berbahasa iaitu pemerolehan dan pembelajaran (Ibrahim Abukhattala, 2013). Pemerolehan bahasa kedua berlaku di bawah sedar seperti kanak-kanak yang memperolehi bahasa pertama daripada keadaan sekeliling mereka. “ *Language acquisition is similar to the way children develop first language competence* “. Manakala, pembelajaran bahasa berlaku secara sedar dan akhirnya pelajar tersebut menguasai rumus-rumus tatabahasa bahasa kedua yang dipelajarinya. Seperti katanya, “ *language learning is different. It is knowing about language or formal knowledge of a language* “. Namun begitu, menurut Ibrahim Abukhattala (2013), Krashen menegaskan bahawa kecekapan bahasa yang sebenar merujuk kepada bahasa yang diperolehi serta dipraktikkan dalam kehidupan seharian dan bukan yang dipelajari.

Krashen menegaskan, “ *acquisition is picking up a language ... learning include grammar and rules* “.

(c) Hipotesis Monitor

Menurut Krashen, melalui hipotesis pemerolehan-pembelajaran, dapat dinyatakan bahawa wujud dua proses pembangunan kebolehan pelajar bagi bahasa kedua. Oleh itu, menurut beliau lagi, hipotesis ini menguatkan lagi apa yang dinyatakan dalam hipotesis pemerolehan-pembelajaran. Krashen percaya bahawa pemerolehan adalah lebih penting berbanding dengan pembelajaran kerana ia mempengaruhi kelancaran berbahasa dalam bahasa kedua. Pembelajaran menurut beliau adalah berfungsi untuk sebagai editor dalam monitor iaitu peranan monitor adalah sebagai pemantau kepada ujaran yang akan dihasilkan oleh seseorang pelajar. Monitor yang kerap digunakan akan mendatangkan hasil yang baik iaitu pelajar dapat menuturkan sesuatu ujaran dengan betul. Perkara ini menurut beliau hanya melibatkan pembelajaran dan bukannya pemerolehan. Dengan kata lain, setiap manusia mempunyai monitor yang berperanan untuk mengawal ujaran dari segi mengedit dan membetulkan ujaran yang ingin dikeluarkan. Sebagai contoh, dalam tajuk *tazkir wa ta'nith*, monitor akan menentukan bila seseorang pelajar akan menggunakan kata *haza* atau *hazihi* (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013).

Tambah Krashen, untuk membolehkan monitor berfungsi dengan berkesan, seseorang itu perlu memenuhi tiga perkara asas iaitu masa, fokus kepada bentuk dan pengetahuan berkenaan rumus tatabahasa.

(d) Hipotesis input

Menurut Krashen lagi, berdasarkan kepada hipotesis yang lalu, pemerolehan memainkan peranan yang penting bagi kecekapan bahasa kedua. Seseorang pelajar itu dikatakan telah mengalami peningkatan bahasa apabila dia dapat melepasi pemahaman bahasa pada permulaan dia belajar bahasa kedua. Dengan erti kata lain, Krashen menyatakan seseorang itu memperolehi bahasa dengan memahami input yang mengandungi (i+1) iaitu dengan memahami kandungan bahasa yang sedikit lebih daripada tahap pemahaman semasa seseorang pelajar mempelajari bahasa.

Beliau menegaskan bahawa seseorang pelajar mempelajari bahasa dengan memahami mesej yang ingin disampaikan melalui pemahaman situasi dan bukannya memberikan fokus kepada bentuk kandungan atau menganalisisnya. Mesej yang ingin disampaikan melalui situasi seperti paparan gambar dan membincangkan tajuk-tajuk yang mempunyai kesamaan penggunaan kata.

Beliau juga beranggapan, (i+1) bagi seseorang pelajar berbeza dengan pelajar yang lain dan isi kandungan pelajaran tidak perlu terlalu rigid sehingga menyebabkan pelajar menjadi takut dan malas untuk belajar. Perkara yang penting ialah membekalkan pelajar dengan input yang komprehensif untuk memahami sesuatu mesej yang diterima dan bukannya menekankan soal peraturan tatabahasa. Misalnya, seseorang pelajar akan mengalami tempoh senyap (hanya mendengar) selama beberapa bulan. Apabila dia berasa sudah cukup input, maka dia akan mula bercakap.

Krashen percaya, pelajar dewasa akan menggunakan teknik terjemahan dalam mengungkapkan ayat yang dikehendaki di dalam bahasa kedua yang dipelajari. Namun, perkara ini bukanlah satu undang-undang yang menghalang mereka daripada menambahkan kecekapan berbahasa mereka dalam bahasa kedua. Oleh itu, bagi menyelesaikan masalah ketidakcekapan ini, pelajar tersebut memerlukan tambahan input yang komprehensif bagi membolehkannya menjadi cekap dalam bahasa kedua.


(e) Hipotesis Penapisan Afektif

Krashen (1984) percaya bahawa faktor-faktor afektif mempunyai kaitan dengan kejayaan dalam pemerolehan bahasa kedua. Faktor-faktor tersebut seperti tahap kebimbangan, motivasi dan keyakinan diri (Ibrahim Abukhattala, 2013).

Sebagai misalnya, pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan yang rendah dengan motivasi dan keyakinan diri yang tinggi akan beroleh kejayaan yang baik dalam pemerolehan bahasa kedua. Sebaliknya, pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan bahasa yang tinggi serta motivasi dan keyakinan diri yang rendah akan mengalami kegagalan dalam menguasai bahasa kedua dengan baik. Perkara ini terjadi kerana menurut Krashen, faktor-faktor tersebut telah mewujudkan sekatan atau 'Mental Block' yang akan mengganggu pelajar dalam usaha untuk menguasai bahasa kedua yang dipelajarinya. Dengan erti kata lain, maklumat atau input dapat difahami oleh pelajar tetapi ia tidak sampai kepada alat pemerolehan bahasa yang akan mengeluarkan ujaran yang dikehendaki.

2.1.3 Kesimpulan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua

Sebagai kesimpulannya, perbincangan mengenai teori-teori bahasa kedua yang lalu, sebenarnya berkisar mengenai dua perkara yang penting iaitu kecekapan tatabahasa dan kemahiran berbahasa (lisan). Perkara ini dapat digambarkan seperti rajah di bawah:



Rajah 2. 2 : Hubungan penguasaan bahasa kedua dengan kecekapan dan kemahiran bahasa

Berdasarkan rajah 2.2 di atas, proses pemerolehan atau penguasaan bahasa kedua melibatkan dua unsur penting yang dikenali dengan kecekapan tatabahasa dan kemahiran lisan. Dari segi kecekapan tatabahasa, seseorang individu itu perlu untuk mengetahui segala rumus tatabahasa bahasa kedua yang dipelajarinya. Apabila beliau telah memahami konsep tersebut dengan baik, maka mudalah proses kemahiran lisan. Hal ini demikian kerana kemahiran lisan merupakan kemahiran yang akan diperolehi apabila seseorang individu dapat menggunakan segala rumus tatabahasa dalam konteks dan situasi penggunaan bahasa yang sebenar. Kesemua perkara yang dibincangkan ini telah dinyatakan oleh Ferdinand de Saussure sebelum ini dengan konsep *la langue* dan *la parole*.

Sebagai tambahan daripada perbincangan di atas, jadual 2.1 yang berikut dapat menjelaskan mengenai dikotomi perbezaan dalam aspek-aspek pencirian dan penugasan bahasa sebagai bahasa pertama dan kedua (Zulkifley Hamid, 2000):

Jadual 2.1.

Perbezaan penugasan bahasa pertama dan bahasa kedua (sumber: Zulkifley Hamid, 2000).

BIL	BAHASA PERTAMA	BAHASA KEDUA
1	Individu tidak mempunyai pilihan, dia akan berusaha untuk menguasai bahasa pertamanya untuk berkounikasi dengan orang lain di sekitarnya. Dengan kata lain, semua kanak-kanak bermotivasi untuk menguasai bahasa pertama mereka.	Individu sendiri yang membuat pilihan. Walaupun dia dipaksa, bukan semua orang berjaya dimotivasikan untuk belajar.
2	B1 berfungsi sebagai bahasa penyatu dan sebagai bahasa peisah.	B2 berperanan sebagai bahasa untuk meneroka iaitu bagi melibatkan diri di peringkat antarabangsa.
3	Secara keseluruhannya, pengajaran dan pembedahan tidak wujud semasa proses penguasaan B1 di peringkat lisan.	Melibatkan pengajaran dan pembedahan.
4	Penguasaan B1 oleh semua kanak-kanak normal sebelum mereka mencapai umur 5 tahun (merupakan perkara yang lumrah).	Penguasaan B2 bukan wajib tetapi ia disebabkan oleh pelbagai faktor lain.
5	Perkara yang dikuasai oleh kanak-kanak ialah bahasa dalam erti kata yang sebenar, iaitu bahasa secara menyeluruh dan utuh.	Kadangkala, hanya tatabahasa yang dikuasai dan ia bergantung kepada setakat perkara yang telah dipelajari sahaja.
6	Kebiasaannya, seseorang individu mempunyai kaitan emosi yang kuat dengan B1nya.	Tidak wujud kaitan emosi yang kukuh.
7	Pengusaan B1 pada peringkat kanak-kanak tidak dirancang dan tiada kurikulum tertentu.	Melibatkan perancangan yang rapi dari permulaan lagi.
8	Pengetahuan B1 seseorang individu sering kali bersifat tasit iaitu tidak dapat dihuraikan dan diajar pada orang lain).	Pengetahuan bersifat eksplisit iaitu dapat diterangkan dan diajarkan kepada orang lain.
9	Penguasaan kemahiran lisan B1 memadai iaitu dapat memenuhi keperluan untuk berkomunikasi.	Tidak semua pelajar dapat menguasai kemahiran lisan B2. Hanya sebahagian pelajar sahaja yang berjaya.

Daripada jadual 2.1 yang telah lalu, perbandingan antara pemerolehan bahasa pertama dengan pembelajaran bahasa kedua adalah seperti berikut:

- i. Seseorang individu perlu untuk menguasai bahasa pertama untuk tujuan kehidupan manakala bagi bahasa kedua beliau sendiri yang membuat pilihan untuk mempelajari bahasa kedua tersebut.
- ii. Bahasa pertama berperanan sebagai bahasa penyatuan dan pemisahan antara seseorang individu dengan individu lain sementara bahasa kedua berperanan untuk meneroka dan melibatkan diri di peringkat yang lebih global.
- iii. Semasa proses penguasaan bahasa pertama, secara umumnya tidak wujud pengajaran dan pembedahan akan tetapi bagi proses pembelajaran bahasa kedua wujud pengajaran dan pembedahan yang ketara.
- iv. Penguasaan bahasa pertama oleh kanak-kanak yang mencapai umur lima tahun adalah perkara yang lumrah manakala bagi penguasaan bahasa kedua tidak wajib dan amat janggal.
- v. Perkara yang dikuasai oleh kanak-kanak dalam bahasa pertama adalah bahasa itu sendiri manakala bagi penguasaan bahasa kedua hanya sekadar rumus tatabahasa dan bergantung kepada perkara yang telah dipelajari sahaja.
- vi. Bahasa pertama berhubung secara kuat dengan emosi seseorang sementara bagi bahasa kedua perkara sebaliknya berlaku.
- vii. Penguasaan bahasa pertama tidak dirancang dan tiada penerapan kurikulum tertentu tetapi bagi penguasaan bahasa kedua, seseorang individu memerlukan pembelajaran yang dirancang dan kurikulum yang disusun dengan teratur dan rapi.

- viii. Pengetahuan pengguna bahasa pertama tidak dapat dihurai dan diajarkan pada orang lain, manakala pengetahuan pengguna bahasa kedua bersifat eksplisit dan boleh dihuraikan serta diajarkan kepada orang lain.
- ix. Penguasaan kemahiran lisan bagi pengguna bahasa pertama adalah memadai sementara bagi bahasa kedua bergantung kepada motivasi mereka. Hanya sebilangan pelajar yang dapat menguasai kemahiran lisan dalam bahasa kedua.

2.2 Teori Analisis Kesalahan Bahasa

Menurut Mohammad Hamad (2016) analisis kesilapan bahasa merupakan satu kaedah yang sistematik yang diperkenalkan oleh Pit Corder untuk menggambarkan dan mengklasifikasikan kesilapan bahasa kedua yang dilakukan oleh para pelajar dalam bentuk lisan dan tulisan. Tambah Hamad lagi analisis kesilapan bahasa muncul kerana kelemahan yang wujud daripada analisis kontrastif yang beranggapan bahawa kesilapan bahasa terjadi hanya disebabkan oleh pengaruh bahasa pertama sahaja.

Selain itu, kelemahan lain yang wujud dalam analisis kontrastif seperti hasil yang diperolehi tidak menggambarkan masa sebenar. Para pendokong analisis kontrastif percaya bahawa kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua merupakan kelemahan bahasa yang tidak sepatutnya dilakukan oleh mereka. Oleh itu, analisis kesilapan bahasa merupakan pilihan kepada pengkajian kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar.

Coder (1970) telah mengariskan beberapa perkara yang penting untuk para pengkaji menggunakan pendekatan ini (Che Radiah Mezah, 2009) iaitu:

- i. Mengumpulkan data dan maklumat daripada penulisan karangan para pelajar yang mempelajari bahasa kedua.
- ii. Menganalisis kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan mereka dan melihat kekerapan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka.
- iii. Mengelaskan dan mengkategorikan kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua yang asing bagi mereka.
- iv. Menjelaskan mengapa berlaku kesalahan-kesalahan bahasa tersebut dan menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua (sama ada kesalahan tersebut berpunca dari segi faktor interlingual atau faktor intralingual). Menurut Brown (2000) interlingual bermaksud kesalahan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada pemahaman pelajar terhadap bahasa kedua yang dipelajari. Manakala, kesalahan intralingual bermaksud kesalahan yang terjadi disebabkan oleh pengaruh daripada bahasa pertama pelajar itu sendiri.

Menurut Che Radiah Mezah (2009), kaedah analisis kesilapan bahasa dapat memberikan faedah yang banyak kepada para guru dan perancang bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Antara kepentingan tersebut seperti berikut:

- i. Melalui analisis kesilapan bahasa, para guru bahasa lebih bersedia untuk merancang bahan-bahan pengajaran mengikut kesesuaian para pelajar sebelum mereka masuk ke dalam kelas.

- ii. Para guru dapat mengesan pengaruh bahasa pertama para pelajar terhadap bahasa kedua yang sedang mereka pelajari.
- iii. Hasil maklumat yang diperolehi daripada analisis ini, dapat membantu para guru dalam mengubah strategi pengajaran bahasa agar masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar dapat diatasi oleh para guru tersebut.
- iv. Memberikan peluang kepada pengarang-pengarang buku pengajaran bahasa dalam menyusun dan menerbitkan buku-buku latihan yang dapat membantu para guru dan murid dalam memperbaiki kemampuan berbahasa.
- v. Dapat mengurangkan jurang kegagalan pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, teori analisis kesilapan bahasa dapat digunakan untuk membantu para guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua (Brown, 2000; Che Radiah Mezah, 2009). Menurut Jassem Ali Jassem (2000), para guru yang mengajar bahasa kedua akan menganalisis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar dalam latihan-latihan karangan sama ada secara lisan atau tulisan. Hasil daripada semakan dan analisis yang dilakukan oleh para guru tersebut akan digunakan bagi membantu mereka menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian serta memilih kaedah-kaedah pengajaran yang tertentu bertujuan untuk memberikan kefahaman yang baik kepada para pelajar mereka.

Di samping itu, Ida Nursida dan Siti Shalihah (2015) turut berpendapat melalui pendekatan analisis kesilapan bahasa, para guru bukan sahaja dapat mengenali jenis-jenis kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar, malah diharapkan para pelajar tersebut dapat menghindari kesilapan-kesilapan bahasa dalam penulisan karangan

mereka. Akhirnya, mereka mampu mendapat skor ujian yang baik dalam peperiksaan yang diduduki kelak.

Sebagai rumusannya, bidang analisis kesilapan bahasa merupakan ilmu yang cuba melihat perbezaan dalam pertuturan atau penulisan seseorang yang sedang mempelajari sesuatu bahasa dengan pertuturan atau penulisan seseorang dewasa yang menggunakan bahasa tersebut sebagai pengguna asli yang berwibawa. Perkara ini bermaksud analisis kesilapan mengkaji bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang masih lagi dalam proses mempelajari sesuatu bahasa. Segala kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka, dapat dibahagikan kepada empat kategori yang asas secara umumnya iaitu kesalahan fonologi, ejaan, tatabahasa dan leksikal (Zulkifley Hamid, 1994).

2.3 Konsep *Tazkir Wa Ta'nith* Menurut Pandangan Ahli Bahasa Arab

Pada topik ini, pengkaji akan membincangkan mengenai definisi *tazkir wa ta'nith* mengikut pandangan ahli bahasa arab, pembahagian konsep ini dan tanda-tanda mengenal perbezaan antara *tazkir* dan *ta'nith*.

2.3.1 Definisi *Tazkir wa Ta'nith*


Tazkir تذكير menurut bahasa arab bermaksud lelaki dan *ta'nith* تذكيرت pula bermaksud perempuan. Dari segi istilah nahu atau tatabahasa Arab, *Tazkir wa Ta'nith* تذكير وتذكيرت adalah tajuk yang membincangkan mengenai kata nama ا yang masuk dalam jenis lelaki atau jenis perempuan mengikut kaedah-kaedah tertentu sepertimana yang telah diterangkan oleh para ahli bahasa arab yang lalu. Menurut Fuad Nikmah (2000), asal kepada sesuatu

perkataan adalah *tazkir* (jenis lelaki) sehingga ada bukti lain (tanda lain) yang menyebabkan sesuatu kata itu dikira sebagai *ta'nith* (jenis perempuan).

Oleh itu, secara umumnya para ulama' bahasa arab telah mengkaji mengenai pembahagian jenis perkataan mengikut jenis-jenis tertentu sama ada perkataan tersebut termasuk dalam kategori *المذكر* lelaki atau *المؤنث* perempuan.

2.3.2 Pembahagian Konsep *Tazkir wa Ta'nith*

Sepertimana yang telah ditunjukkan mengenai pembahagian *Tazkir wa Ta'nith* pada bab satu yang lalu, di bawah tajuk kerangka teori kajian, para ahli tatabahasa arab telah membincangkan mengenai bab ini hanya pada bahagian *isim* sahaja. Mereka tidak membincangkan dalam perkara *Fiil* *الفعل* dan *Jumlah* *جملة* walaupun perkara tersebut wujud. Menurut pandangan mereka, kata nama (*isim*) terbahagi kepada dua jenis seperti rajah 2.3 yang berikut:



Rajah 2.4. Pembahagian *Isim* menurut ahli tatabahasa Arab.

Isim Muzakkar ialah kata nama yang menunjukkan sifat lelaki sementara *Isim muannath* ialah kata nama yang menunjukkan sifat perempuan. Kebiasaannya, kata *muannath* dibezakan dengan adanya *ta' marbutoh* (ة) di akhir sesuatu kata nama seperti berikut:

- i) Pelajar lelaki طالب - untuk yang berakal (manusia)
- ii) Pelajar perempuan طالبة - untuk yang berakal (manusia)

- iii) buku كِتَاب - untuk yang tidak berakal (haiwan dan benda)
- iv) Sekolah مَدْرَسَة - untuk yang tidak berakal (haiwan dan benda)

Selain itu, kata nama muzakkar boleh dibahagikan kepada beberapa jenis lagi seperti yang berikut iaitu:

- i) *Muzakkar Hakiki* – seperti رَجُل seorang lelaki, طَالِب pelajar lelaki, وُدُّ budak lelaki dan sebagainya.
- ii) *Muzakkar Majazi* – seperti رَيْتُ rumah, مَكْتَب meja, قَلَم pen, كَأْس cawan.

Sementara itu, *Ta'nith* pula dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian yang utama seperti berikut (Muhammad Zain Mahmood: 2009):

- i) *Muannath Hakiki* – seperti فَاطِمَة Fatimah, طَالِبَة tolibah, أُم Ummu, وَدُّ Hind.
- ii) *Muannath Majazi* – selain manusia dan haiwan seperti نَار api, حَرْبُ perang, جِيْوَ jiwa.
- iii) *Muannath Lafzi* – seperti طَلْحَة Talhah, زَكْرِيَاء Zakaria, حَمْرَة Hamzah.
- iv) *Muannath Ma'nawi* – أُم Umm, وَدُّ Hind, سُعَاد Su'ad.
- v) *Muannath Lafzi wa a'nawi* – فَاطِمَة Fatimah, عَائِشَة Aishah, طَالِبَة Tolibah.

2.3.3 Tanda-tanda mengenal perbezaan antara *muzakkar* dan *muannath*.

Terdapat beberapa tanda yang khusus untuk mengenal sesuatu perkataan arab termasuk dalam jenis *muzakkar* ataupun *muannath*. Kebiasaannya, mereka akan melihat kepada jenis *muannath* dahulu seperti berikut:

- (a) *Tazkir dan Ta'nith* pada *Isim*
- i) Terdapat huruf *Ta' Marbutoh* (ة) di akhir sesuatu perkataan. Sebagai contoh, kata *Tolib* (طلب) untuk *Muzakkar* dan *Tolibah* (طلبة) untuk *muannath*.
 - ii) *Alif Maqsurroh* (ي) di akhir sesuatu perkataan seperti *Salma* (سلمى), *Kubra* (كبرى), *Yumna* (يمنى) dan sebagainya.
 - iii) *Hamzah al-Mamdudah* (—) seperti pada perkataan *Sauda'* (سوداء), *Baida'* (بيضاء) *Sahra'* (صحراء) dan lain-lain lagi.
- (b) *Tazkir dan Tanith* dalam *Fiil*

Perbincangan dalam perkara ini dapat dihuraikan dengan berpandukan kepada jadual di bawah:

Jadual 2.2

Tasrif al-af'al bagi *fiil madhi*, *Mudhori'* dan *Amar*.

الضمائر	الفعل الماضي	الفعل المضارع	الفعل الأمر
هو	جلس	يجلس	
هما	جلسا	يجلسان	
هم	جلسوا	يجلسون	
هي	جلست	تجلس	
هما	جلستا	تجلسان	

	يجلسن	جلسن	هن
اجلس	تجلس	جلست	أنت
اجلسا	تجلسان	جلستما	أنتما
اجلسوا	تجلسون	جلسنم	أنتم
اجلسي	تجلسين	جلستِ	أنتِ
اجلسا	تجلسان	جلستما	أنتما
اجلسن	تجلسن	جلسن	أنتن
	أجلس	جلستُ	أنا
	نجلس	جلسنا	نحن

Berdasarkan jadual 2.2 di atas, *fiil* (kata kerja) dalam bahasa arab dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu *fiil madhi* (kala lepas), *fiil mudhori'* (kala kini dan akan datang) dan *fiil amar* (kala akan datang atau kata perintah). Selain itu juga, sebelum pengkaji melanjutkan perbincangan bagi *tazkir wa ta'nith* pada kata kerja, pengkaji akan menjelaskan mengenai tiga kategori Kata Ganti Nama Diri (KGND) dalam bahasa arab seperti berikut:

- i) Dari (هو - هُوَ) untuk KGND yang ketiga. هو untuk dia seorang lelaki, هم - dia dua orang lelaki dan هم - mereka lelaki. Manakala, هي untuk dia seorang perempuan, هم untuk dia dua orang perempuan dan هن untuk mereka perempuan.
- ii) Dari (أنت - أَنْتَ) untuk KGND orang kedua. أنت untuk kamu seorang lelaki, أنتم kamu dua orang lelaki dan أنتم kamu semua lelaki. Manakala, bagi أنت untuk kamu seorang perempuan, أنتم untuk kamu dua orang perempuan dan أنتن untuk kamu semua perempuan.

- iii) Dari أنا ونحن (merupakan KGND yang pertama. Untuk saya dan نحن untuk kami (lebih dari seorang) sama ada jenis lelaki atau jenis perempuan.

Berdasarkan kepada pembahagian KGND tersebut, kita dapat membahagikan perbincangan *tazkir wa ta'nith* kepada setiap kata kerja seperti berikut:

i) *Fiil Madhi لماض ي*

Bagi kata kerja *muzakkar*, ia akan bermula dari KGND هو sehingga أنت, dari أنت sehingga نحن dan أنا sehingga نحن. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual 2.3 di bawah:

Jadual 2.3

Tasrif Kata Kerja Madhi (KKMD) bagi jenis Kata Nama Muzakkar

نحن	أنا	أنتم	انتما	أنت	هم	هما	هو	الضمائر
جلسنا	جلستُ	جلستم	جلستما	جلستَ	جلسوا	جلسا	جلس	الفعال

Manakala, bagi kata kerja *muannath*, ia akan bermula dari KGND هي sehingga أنت, من أنت sehingga أنت dan أنا sehingga نحن. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual 2.4 yang berikut:

Jadual 2.4

Tasrif Kata Kerja Madhi (KKMD) bagi jenis Kata Nama Muannath

نحن	أنا	أنتن	أنتما	أنت	هن	هما	هي	الضمائر
جلسنا	جلستُ	جلستن	جلستما	جلستِ	جلسن	جلستا	جلستُ	الفعال

ii) **Fiil Mudhori** فعل لمضارع

Bagi kata kerja *muzakkar*, ia akan bermula dari KGND هو sehingga أنت , dari أنت sehingga نحن dan أنا sehingga نحن. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual di bawah:

Jadual 2.5.

Tasrif Kata Kerja Mudhari (KKMU) bagi jenis Kata Nama Muzakkar

نحن	أنا	أنتم	انتما	أنت	هم	هما	هو	الضمائر
نجلس	أجلس	تجلسون	تجلسان	تجلس	يجلسون	يجلسان	يجلس	الفعل

Manakala, bagi kata kerja *muannath*, ia akan bermula dari KGND هي sehingga أنت , من أنت sehingga أنتن dan أنا sehingga نحن. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual 2.6 yang berikut:

Jadual 2.6

Tasrif Kata Kerja Mudhari (KKMU) bagi jenis Kata Nama Muannath

نحن	أنا	أنتن	أنتما	أنت	هن	هما	هي	الضمائر
نجلس	أجلس	تجلسن	تجلسان	تجلسين	يجلسن	تجلسان	تجلس	الفعل

Jika kita perhatikan antara kedua-dua kategori masa (*Madhi* dan *Mudhori*) perbezaan yang ketara ialah pada الفعل المضارع Kata Kerja *Madhi* (KKMD), penambahan huruf berlaku di hujung kata. Perkara ini berbeza dengan الفعل المضارع Kata Kerja *Mudhori* (KKMU) iaitu penambahan huruf berlaku di permulaan dan akhir sesuatu perkataan bahasa arab.

iii) *Fiil Amar.*

Bagi konsep *tazkir wa ta'nith* pada *Fiil Amar*, bermula KGND (أنتَ) sehingga (أنتِ) untuk jenis *muzakkar*. Sebaliknya dari (أنتِ) sehingga (أنتَ) untuk jenis *muannath*. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual di bawah:

Jadual 2.7.

Tasrif fiil Amar untuk Kata Nama Muzakkar dan Muannath.

الضمائر	أنت	أنتما	أنتم	أنت	أنتما	أنتنّ
الفعل	اجلسن	اجلسا	اجلسوا	اجلسي	اجلسا	اجلسنّ

2.4 Aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat.

Aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

- (a) *Jumlah Ismiyyah (Mubtada' dan Khobar)* جملة اسمية
- (b) *Jumlah Fi'liyyah (Fiil – Fa'il – Maf'ul bihi)* جملة فعلية
- (c) *al-Hal wa Sohibuhu.* الحوال وصاحبها
- (d) *al-Adad wa al-Ma'dud.* $\text{الاعداد والمعطوفات}$
- (e) *Sifah wa Mausuf* الصفات والمعطوفات
- (f) *Mausul wa 'A'iduhu* الموصول وعلاؤه

(a) **Jumlah Ismiyyah** لجملة اسمية

Jumlah ismiyyah bermaksud ayat yang dimulakan dengan kata nama. Ayat ini terdiri daripada dua komponen yang utama iaitu *Mubtada* مبتدأ and *Khobar* خبر. Misalnya,

- (i) مُحَمَّدٌ طَلَبٌ (Muhammad seorang pelajar lelaki)
- (ii) فَاطِمَةُ طَلِبَةٌ (Fatimah seorang pelajar perempuan)
- (iii) رِضْوَانٌ يَقْرَأُ الْكِتَابَ (Riduan sedang membaca buku)
- (iv) مُحَمَّدٌ أَبُوهُ مُعَلِّمٌ (Muhammad bapa (nya) seorang guru.)

Bagi *Mubtada*, kata nama wajib diletakkan di permulaan ayat. Akan tetapi, bagi *khobar* pelajar boleh memilih sama ada memasukkan kata nama (*Khobar Mufrad*) seperti contoh (i) dan (ii) di atas atau kata *Fiil* (*Khobar Jumlah Fi'liyyah*) seperti contoh (iii) di atas. Selain itu juga, pelajar juga boleh memilih untuk memasukkan *jumlah ismiyyah* pada tempat *khobar* seperti pada contoh (iv) di atas.

Sehubungan itu, menurut Fuad Nikmah (2000) *mubtada* perlu memenuhi beberapa syarat seperti berikut:

- (i) *Isim Mu'rab*.
- (ii) *Isim Mabni* (seperti KGND, *Isim Isyarah*, *Isim Mausul*, *Isim Syarat* dan sebagainya).
- (iii) *Masdar Muawwal*.

Manakala, *khobar* terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut (Fuad Nikmah, 2000):

(a) *Isim Zhohir (Mu'rab atau Mabni)*

Isim Zhohir terbahagi kepada dua jenis iaitu *Isim Jamid* dan *Isim Musytaq*. *Isim jamid* adalah merupakan kata nama yang tersendiri dan tidak diambil daripada lafaz kata kerja seperti *asad*, *nahar*, *epal* dsb. Sementara itu, *isim musytaq* merupakan kata nama yang berasal daripada kata kerja yang menunjukkan kepada sesuatu sifat. Misalnya, *hadir*, *mubsir*, *merah* dsb.

Bagi *isim mabni*, kebiasaannya terdiri daripada KGND, *isim isyarah* dan *isim mausul*. Contohnya seperti ayat di bawah:

- (i) أولئك هم الفيلحون (KGND hum merupakan *khobar*).
- (ii) أولئك الذين أشترروا الضئ قبل هدى (*Isim Mausul allazina* merupakan *khobar*).

(b) *Syibhul Jumlah (Jar wa Majrur atau Zorf)*

Khobar juga boleh dibina daripada *jar wa majrur* dan *Zorf*. Contoh ayat yang dapat menjelaskan perkara ini adalah seperti berikut:

- (i) الفيلحون هم الفيلحون (*fil masna'* merupakan *khobar* daripada *jar wa majrur*).
- (ii) لم تاذ أم الفحل (*amama al-fasl* adalah *khobar* daripada *zorf*).

(c) **Jumlah Ismiyyah dan Jumlah Fi'liyyah**

Khobar juga boleh dibina daripada *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*. Perkara ini telah diterangkan di awal perbincangan mengenai *mubtada'* serta telah diberikan beberapa contoh yang menggambarkan *khobar* jenis ini.

Kebiasaannya, *Mubtada* berada di awal ayat. Namun terdapat beberapa keadaan *Mubtada* berada selepas *Khobar* dalam keadaan seperti berikut:

(a) **Harus untuk meletakkan *khobar* dahulu sebelum *mubtada'*.**

- (i) sekiranya untuk menekankan atau memberikan perhatian yang lebih kepada makna *khobar*. (مضروع التدين) *mamnu'* (dilarang) adalah *khobar*.
- (ii) Terdapat *huruf Nafi* atau *huruf istifham* yang mendahului *mubtada* dan *khobar* sedangkan *khobar* adalah daripada *Wasf*. Misalnya, pada ayat (أقائم لنت) di mana (أ) adalah *huruf istifham* dan (قائم) adalah *khobar* yang didahulukan dan (نت) ialah *mubtada* yang diakhirkan.
- (iii) Sekiranya *khobar* daripada *Sibhul Jumlah* dan *mubtada* daripada kata nama *makrifah*. Sebagai contoh pada ayat (في التلي لس مة) di mana (في التلي) merupakan *khobar* yang didahulukan daripada *jar wa majrur* dan (لس مة) adalah *mubtada* yang diakhirkan. Contoh lain seperti dalam ayat (أمام القضي قائل لحق) di mana (أمام القضي) merupakan *khobar* daripada *zorf* dan (قائل) merupakan *mubtada* yang disandarkan dengan kata (لحق).

(b) **Wajib mendahulukan *khobar* daripada *mubtada* sekiranya:**

- (i) Apabila *khobar* daripada jenis *syibhul jumlah* dan *mubtada nakirah* yang bukan *sifah* atau *mudhaf ilahi*.
Misalnya, (بَيِّضِينَ اِرْجُلًا عَدِيْدِيْنَ اِرَّارَ).
- (ii) Apabila *khobar* menggunakan kata yang perlu diletakkan di hadapan seperti penggunaan kata tanya (*isim istifham*).
Contoh ayat (تَمَى اِمْتِحَانِ).
- (iii) Apabila *mubtada* bersambung dengan KGND yang kembali kepada *khobar*. Misalnya pada ayat (مَتَّبِعْهُ).

(b) **Jumlah *Fi'liyyah* لَجْمَةٌ فِعْلِيَّةٌ**

Jumlah Fi'liyyah bermaksud ayat lengkap yang dimulakan dengan kata kerja atau *Fiil*.

Ayat ini terdiri daripada *Fiil – Fa' il – Maf'ul bihi* الفِعْلُ وَالْفَاعِلُ - المَفْعُولُ بِهِ atau *Fiil- Fa' il- Harf – Isim* الفِعْلُ وَالْفَاعِلُ - لِحَرْفٍ - اِسْمٍ. Misalnya,

- (i) يَشْرَبُ زَيْدٌ مِمَّا فِي الْكُؤُوفِ (sedang minum Zaid akan jus oren)
- (ii) فَجِئْتُ زَيْنَبٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ (Telah pergi Zainab ke sekolah)

Ayat (i) di atas bermaksud Zaid sedang minum jus oren. Manakala, ayat (ii) bermaksud Zainab telah pergi ke sekolah. Manakala, *Maf'ul bihi* adalah kata nama *mansub* yang menunjukkan kepada objek. Kebiasaanya *maf'ul bihi* terdiri daripada:

- (i) Kata Nama *Mu'rab* – sama seperti contoh yang diberikan di atas.

- (ii) Kata Nama *Mabni* (seperti KGND, *Isim Isyarah*, *Isim Mausul* dan sebagainya). Seperti contoh, رَبِّيَّه (ر -) merupakan KGND *Muttasil Mabni* pada tempat *Nasab Maf'ul bihi* dan يَاكَنْ عِد (يَاكَنْ merupakan KGND *Munfasil Mabni* pada tempat *Nasab Maf'ul bihi*).
- (iii) *Masdar Mu'awwal* daripada (أَنْ وَلِعَل) atau (إِنَّ وَلِسْمَا وَضِرْهًا). Misalnya, أَيْدِيكَ مَمْعُوكَ أَيَدِي أَنْ تَلْفِي مَمْعُوكَ yang bermaksud .

Selain itu, *Maf'ul bihi* harus diletakkan sebelum daripada *Fa'il* seperti contoh, شَرِبَ الْمَاءَ مُحَمَّدٌ. Namun begitu, *Maf'ul bihi* mesti diletakkan di bahagian permulaan ayat sekiranya ia dalam bentuk KGND *Munfasil*. Misalnya, يَاكَنْ عِد وَيَاكَنْ عِدْ عَيْنٌ.

(c) *al-Hal wa Sohibuhu* لِحَالٍ وَصَحْبِهِ

al-Hal wa Sohibuha bermaksud penerangan keadaan *sohibul hal*. Misalnya,

- (i) جَاءَ مُحَمَّدٌ تَجْرِيًا (Telah datang Muhammad yang berjalan.)
- (ii) رَأَيْتُ الشَّجَرَةَ ثَمَرَةً (Telah melihat saya akan sebatang pokok yang berbuah.)

Berdasarkan kepada ayat (i) *Hal* تَجْرِيًا berjalan menerangkan keadaan Muhammad dan ayat (ii) menerangkan keadaan pokok itu (iaitu ثَمَرَةً berbuah). Jika diperhatikan, kata لِحَالٍ *Hal* itu mestilah mengikuti صِحَابِ الْحَالِ *Sohibul hal* (tuannya). Jika *Sohibul hal* مَذْكُورٌ *muzakkar*, maka *hal* wajib مَذْكُورٌ *muzakkar*. Sebaliknya, jika *sohibul hal* مَوْثِقَةٌ *muannath*, maka *hal* wajib menggunakan kata مَوْثِقَةٌ *muannath*.

Hal ialah kata nama *nakirah* yang menerangkan keadaan *fa'il* atau *maf'ul bihi*.

Terdapat tiga jenis (keadaan) *hal* seperti berikut:

- (i) *Isim Zhohir* seperti جاء محمداً شياً .
- (ii) *Shibhul Jumlah* (daripada *Zhorof* atau *Jar wa majrur*).
Misalnya, حضر أحمد بن مؤي ه .
رئيت لاطئربتي نال سحاب
- (iii) Ayat Namaan atau Ayat Kerjaan.

Hal juga boleh berbentuk dalam *jumlah ismiyyah* atau *jumlah fi'liyyah*.

Misalnya, سارال ظلي بك ي .
لرئيت لاطئربتي نال سحاب

Bagi *hal* yang berbentuk ayat (*jumlah*), *hal* mesti mempunyai kaitan dengan *sohibul hal*. Kaitan ini boleh digambarkan dengan menggunakan huruf *waw* sahaja yang dikenali dengan *waw hal* atau menggunakan KGND sahaja atau menggunakan kedua-duanya sekali iaitu huruf *waw* bersama-sama dengan KGND. Misalnya, سارال ظلي هو ي بك ي .

Selain itu, kadang-kadang harus mendahulukan *hal* daripada *sohibul hal*.

Perkara ini dapat digambarkan seperti contoh ayat berikut مبرع اسار لالرجل . Di mana kata مبرع laju, merupakan *hal* yang didahulukan daripada kata لالرجل lelaki itu yang merupakan *sohibul hal*.

(d) *al-'Adad wa al-Ma'dud* لا عدد ول مع عدد

al-'Adad wa al-Ma'dud bermaksud penjodoh bilangan. Dalam bahasa arab, seseorang pelajar perlu mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh ahli bahasa arab mengenai perkara ini. Misalnya:

- (i) عدي اكتاب واحد saya ada sebuah buku – اثنا عشر كتابان dua buah buku
ثلاثة كتب tiga buah buku.
- (ii) درست انا اثنتان – رأيت مدرسة واحدة saya telah melihat sebuah sekolah –
ثلاث مدارس tiga buah sekolah.
- (iii) اثني – رأيت أحد عشر ركولبا saya telah melihat sebelas butir bintang –
عشر ركولبا dua belas butir bintang.
- (iv) رأيت اثني عشرة مدرسة saya telah melihat dua belas buah sekolah.
- (v) علمت ثلاثة عشر طالبا saya telah mengajar tiga belas orang murid –
تسعة وعشرين طالبا sembilan belas orang murid.
- (vi) علمت ثلاث عشرة طالبة saya telah mengajar tiga belas orang murid
تسعة وتسعين طالبة – sembilan belas orang murid
perempuan.
- (vii) حلّة طالبتي لهن امج seratus orang murid telah menyertai
program itu.
- (viii) حلّة طالبتي لهن امج seratus orang murid perempuan telah
menyertai program itu.

Bilangan dari segi 'irabnya kesemua bilangan adalah *mu'rab* kecuali pada bilangan 11 hingga 19 iaitu kedua-dua nombor itu adalah *Mabni* kecuali bilangan 12. Kedudukan 'irabnya adalah nombor pertama adalah *mu'rab* sementara nombor kedua adalah *mabni*. Bilangan dari segi jenis lelaki dan perempuan dapat dibahagikan seperti berikut:

- (i) bilangan 1 dan 2 bersesuaian dengan *ma'dudnya*. Bagi bilangan 2, perkataannya akan dibuangkan huruf nun sekiranya dia datang bersama-

sama bilangan sepuluh. Misalnya, عمر أخى ثلثا عشرة سنة وعمري ثلثان
عشرون سنة .

- (ii) bilangan daripada 3 hingga 9, ma'dud ditulis secara berlawanan dengan 'adadnya (sama ada bilangan mufrad, murakkab atau ma'tuf). Selain itu, untuk menentukan jenis ma'dud perlu dilihat kata mufradnya. Misalnya, (3 sekolah ث مدارس ditulis dengan thalatu kerana kata mufrad madaris ialah madrasah).
- (iii) bilangan 10 pula ma'dudnya perlu berlawanan جاء عشرة ط ب. Namun begitu, ma'dud perlu bersamaan dengan 'adad sekiranya bilangan murakkab ربيثثة عشرة مؤلما .
- (iv) Bagi nombor lafaz 'Uqut (iaitu dari 20 – 90), lafaz 100, 1000 dan seterusnya, maka lafaz-lafaz ini tidak berlawanan antara *ma'dud* dan 'adadnya. Misalnya,
ثلاثون عشرون مائة من مائة وثلاثين فيل وتمرا .

(e) **الصفة ولموصوف** *al-Sifah wa Mausuf*

sifah bermaksud sesuatu yang menerangkan berkenaan sifat seseorang manusia atau sesuatu benda (*Mausuf*). *Sifah* wajib mengikut *Mausuf* dalam semua keadaan. Sebagai contoh;

- (i) محمد طالب مجتهد (Muhammad seorang pelajar yang rajin.)
- (ii) فاطمة طالبة مجتهدة Fatimah seorang pelajar yang rajin.)

Daripada contoh ayat di atas, kita dapat nyatakan kata *mujtahid* merupakan *sifah* untuk *tolib* sementara kata *mujtahidah* adalah *sifah* untuk perkataan *tolibah*. Oleh itu,

pengkaji dapat menyatakan *sifah* wajib mengikut hukum ‘*irab* bagi manusia atau benda yang disifatkan itu.

Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian dalam perkara ini. Terdapat beberapa perkataan *sifah* yang dapat digunakan bagi kata jenis *muzakkar* dan *muannath* atau khas bagi *muannath* sahaja. Perkara ini dapat diterangkan seperti contoh yang berikut;

- (i) مُحَمَّدٌ جَرِيْحٌ (Muhammad cedera.)
- (ii) زَيْنَابٌ جَرِيْحَةٌ (Zainab cedera.)
- (iii) هِنْدٌ مَرْضِعَةٌ (Hindun mengandung.)

Jika kita perhatikan pada ayat (i) dan (ii) di atas, kedua-dua kata nama berkongsi kata *sifah* yang sama iaitu جَرِيْحٌ . Dengan kata lain, *sifah* tersebut boleh digunakan bagi *muzakkar* dan *muannath*. Sebaliknya, pada ayat (iii), hanya kata مَرْضِعَةٌ boleh digunakan oleh kata nama *muannath* هِنْدٌ . Hal ini demikian kerana kata mengandung hanya digunakan oleh perempuan (*muannath*) sahaja dan tidak pada lelaki (*muzakkar*).

Sifah terbahagi kepada dua iaitu *sifah hakiki* dan *sifah majazi*.

- (i) *sifah hakiki* – seperti pada perbincangan yang lalu.
- (ii) *sifah sababi* – iaitu mestilah *sifah* sentiasa dalam keadaan *mufrad* dan kata nama baru yang disifatkannya perlu mengikut *mausuf* yang asal.

Sebagai contoh,

جاء لرجل ففضل أخوه \ جاء
 نفضل أخوهم \ جاء الرجل ففضل أخوكهم \ جاء نفضل أخوه \ جاء

ففضل أخوه \ جاء .

Sementara itu, *sifah hakiki* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu:

- (i) Kata Nama *Zhohir*.
- (ii) *Syibhul Jumlah* (dari kata *zhorof* atau *jar wa majrur*)
- (iii) *Jumlah Ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*.

Sifah tidak boleh datang dalam bentuk *jumlah* sekiranya *mausufnya* berbentuk kata nama *makrifah*. Oleh itu, bagi membentuk *sifah*, kata *mausuf* perlu berada dalam keadaan *nakirah*. Misalnya,

- i) *مضى وهو برده قارص* (برده قارص : حملة اسى نعت ليوم)
- ii) *مذا عمل في يد* (في يد : حملة على نعت ل عمل)

(f) **al-Mausul wa 'A'iduhu** لموصول ويؤيده

Isim Mausul ialah *Isim Mabni* yang menunjukkan kepada sesuatu perkara tertentu dengan perantaraan ayat selepasnya yang dikenali dengan nama *Silah Mausul*. Contoh kesemua *Isim Mausul* seperti berikut:

- i) *لذي له الفرد المكثر* (نخل : حضر ال ذين جح)
- ii) *التي له الفردة المؤنثة* (نخل : لؤفى تال طلب ةالت يفتوت)
- iii) *للذان له الشئى المكثر* (نخل : سفلر للذان فى الملبقى دق)
- iv) *للتان له الشئى المونث* (نخل : لتان وبلظتا لى ال حضورن جتا)
- v) *لؤين* (ل جمع ال كورال ع ء (نخل : لؤيتى امون بأعمالهم)
- vi) *ل جمع اناث* (نخل : أحرسن بتل سرى داتال تكل من)
- vii) *من ال عاقل مكررا أو مؤنثا* – *فمرد أو شئى أو جمع* (نخل : جاء من قام – جاءت من قامت – جاء من قاما – جاء من قامتا – جاء من قاموا – جاء فى قمن .

- viii) ما (لغير ال عاقل مكررا أو مؤثرا – فمفرد أو ثنن أو جمع) (نخل: أعجني ما التفتت من قصة أو ما التفتت في قصتين أو ما التفتت من قصة).
- ix) أي (بمجرى من أو ما) (نخل يعجني أي أدنى واحدة).

Silah Mausul boleh berbentuk:

- i) *Jumlah Fi'liyyah*. إن الذي اره لتقيس يرب جليل من رعة
- ii) *Jumlah Ismiyyah* : حذر لاني هم لرقباي
- iii) *Zorf* : لظلال لى لولوح لقتي أم امك
- iv) *Jar wa Majrur* : قظت ا زه ال تي في لحيقة

Selain itu, *Silah Mausul* yang berbentuk *Jumlah Ismiyyah* dan *Jumlah Fi'liyyah*, perlu mengandungi (KGND) yang menghubungkannya dengan *Isim Mausul* serta mengikut jenis dan bilangannya. KGND yang digunakan dikenali dengan nama (*'A'id*). Dengan kata lain, penggunaan *isim mausul* dalam ayat yang dibina perlulah bersamaan dengan rujukan yang ingin dijelaskan. Selain itu, penggunaan kata ganti nama diri KGND (*dhomir 'a'id*) yang kembali kepada kata nama *muzakkar* atau اسم المذكر perlu bertepatan dengan penggunaan *isim mausul* tersebut. Misalnya:

- (i) هَذَا الْكِتَابُ الَّذِي قَرَأْتَهُ (Buku ini yang aku telah bacanya.)
- (ii) هَذِهِ الْجَرِيدَةُ الَّتِي تَلَيْتُهَا (Surat khabar ini yang aku telah belinya.)

Pada ayat (i) *isim mausul* الذي dan *Dhomir* هـ kembali kepada kata الكتاب. Sementara bagi ayat (ii), *isim mausul* التي dan *Dhomir* ها kembali kepada kata لجريدة. Dengan kata lain, *isim mausul* dan *Dhomir* yang kembali kepada kata nama perlu bersamaan dari segi *tazkir* dan *ta'nith*.

2.5 Kajian-Kajian lain mengenai kesilapan bahasa

Terdapat banyak kajian mengenai kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar di dalam mempelajari bahasa kedua. Kajian kualitatif yang dilakukan oleh Khazri Osman dan Ku Siti Esah Ku Ibrahim (2012) terhadap hasil karangan pelajar yang berjumlah sebanyak 22 transkrip jawapan bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar peringkat universiti dalam aktiviti penulisan karangan. Dapatan kajian menemukan para pelajar kerap melakukan kesalahan bahasa. seperti kesalahan *imla'*, pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan *ishtiqaq*, membaris perkataan, penyesuaian antara *muzakkar* dan *muannath*, pemilihan *ta'diyah* dan kesalahan-kesalahan tatabahasa yang lain.

Dapatan yang hampir sama turut diperolehi oleh al-Muslim Mustofa (2011) daripada kajian beliau yang bersumberkan daripada tiga disertasi yang telah dijalankan oleh para pengkaji lain khususnya mengenai kesalahan bahasa di kalangan pelajar melayu. Daripada penelitiannya, beliau telah mendapati bahawa kebanyakan pelajar di peringkat universiti melakukan kesalahan bahasa dari segi *irab*, *al-tazkir* dan *al-ta'nith*, *tasrif al-af'al*, *al-ta'rif wa al-tankir* dan *al-ifrad wa al-tasniah wa al-jamak*. Sehubungan dengan itu, Mustofa telah menyatakan tiga punca kesalahan bahasa di kalangan pelajar melayu seperti berikut:

- (i) Sangkaan pelajar terhadap bahasa kedua yang dipelajari adalah sama dengan bahasa pertama mereka.
- (ii) Persekitaran bahasa yang tidak membantu mereka dalam mempelajari bahasa kedua sehingga mereka malu untuk menggunakan bahasa kedua yang dipelajari di luar kelas, dan

- (iii) Kesalahan bahasa merupakan perkara yang biasa dilakukan apabila mempelajari bahasa kedua.

Namun begitu, Mahdi Masud (2011) dalam kajiannya yang lebih berfokus kepada kelemahan pelajar Melayu dalam menguasai tajuk keseragaman bahasa (*al-Mutobaqah al-Lughowiyah*) menegaskan bahawa sebenarnya para pelajar melakukan kesalahan bahasa kerana tidak memahami konsep *al-muthobaqah* secara sempurna. *Al-muthobaqah* ialah satu proses membuat penyesuaian antara kata kerja dan pelaku serta antara subjek dan predikat semasa membina ayat atau jumlah dalam bahasa arab. Mahdi turut menyatakan bahawa masalah ketidakfahaman para pelajar mengenai konsep *al-muthobaqah* adalah kerana para pelajar terkesan dengan bahasa pertama semasa mereka mempelajari bahasa kedua yang baru bagi mereka.

Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Hanizam Mohd Ghazali (2004) terhadap para pelajar UIAM yang mengambil pengkhususan bahasa arab bagi sesi 2003/2004, mendapati sebanyak 1070 kesalahan bahasa telah dilakukan oleh para pelajar dalam penulisan karangan mereka. Punca-punca berlakunya kesalahan bahasa di kalangan pelajar terdiri daripada faktor linguistik dan bukan linguistik. Faktor linguistik adalah seperti masalah penggantian, pemilihan perkataan dan generalisasi terhadap bahasa kedua. Manakala, faktor bukan linguistik terdiri daripada kaedah pengajaran guru dan kurikulum pelajaran bahasa arab itu sendiri. Dapatan kajian juga mendedahkan bahawa para pelajar tidak mahir dalam penggunaan *masdar* bahasa arab kerana ia berbentuk *qiyasi* dan *simaie*.

Kajian kualitatif yang telah dijalankan oleh Muhammad Zahri Abdul Karim (2014) terhadap para pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Selangor, mendapati

para pelajar banyak melakukan kesalahan bahasa semasa mereka menulis karangan bahasa arab. Antara kategori kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pelajar termasuklah aspek pemilihan kata, *muzakkar* dan *muannath* dan penggunaan *uslub* bahasa arab. Kesalahan bahasa di kalangan pelajar berpunca daripada kelemahan para pelajar memahami ilmu *nahu* dan *sorof*.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Azlan Shaiful Bahrum dan Rosni Samah, (2015) mengenai persepsi para pelajar universiti awam terhadap kesalahan bahasa arab, telah berjaya memperolehi dapatan bahawa para pelajar kerap melakukan kesalahan sintaksis. Mengikut mereka, kesalahan yang dilakukan berpunca daripada kurang cekap memahami kaedah *nahu* dan *sorof* serta kurang latihan dalam menulis esei atau karangan.

Nazzil Saifuddin (2013) melalui kajian yang dijalankan terhadap para pelajar sekolah menengah ABIM Kajang Selangor mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar dalam pembinaan ayat bahasa arab adalah rendah disebabkan oleh kerap melakukan kesalahan *nahu* dan *sorof* serta kesilapan dalam pemilihan kosa kata arab yang sesuai dengan ayat yang ingin dibina. Turut menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam pembinaan ayat bahasa arab adalah faktor minat dan kaedah pengajaran guru.

Kajian berbentuk tinjauan yang dilakukan oleh Hamid Norni Hamid (2014) terhadap murid tingkatan enam sekolah agama di Brunei berjumlah 60 orang pelajar telah mendapati sebanyak 1384 kesalahan telah dilakukan oleh para pelajar. Kesalahan aspek tatabahasa dan ejaan merupakan aspek yang mendominasi kesalahan-kesalahan bahasa yang lain dengan kadar peratus sebanyak 84.9 % iaitu bersamaan dengan 1184 bilangan kesalahan bagi aspek ini.

Hazlina Abdul Halim (2013) melaporkan bahawa pelajar menunjukkan kepekaan yang minimum terhadap gender yang dikaitkan dengan kata sendi dalam bahasa perancis. Pelajar juga sukar untuk mengaitkan kata sifat dengan kata nama yang mempunyai gender khasnya yang melibatkan kata nama tidak bernyawa. Pengkaji juga mendapati kesilapan pemilihan, kesilapan pengurangan dan kesilapan penambahan yang dilakukan oleh pelajar kerana kurang peka dan kurang faham mengenai gender dan aplikasinya dalam pembinaan ayat.

Zahira Abdullah (2003) menyatakan punca kesalahan leksikal yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah dalam penulisan karangan bahasa inggeris ialah mereka tidak memahami sistem dan struktur tatabahasa bahasa inggeris, terpengaruh dengan bahasa melayu dan melakukan terjemahan secara langsung daripada bahasa melayu kepada bahasa inggeris. Pengkaji juga mendapati kesalahan aspek *intralingual* adalah lebih tinggi berbanding kesalahan *interlingual*.

Farizan Md Amin (2014) mendapati para pelajar melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa melayu. Kesalahan morfologi merupakan kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh para pelajar, diikuti dengan kesalahan sintaksis, kesalahan grafologi dan kesalahan leksikal. Punca kepada kesalahan bahasa yang terjadi di kalangan pelajar dari segi pengaruh bahasa inggeris yang telah dijadikan bahasa rasmi bagi negara Singapura.

Ahmad Sa'aduddin Wahab (2010) mendapati bahawa para petugas agama di negeri Perak kerap melakukan kesalahan bahasa dari segi *nahu* dan *sorof* ketika memberikan kuliah, ceramah, tazkirah dan sebagainya. Para petugas agama didapati lemah dalam pembinaan frasa bahasa arab.

Dalam kajian Ahmad Nazuki (1999) mengenai penggunaan bentuk feminin dalam pembentukan ayat bahasa arab yang dilakukan terhadap 100 orang pelajar semester satu di ITM (cawangan Terengganu) telah mendapati seramai 65 orang pelajar melakukan kesilapan pembinaan ayat yang mengandungi gender feminin daripada ujian yang dijalankan. Kajian beliau lebih difokuskan kepada kesilapan penggunaan (*al-muannath*) dalam *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*.

Noor Azizi Ismail (1998) dalam kajian yang dilakukan terhadap pelajar sekolah agama tingkatan lima mendapati pelajar kerap melakukan kesalahan bahasa dari segi salah padan bilangan dan salah pada masa. Kesalahan bahasa terjadi berpunca daripada kelemahan penguasaan tatabahasa arab, kaedah pengajaran guru, perbezaan Bahasa arab dengan bahasa melayu dan kurangnya bahan bantu mengajar. Hasil kajian juga mendapati sebanyak 10 aspek kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar iaitu:

- (1) Salah padan bilangan *mufrad*, *muthanna* dan *jama*'.
- (2) Salah padan masa.
- (3) Kesilapan meletakkan kata kerja atau kata nama dalam ayat.
- (4) Kata kerja atau pelaku (*fa'il*) tidak wujud dalam ayat.
- (5) Salah padan genus.
- (6) Tidak menggunakan partikel 'أَنَّ'.
- (7) Pelaku terpisah daripada kata kerja.
- (8) Kesilapan tanda baris.
- (9) Menggunakan kata kerja bahasa melayu.
- (10) Terjemahan lansung daripada bahasa melayu.

Abdul Ghani Md Hassan (1999) dalam kajiannya di empat buah sekolah menengah agama di daerah Besut, negeri Terengganu terhadap responden seramai 200 orang pelajar tingkatan lima dan 10 orang guru bahasa arab serta empat orang pentadbir berjaya memperolehi dapatan pelajar masih lagi melakukan kesalahan dalam membina ayat asas bahasa arab iaitu dalam tajuk *jumlah ismiyyah*, *jumlah fi'liyyah* dan tajuk *al-idhofah*.

Manakala, Che Kamaruddin Kamel (1999) yang menjalankan kajian terhadap 40 orang pelajar tingkatan empat dan lima yang mengikuti kursus bahasa arab anjuran YIK mendapati tahap penguasaan *nahu* bahasa arab di kalangan pelajar adalah lemah berdasarkan kepada dapatan kajian beliau iaitu 23 orang pelajar telah gagal dalam ujian yang dijalankan. Kelemahan yang ketara adalah dari aspek pembinaan ayat *jumlah ismiyyah* mahu pun *jumlah fi'liyyah*.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Mohamad (2002) terhadap 168 orang pelajar tingkatan 6 yang dipilih daripada lima buah sekolah di Kelantan mendapati para pelajar sangat lemah dalam memahami tajuk frasa bahasa arab. Perkara ini dibuktikan melalui ujian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap para responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan seramai 160 orang pelajar daripada 168 orang pelajar iaitu sebanyak 95.2% , telah gagal dalam ujian frasa bahasa arab. Kesalahan yang berlaku adalah berpunca daripada kegagalan pelajar memahami konsep *tazkir wa ta'nith* serta konsep *muthobaqah* (penyesuaian) dari segi *'irab*, genus dan bilangan.

Kesimpulannya, daripada soroton kajian yang telah dikemukakan di dalam sub topik ini, maka pengkaji telah mendapati bahawa para pelajar di peringkat sekolah menengah dan peringkat universiti kerap melakukan kesalahan bahasa khususnya pada aspek tatabahasa sama ada dari segi sintaksis dan morfologi iaitu ilmu *nahu* dan *sorof*.

Selain itu, kategori-kategori kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka terdiri daripada empat teras yang utama seperti yang telah dibincangkan oleh Coder dalam teori analisis kesilapan bahasa iaitu pengurangan, penambahan, pemilihan dan penyusunan (Coder, 1967). Manakala, punca kesalahan bahasa pula dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu kesalahan bahasa yang berpunca daripada faktor *interlingual* dan faktor *intralingual*. Terdapat juga pengkaji yang menyatakan punca kesalahan bahasa terdiri daripada faktor linguistik dan faktor bukan linguistik (Ab.Halim Mohamad dan Mohd Azidan Abdul Jabar, 2017).

2.6 Rumusan

Sebagai rumusan daripada bab ini, pengkaji telah membincangkan mengenai pengenalan, teori pembelajaran bahasa kedua iaitu terdiri daripada dua aliran yang utama seperti aliran behaviorisma dan aliran kognitif yang membincangkan mengenai aktiviti pemerolehan bahasa kedua. Di samping itu juga, melalui perbincangan setiap aliran tersebut, timbulnya beberapa pendekatan moden dalam menganalisis korpus tertentu untuk melihat tahap penguasaan para pelajar dalam mempelajari bahasa kedua seperti analisis kontrastif (perbandingan) dan analisis kesilapan bahasa.

Seterusnya dalam bab ini juga, pengkaji turut membincangkan berkenaan konsep *tazkir wa ta'nith* dalam aspek tatabahasa arab bertujuan untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai konsep ini. Hal ini demikian kerana pengkaji akan menggunakan pengetahuan tersebut di dalam kajian yang akan dijalankan kelak. Akhir sekali, pengkaji turut memuatkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain sekitar tajuk kesilapan bahasa di kalangan pelajar bahasa kedua.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Secara umumnya, metodologi menurut (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) bermaksud “sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya”. Maka, kajian ilmiah yang ingin dilakukan oleh pengkaji, perlulah didasarkan kepada metodologi kajian yang tertentu. Tanpa mengikut metodologi tertentu, kajian yang akan dijalankan dianggap sebagai bukan satu kajian yang saintifik dan empirikal.

Oleh sebab itu, dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan berkenaan metodologi kajian yang akan dipilih serta reka bentuk kajian yang sesuai, peserta kajian, lokasi kajian, instrumen kajian, persoalan keesahan dan kebolehpercayaan, prosedur kajian dan di akhir bab ini, pengkaji akan membuat rumusan umum mengenai perbincangan dalam bab ketiga.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan kepada kaedah analisis dokumen. Pengkaji memilih penggunaan kaedah ini dalam kajian yang akan dijalankan kerana analisis yang akan dilakukan adalah berdasarkan kepada skrip atau teks karangan para pelajar yang mempelajari bahasa arab sebagai bahasa kedua.

Analisis dokumen atau analisis kandungan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam meneliti sesuatu teks atau bahan-bahan yang bercetak yang berbentuk kualitatif. Menurut Ahmad Sunawari Long (2006), analisis kandungan bermaksud “kajian yang merekod komunikasi manusia seperti buku, laman web, lukisan, iklan dan perundangan”. Menurut beliau lagi fokus penyelidikan jenis ini bertujuan menambahkan ilmu pengetahuan dalam penyelesaian masalah dan menjelaskan persoalan sosial yang berkaitan dengan analisis yang dilakukan

Menurut Rasid Mail dan Raman Noordin (2012) pula, analisis kandungan merujuk kepada pemeriksaan lebih terperinci ke atas dokumen tertentu untuk mengesan kewujudan tema-tema tertentu yang menjadi persoalan kajian. Walau bagaimanapun, kewujudan tema-tema yang menjadi persoalan kajian tidak dapat dikesan secara terus atau ketara. Kebiasaannya seseorang pengkaji akan menggunakan dua langkah penting dalam proses analisis kandungan iaitu:

- i. Langkah *rating* : memastikan istilah dan perkataan yang pelbagai mempunyai makna yang menggambarkan tema. Seseorang pengkaji boleh meminta bantuan daripada pakar dalam bidang yang dikaji supaya mendapat persetujuan mengenai tema yang telah ditentukan oleh pengkaji. Bagi tujuan ini, pengkaji perlu memilih sekurang-kurangnya 3 orang atau lebih (dalam nombor ganjil) bertujuan untuk mendapat keputusan majoriti bagi sesuatu tema yang ingin digunakan dalam kajian. Tema-tema yang tidak mendapat majoriti akan dibuang daripada kajian. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, persoalan keesahan dan keboleh percayaan data dapat diperolehi menggunakan kaedah ini.
- ii. Langkah mengukur kekerapan *rating*: istilah, perkataan atau kenyataan yang mewakili tema (setelah melalui proses di atas) akan dikira untuk

mengukur kekerapan yang muncul dalam dokumen yang dikaji. Jika kekerapan yang didapati dalam sesuatu tema banyak dan signifikan, maka tema tersebut boleh dijadikan bukti untuk menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh seseorang pengkaji.

Selain itu, Mohd. Majid Konting (2009) telah memberikan definisi analisis dokumen sebagai kaedah penyelidikan deskriptif yang bermatlamat untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan fenomena tersebut. Keberkesanan kajian amat bergantung kepada kebolehan pengkaji dalam memilih dan menganalisis data yang sah dan sesuai.


Oleh itu, berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan pengkaji lain mengenai analisis dokumen, pengkaji akan memilih kaedah ini dalam menjalankan kajian berkenaan analisis aplikasi penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan pelajar. Kaedah ini dipilih kerana pengkaji akan menggunakan dokumen atau transkrip karangan sebagai sampel kajian. Selain itu juga, kaedah ini merupakan kaedah analisis alternatif yang digunakan oleh para sarjana bagi menghuraikan dan menganalisis data-data yang mereka perolehi daripada pelbagai sumber yang bercetak.

Di samping itu, antara kebaikan analisis ini adalah dari segi kemampuannya untuk mendedahkan maklumat sejarah fenomena yang hendak dikaji dan bukan hanya menumpukan kajian kepada data "*now and here*" yang menyebabkan kelemahan pengkaji dalam memahami konteks, sejarah dan proses bagi fenomena yang hendak dikaji itu. Selain itu juga, kebaikan-kebaikan lain yang dapat diperolehi melalui penggunaan analisis dokumen seperti berikut:

- i) Menjimatkan masa dan kos. Kaedah ini tidak memerlukan bilangan pengkaji yang ramai serta tidak memerlukan bahan-bahan yang khas. Hanya bukti dokumen yang ingin dianalisis menjadi bahan kajian. Hal yang demikian dapat menjimatkan masa dan kos pengkaji kerana bahan-bahan kajian tersedia di depannya.
- ii) Saiz sampel. Saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini perlu banyak bagi memberikan keyakinan hasil yang diperolehi oleh pengkaji kelak dapat menggambarkan sesuatu situasi yang dikaji.
- iii) Berkualiti tinggi. Dokumen yang diperolehi daripada responden kajian merupakan data primer yang menggambarkan pencapaian sebenar responden kajian. Sebagai contoh, penulisan karangan yang diperolehi daripada ujian pencapaian pelajar.

Sebagai kesimpulannya, kaedah analisis kandungan atau analisis dokumen merupakan satu kaedah yang sistematik dan teratur dalam menguruskan segala data yang berbentuk lisan dan tulisan.

Secara umumnya, kajian ini akan dijalankan berdasarkan kepada struktur pentadbiran seperti yang dapat digambarkan pada rajah 3.1 yang berikut:



Rajah 3.1. Struktur Pentadbiran Kajian

Rajah 3.1 di atas menggambarkan struktur pentadbiran kajian secara keseluruhan. Langkah pertama merupakan langkah mengenalpasti masalah yang ingin dikaji. Melalui sorotan kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji dalam bidang pendidikan bahasa arab dan analisis kesalahan bahasa, pengkaji mendapati para pelajar masih tidak dapat membina ayat bahasa arab yang betul khususnya dari segi aplikasi *tazkir wa ta'nith*.

Justeru itu, berpandukan kepada masalah yang dihadapi oleh para pelajar, pengkaji ingin mengetahui kekerapan penggunaan dan kesalahan para pelajar dalam pembinaan ayat dan frasa berkonsepkan *tazkir wa ta'nith* serta mengetahui susunan kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh mereka. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menganalisis data kajian yang diperolehi. Selain itu, pengkaji turut menggunakan dua jenis instrumen bagi menganalisis data kajian.

Dengan kata lain, bagi tujuan mendapatkan data kajian, pengkaji akan mengumpulkan transkrip jawapan penulisan karangan bahasa arab daripada para pelajar yang mengikuti program persediaan bahasa arab di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. Semua transkrip tersebut diambil daripada dua ujian yang berbeza iaitu ujian pertama dan ujian kedua yang mereka duduki. Manakala bagi tujuan menganalisis data, pengkaji akan menggunakan satu senarai semak aplikasi pembinaan ayat dan frasa berdasarkan konsep *tazkir wa ta'nith* dan instrumen borang aplikasi penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith* berdasarkan sorotan kajian lepas. Kajian ini berakhir dengan memaparkan hasil kajian dan perbincangan serta kesimpulan yang akan dijilidkan sebagai satu laporan ilmiah yang lengkap.

3.2 Lokasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor yang beralamat di Jalan Sg. Jati, Kg. Jawa 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan. Pemilihan lokasi ini dibuat kerana para pelajar persediaan tersebut akan tinggal dan berkursus di penempatan ini selama sebulan bagi menjayakan kursus yang telah dirancang oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Pusat Bahasa Arab Selangor. Oleh itu, segala ujian dan penilaian bagi para peserta program ini akan dilakukan di sini.

3.3 Peserta Kajian dan Dokumen Kajian

Peserta kajian untuk kajian ini adalah terdiri daripada para pelajar kursus persediaan bahasa arab ke universiti-universiti di timur tengah bagi kohort ambilan tahun 2016 berjumlah seramai 65 orang pelajar. Mereka merupakan para pelajar yang telah terpilih untuk mengikuti program persediaan bahasa arab selama sebulan bermula daripada 2 Mei 2016 hingga 31 Mei 2016 di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor.

Dalam program ini juga, para pelajar akan mempelajari semua aspek tatabahasa arab dan mereka disyaratkan supaya menggunakan bahasa arab dalam semua aktiviti yang dilakukan. Di samping itu, para pensyarah hanya menggunakan pendekatan kaedah lansung (*mubasyarah*) dalam pengajaran bahasa arab.

Bagi tujuan pengumpulan data dan pemilihan dokumen kajian, pengkaji akan menggunakan tanskrip jawapan penulisan karangan bahasa arab yang telah diambil oleh para pelajar persediaan ke universiti-universiti di timur tengah kohort pengambilan tahun 2016 tersebut. Kertas transkrip jawapan akan dikumpulkan melalui dua fasa iaitu fasa ujian pertama dan fasa setelah mereka selesai menduduki ujian yang kedua. Sebanyak 65 buah karangan diambil sebagai sampel kajian. Menurut Jack R. Fraenkel

dan Norman E. Wallen (2000), jika sampel berjumlah kecil, maka pengkaji perlu mengambil keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Perkara tersebut dapat mengelakkan bias pada pemilihan sampel kajian.

Oleh itu, untuk tujuan kajian ini, pengkaji akan mengambil kesemua skrip jawapan yang dihasilkan oleh para pelajar tersebut dalam ujian pertama dan memilih sepuluh transkrip secara rawak. Untuk ujian kedua pula, pengkaji akan mengambil kesemua transkrip jawapan untuk dianalisis iaitu sebanyak 65 set kertas jawapan.

3.4 Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji akan membina instrumen kajian dengan menggunakan beberapa kategori yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Pemilihan kategori-kategori tersebut adalah berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji lain mengenai analisis kesilapan bahasa para pelajar. Antara kajian tersebut seperti (Abd.Halim Muhammad dan Muhammad Haron Husaini, 2011; Ahmad Abdul Qodir, 2013; al-Muslim Mustofa, 2011; Antoine el-Dahdah, 1993; Che Radiah Mezah, 1996; Coder, 1967; Fuad Nikmah, 2000; Muhammad Zain Mahmood, 2009).

Sehubungan dengan itu, perkara pertama yang akan dilakukan oleh pengkaji ialah melakukan penetapan kategori-kategori yang sesuai bagi tujuan mencapai objektif kajian. Penetapan kategori tersebut mengambil pandangan yang telah dikemukakan oleh (Muhammad Zain Mahmod, 2009) dengan sedikit pengubahsuaian kepada item-item aplikasi penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith*. Perkara ini seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji di dalam bab satu yang lalu mengenai kerangka teori kajian. Antara kategori-kategori *tazkir wa ta'nith* yang akan digunakan sepanjang kajian ini adalah seperti berikut:

- i. *Jumlah Ismiyyah*
- ii. *Jumlah Fi'liyyah.*
- iii. *Al-Sifah wa al-mausuf*
- iv. *Al-hal wa sohibuhu*
- v. *Al-'adad wa al-Ma'dud.*
- vi. *Al-Mausul wa 'aiduhu*

Lanjutan daripada item-item yang telah diperolehi oleh pengkaji, terdapat tiga borang senarai semak yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu:

- (a) Borang kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*.
- (b) Borang kekerapan aplikasi kesalahan *tazkir wa ta'nith*.
- (c) Borang aplikasi penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*.

Secara ringkasnya, borang (a) merupakan borang yang akan digunakan oleh pengkaji bagi melihat kekerapan penggunaan ayat *tazkir wa ta'nith* di kalangan para pelajar persediaan. Manakala, borang (b) ialah borang yang akan digunakan oleh pengkaji untuk melihat kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*. Sebelum para pakar mengisi maklumat-maklumat ke dalam borang (a) dan (b), mereka akan diberikan borang (c) iaitu borang penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*. Borang (c) ini membantu para pakar menganalisis secara khusus ayat-ayat *tazkir wa ta'nith* mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Penerangan mengenai setiap instrumen borang senarai semak dapat dijelaskan seperti penerangan berikut:

(a) **Borang kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*.**

Borang kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* merupakan borang yang akan digunakan bagi melihat kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam sampel kajian karangan pelajar kelak. Terdapat sebanyak enam item penting yang telah dikenalpasti oleh pengkaji dalam melihat penggunaan *tazkir wa ta'nith* di kalangan pelajar semasa menulis karangan. Tema-tema *tazkir wa ta'nith* tersebut adalah seperti senarai berikut:

- Penggunaan *Jumlah Ismiyyah*
- Penggunaan *Jumlah fi'liyyah*.
- Penggunaan *Al-hal wa Sohibuhu*.
- Penggunaan *al-'Adad wa al-Ma'dud*.
- Penggunaan *al-Sifah wa al-Mausuf*
- Penggunaan *Al-Mausul wa 'A'iduhu*.

Sehubungan dengan perkara di atas, setiap tema atau topik *tazkir wa ta'nith* yang akan digunakan di dalam borang instrumen kajian akan dikecilkan lagi mengikut kepada kategori-kategori yang khusus. Perkara ini bertujuan bagi memudahkan pengkaji mengenalpasti penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam karangan para pelajar persediaan tersebut. Oleh itu, pembahagian setiap item dapat digambarkan seperti jadual 3.1 yang berikut:

Jadual 3.1.

Tema-tema dan item-item penggunaan tazkir wa ta'nith.

BIL	KATEGORI PENGGUNAAN	KEKERAPAN PENGGUNAAN	
			Jumlah
1	<i>Jumlah Ismiyyah</i>		
	(a) <i>Khobar Mufrad</i>		

	(b) Khobar <i>Jumlah Fi'liyyah</i>		
	(c) Khobar <i>Jumlah Ismiyyah</i>		
	(d) :Khobar <i>Syibhul Jumlah</i>		
	JUMLAH		
2	<i>Jumlah Fi'liyyah</i>		
	(a) <i>Fi'il – Fa'il – Maf'ul bihi</i>		
	(b) <i>Fi'il – Fa'il – Harf – Isim / Fi'il – Fa'il – Zarf – Isim</i>		
	JUMLAH		
3	<i>Al-Hal wa Sohibuhu</i>		
	(a) menerangkan <i>Fa'il</i>		
	(b) menerangkan <i>Maf'ul bihi</i>		
	JUMLAH		
4	<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i>		
	(a) 1 – 2		
	(b) 3 – 10		
	(c) 11 – 12		
	(d) 13 – 99		
	(e) 100 – tak terhingga		
	JUMLAH		
5	<i>Al-Sifah wa al-Mausuf</i>		
	(a) bagi perkataan yang biasa		
	(b) bagi perkataan yang jarang digunakan		
	JUMLAH		
6	<i>Al-Mausul wa 'A'iduhu</i>		
	(a) Jenis <i>Muzakkar</i>		
	(b) Jenis <i>Muannath</i>		
	JUMLAH		
	JUMLAH KESELURUHAN PENGGUNAAN		

Berdasarkan kepada jadual 3.1 di atas mengenai tema-tema dan item-item penggunaan *tazkir wa ta'nith*, pengkaji akan membahagikan setiap kategori penggunaan kepada

beberapa topik supaya lebih mudah difokuskan kepada bentuk-bentuk penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan pelajar. Pembahagian setiap penggunaan adalah seperti berikut:

- Untuk penggunaan *jumlah ismiyyah*, pengkaji akan membahagikan analisis penggunaan kepada empat kategori penggunaan iaitu, khobar *mufrad*, khobar *jumlah fi'liyyah*, khobar *jumlah ismiyyah* dan khobar *syibhul jumlah*.
- Untuk kategori penggunaan *jumlah fi'liyyah*, pengkaji akan melihat kepada dua jenis ayat iaitu *fi'il – fa'il – maf'ul bihi* atau *fi'il – fa'il – harf al-jar – isim* dan *fi'il – fa'il – zarf – isim*.
- Bagi kategori penggunaan *al-hal wa sohibihu*, pengkaji akan membahagikan analisis penggunaan ayat kepada dua jenis ayat yang utama iaitu *hal* yang menerangkan *fa'il* dan *hal* yang menerangkan *maf'ul*.
- Seterusnya, bagi kategori penggunaan *al-'adad wa al-ma'dud*, pengkaji akan membahagikan kepada lima jenis analisis iaitu daripada bilangan 1 hingga 2, bilangan 3 hingga 10, bilangan 11 hingga 12, bilangan 13 hingga 99 dan bilangan 100 dan ke atas.
- Untuk kategori *al-sifah wa al-mausuf*, pengkaji akan membahagikan kepada dua penggunaan *al-sifah wa al-mausuf* iaitu bagi perkataan *sifah* yang biasa dan bagi perkataan *sifah* yang jarang digunakan.
- Akhir sekali, bagi kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, pengkaji akan melihat kepada dua jenis penggunaan iaitu jenis *muzakkar* dan jenis *muannath*.

(b) Borang kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*

Instrumen analisis kajian yang kedua adalah borang kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dalam karangan pelajar persediaan ke universiti-universiti di timur tengah. Perkara-perkara yang terdapat dalam borang ini adalah sama dengan borang kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith* yang lalu. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 3.2 yang berikut:

Jadual 3.2.

Borang kekerapan kesalahan tazkir wa ta'nith.

BIL	KATEGORI KESALAHAN	KEKERAPAN KESALAHAN	
			Jumlah
1	<i>Jumlah Ismiyyah</i>		
	(a) Khobar <i>Mufrad</i>		
	(b) Khobar <i>Jumlah Fi'liyyah</i>		
	(c) Khobar <i>Jumlah Ismiyyah</i>		
	(d) :Khobar <i>Syibhul Jumlah</i>		
	JUMLAH		
2	<i>Jumlah Fi'liyyah</i>		
	(a) <i>Fi'il – Fa'il – Maf'ul bihi</i>		
	(b) <i>Fi'il – Fa'il – Harf – Isim / Fi'il – Fa'il – Zarf – Isim</i>		
	JUMLAH		
3	<i>Al-Hal wa Sohibuhu</i>		
	(a) menerangkan <i>Fa'il</i>		
	(b) menerangkan <i>Maf'ul bihi</i>		
	JUMLAH		
4	<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i>		
	(a) 1 – 2		
	(b) 3 – 10		

	(c) 11 – 12		
	(d) 13 – 99		
	(e) 100 – tak terhingga		
	JUMLAH		
5	<i>Al-Sifah wa al-Mausuf</i>		
	(a) bagi perkataan yang biasa		
	(b) bagi perkataan yang jarang digunakan		
	JUMLAH		
6	<i>Al-Mausul wa ‘A’iduhu</i>		
	(a) Jenis <i>Muzakkar</i>		
	(b) Jenis <i>Muannath</i>		
	JUMLAH		
JUMLAH KESELURUHAN KESALAHAN			

Jadual 3.2 di atas menerangkan berkenaan borang kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*. Di dalam borang tersebut, terdapat sebanyak enam kategori kesalahan utama yang akan dibincangkan bersama-sama dengan pengkhususan kesalahan mengikut kepada tema-tema yang telah dipilih oleh pengkaji. Para pakar yang dipilih diminta untuk mengisi kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar melalui proses analisis hasil karangan mereka.

Justeru itu, item-item yang terdapat pada borang ini adalah sama dengan borang kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith*. Perkara yang membezakan dua borang ini adalah dari segi pemfokusan kepada dua perkara yang penting iaitu pada borang (a), pengkhususan adalah pada kekerapan penggunaan *tazkir wa ta'nith*. Sementara itu, pada borang (b), pengkhususan adalah pada kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan oleh pelajar di dalam hasil penulisan karangan mereka.

(c) **Borang penggunaan dan pembedulan *tazkir wa ta'nith*.**

Instrumen kajian ketiga yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah borang penggunaan dan pembedulan *tazkir wa ta'nith*. Borang ini dibina bertujuan bagi memudahkan tugas pengkaji dalam menganalisis setiap ayat-ayat *tazkir wa ta'nith* yang dihasilkan oleh pelajar melalui karangan mereka. Contoh borang ini adalah seperti jadual 3.3 yang berikut:

Jadual 3.3.

Borang analisis penggunaan dan pembedulan tazkir wa ta'nith

BIL	KATEGORI PENGGUNAAN	PEMBETULAN
1	<i>Jumlah Ismiyyah</i>	
2	<i>Jumlah Fi'liyyah</i>	
3	<i>Al-Hal wa Sohibuha</i>	
4	<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i>	
5	<i>Sifah wa Mausuf</i>	
6	<i>Al-mausul wa 'A'iduha</i>	

Jadual 3.3 di atas adalah contoh borang penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*. Terdapat sebanyak enam kategori penggunaan yang telah dinyatakan sebelum daripada ini. Perkara yang membezakan borang ini dengan borang-borang yang sebelumnya adalah dari segi pembetulan kesalahan secara terus. Sebagai contoh, sekiranya pengkaji mendapati dalam karangan pelajar terdapat kesalahan penggunaan *tazkir wa ta'nith*, pengkaji dapat membetulkan kesalahan tersebut di bahagian kanan borang ini. Sekiranya tidak terdapat kesalahan pembinaan ayat, pengkaji hanya akan dapat memperolehi penggunaan ayat berkonsepkan *tazkir wa ta'nith* yang betul sahaja tanpa melakukan pembetulan di bahagian kanan borang. Segala data yang diperolehi akan dipindahkan ke dalam borang (a) dan (b) bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang lalu.

Oleh yang demikian, penggunaan borang-borang yang telah dinyatakan oleh pengkaji seperti perbincangan di atas, amat membantu pengkaji dalam menganalisis kekerapan aplikasi penggunaan dan kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* di dalam hasil karangan para pelajar persediaan bahasa arab.

3.5 Keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Dalam memperolehi keesahan instrumen kajian yang dibina, pengkaji telah menggunakan saranan yang dikemukakan oleh (Muhammad Zain Mahmood, 2009) dalam mengenalpasti tema-tema atau topik-topik yang akan dimasukkan ke dalam borang instrumen analisis aplikasi penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith*.

Selain itu juga, pengkaji turut mengadakan perbincangan dengan dua orang guru sekolah menengah yang telah dipilih sebagai pakar dalam kajian ini serta masih mengajar subjek tatabahasa arab di sekolah. Perkara ini perlu bagi menentukan topik-

topik yang dipilih oleh pengkaji bertepatan dengan kajian yang ingin dijalankan. Kedua-dua guru tersebut telah bersetuju dengan tema-tema yang digunakan bagi tujuan kajian ini. Sebagai tambahan, pengkaji turut membincangkan pembahagian kategori-kategori *tazkir wa ta'nith* dengan penyelia pengkaji agar kategori yang dipilih bertepatan dengan tajuk kajian pengkaji. Segala saranan yang diberikan oleh para pakar akan dijadikan sebagai panduan dalam membina instrumen kajian yang lebih baik lagi.

Manakala, dari segi kebolehpercayaan instrumen, pengkaji telah menjalankan kajian kebolehpercayaan instrumen kajian dengan memberikan instrumen kajian kepada pakar yang telah dipilih oleh pengkaji. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan kaedah bertujuan dan melalui kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

Bagi memastikan tema-tema yang dipilih oleh pengkaji bertepatan dengan tajuk kajian, pengkaji akan memilih seramai tiga orang pakar yang terdiri daripada dua orang guru bahasa arab Sekolah Agama Menengah dan seorang pensyarah di institusi pengajaran bahasa arab. Pemilihan pakar dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

- (i) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tujuh tahun dalam bidang pendidikan.
- (ii) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Bahasa Arab) dan Diploma Pendidikan.
- (iii) Masih mengajar subjek bahasa arab di sekolah menengah atau di Institusi pengajian bahasa.

Di samping itu, bagi tujuan analisis rintis karangan para peserta kajian, pengkaji akan menggunakan khidmat pakar yang sama bagi memudahkan proses analisis karangan. Hal ini demikian kerana mereka telah mengetahui tema-tema atau topik-topik yang telah dimasukkan ke dalam instrumen kajian yang telah dibina oleh pengkaji. Seramai tiga orang pakar akan dilibatkan bagi tujuan memperolehi persetujuan tema-tema dalam instrumen yang digunakan oleh pengkaji. Pengiraan bagi persetujuan pakar menggunakan nilai Cohen Kappa seperti rumus yang berikut (Noraini Idris, 2013):

$$K = \frac{f(a) - f(c)}{N - f(c)}$$

Di mana,

$f(a)$ – Unit persetujuan

$f(c)$ – 50 peratus jangkakan persetujuan

N - Bilangan unit (tema) yang diuji nilai persetujuan

Sementara itu, bagi memperolehi min bagi kesemua nilai Cohen Kappa adalah menggunakan rumus yang berikut:

$$K = \frac{k(i) + k(ii) + k(n)}{n}$$

Di mana,

K adalah nilai min persetujuan Cohen Kappa

$(i- n)$ bilangan pakar yang dilibatkan.

Selain itu juga, bagi mendapatkan interpretasi nilai Cohen Kappa yang diperolehi, pengkaji akan menggunakan nilai interpretasi seperti jadual 3.4 yang berikut:

Jadual 3.4.

Nilai dan skala persetujuan Cohen Kappa.

NILAI KAPPA	SKALA PERSETUJUAN
0.81 – 1.00	Sangat baik
0.61 – 0.80	Baik
0.41 – 0.60	Sederhana
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.01 – 0.20	Lemah
di bawah – 0	Sangat lemah

Melalui data yang diperolehi daripada para pakar yang dipilih, pengkaji dapat menggambarkan nilai persetujuan mereka berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 3.5.

Skor persetujuan pakar.

Pakar	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Min keseluruhan
	K= 15 - 8.5	K= 16 - 8.5	K= 16 - 8.5	K= 0.76+ 0.88 + 0.88
Pengiraan	$\bar{17} - 8.5$	$\bar{17} - 8.5$	$\bar{17} - 8.5$	$\frac{\quad}{3}$
Nilai Cohen	K= 0.76	K= 0.88	K= 0.88	K= 0.84

Jadual 3.5 di atas menerangkan tentang nilai skor persetujuan para pakar. Melalui skor-skor yang telah diberikan oleh para pakar, maka pengkaji dapat menyenaraikan beberapa skor yang diberikan oleh pakar yang dipilih seperti berikut:

- Pakar 1: Nilai Cohen Kappa adalah 0.76.
- Pakar 2 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.88.
- Pakar 3 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.88.
- Nilai keseluruhan min persetujuan para pakar adalah 0.84.

Daripada butiran-butiran yang diberikan di atas, pengkaji telah memperoleh nilai Cohen Kappa sebanyak 0.76 daripada pakar 1. Nilai ini mempunyai interpretasi persetujuan yang baik. Bagi pakar 2 dan pakar 3 pula, nilai persetujuan yang diperolehi adalah sama iaitu sebanyak 0.88. Nilai ini bermaksud, para pakar sangat bersetuju dengan tema-tema yang telah dipilih oleh pengkaji bagi tujuan mencapai objektif kajian. Daripada min keseluruhan persetujuan bagi ketiga-tiga pakar yang dipilih, pengkaji memperoleh nilai persetujuan Cohen Kappa sebanyak 0.84. Nilai ini menunjukkan interpretasi sangat baik. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa instrumen yang akan digunakan oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang sangat baik.

Selain itu, terdapat beberapa komen yang diberikan oleh pakar mengenai instrumen kajian yang akan digunakan untuk tujuan analisis transkrip jawapan karangan para pelajar persediaan bahasa arab kelak. Pakar 1 menyatakan item *Khobar Syibhul Jumlah* dalam tema *jumlah ismiyyah* tidak perlu dimasukkan ke dalam instrumen kajian. Manakala, bagi tema *jumlah fi'liyyah*, pakar 2 mencadangkan agar item (a) dan (b) digabungkan menjadi satu item sahaja. Selain itu, beliau turut

mencadangkan agar item (b) bagi tema *Sifah wa mausuf* tidak perlu dimasukkan ke dalam instrumen kajian. Manakala, menurut pakar 3, beliau mencadangkan agar item (a) dan (b) bagi tema *Mausul wa 'A'iduhu* digabungkan menjadi satu bahagian sahaja.

Oleh yang demikian, setelah mengambil kira pandangan yang diberikan oleh para pakar yang dipilih, maka pengkaji akan memasukkan sebanyak 14 item sahaja ke dalam borang instrumen penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith* yang akan digunakan daripada 17 item yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini. Item-item tersebut ialah seperti berikut:

Jadual 3.6

Kategori penggunaan dan kesalahan tazkir wa ta'nith bagi instrumen kajian.

BIL	KATEGORI PENGGUNAAN DAN KESALAHAN <i>tazkir wa ta'nith</i>
1	<i>Jumlah Ismiyyah</i> (a) <i>Khobar Mufrad</i> (b) <i>Khobar Jumlah Fi'liyyah</i> (c) <i>Khobar Jumlah Ismiyyah</i>
2	<i>Jumlah Fi'liyyah</i> (a) <i>(Fi'il – Fa'il)</i>
3	<i>Al-Hal wa Sohibuhu</i> (a) menerangkan <i>Fa'il</i> (b) menerangkan <i>Maf'ul bihi</i>
4	<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i> (a) 1 – 2 (b) 3 – 10 (c) 11 – 12 (d) 13 – 99 (e) 100 – tak terhingga
5	<i>Al-Sifah wa al-Mausuf</i> (a) bagi perkataan yang biasa (b) bagi perkataan yang jarang digunakan
6	<i>Al-Mausul wa 'A'iduhu</i> (a) Jenis <i>Muzakkar</i> dan <i>Muannath</i>

Bagi tujuan analisis dokumen (karangan) para pelajar, pengkaji akan menjalankan kajian rintis terlebih dahulu dengan mengambil contoh karangan pelajar sebanyak sepuluh transkrip jawapan daripada 65 transkrip jawapan keseluruhan secara rawak daripada ujian pertama. Analisis rintis perlu dijalankan bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji kelak dapat dipercayai. Tambahan itu pula, melalui analisis rintis ini juga, pengkaji dapat memperolehi gambaran awal bagaimana transkrip karangan akan dianalisis dan diproses.

Oleh itu, bagi menjayakan proses ini, pengkaji akan membahagikan langkah-langkah kajian yang akan diambil berasaskan beberapa langkah atau proses yang penting seperti berikut:

- Membaca petikan karangan sebanyak tiga kali. Para pakar yang dipilih akan membaca transkrip karangan yang ingin dinilai sebanyak tiga kali. Perkara ini bertujuan bagi membiasakan pakar dengan pemahaman teks dan gaya bahasa yang digunakan oleh pelajar ketika menulis karangan. Selain itu, aktiviti ini juga dapat membantu pakar dalam memperhatikan perkara-perkara yang ingin dikaji dalam karangan yang dibaca itu.
- Langkah seterusnya, setelah para pakar membaca transkrip karangan sebanyak tiga kali, mereka dikehendaki menuliskan kembali ayat-ayat yang digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka ke dalam borang (c) yang telah diberikan iaitu borang aplikasi penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith*. Para pakar dikehendaki untuk menulis ayat-ayat yang telah dikenalpasti mengikut tema-tema yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Contoh borang tersebut seperti jadual pada jadual 3.3 yang lalu.

Untuk tujuan analisis rintis data kajian, pengkaji akan membahagikan analisis data kepada dua kategori yang utama iaitu analisis luaran dan analisis dalaman. Analisis luaran dilakukan dengan melibatkan tiga orang pakar yang telah dipilih oleh pengkaji. Pakar-pakar tersebut adalah orang yang sama yang dilibatkan dalam proses keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang lalu. Manakala, melalui analisis dalaman, pengkaji sendiri akan menganalisis data-data tersebut. Oleh itu, penerapan kaedah ini dalam kajian yang dijalankan dapat mengelakkan *bias* atau berat sebelah dalam aktiviti analisis data kajian. Selain itu, kaedah pembahagian ini juga dilakukan bagi melihat sejauhmanakah data yang dianalisis mempunyai ketekalan dengan menggunakan instrumen kajian yang telah disepakati oleh para pakar.

Bagi tujuan analisis rintis, pengkaji telah memilih secara rawak sebanyak sepuluh transkrip jawapan karangan pelajar yang diambil daripada ujian pertama. Justeru itu, daripada analisis rintis yang telah dijalankan oleh tiga orang pakar yang telah dipilih beserta dengan data yang telah dianalisis oleh pengkaji sendiri, maka pengkaji dapat mengemukakan maklumat analisis seperti berikut:

Jadual 3.7.

Hasil analisis aplikasi penggunaan tazkir wa ta'nith bagi kesemua pakar.

	Bil pakar/ Kategori penggunaan	Pakar 1 (inter- coder)	Pakar 2 (inter- coder)	Pakar 3 (inter- coder)	Pengkaji (intra- coder)
1	<i>Jumlah ismiyyah</i>	55	56	59	63
2	<i>Jumlah fi'liyyah</i>	50	49	51	53
3	<i>Al-Hal wa sohibuhu</i>	1	1	1	1
4	<i>Al-'adad wa al-ma'dud</i>	2	2	2	2

5	<i>Al-sifah wa al-mausuf</i>	20	21	21	21
6	<i>Al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	14	15	14	15
	Jumlah penggunaan	142	144	148	155

Jadual 3.7 di atas menerangkan hasil analisis bagi penggunaan *tazkir wa ta'nith* bagi kesemua pakar. Perbincangan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

(i) Analisis Luaran.

Pakar 1:

Pakar 1 telah menemui sebanyak 142 penggunaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 55 penggunaan *jumlah ismiyyah*, 50 penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu penggunaan *al-hal*, dua penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 20 penggunaan *al-Sifah wa al-Mausuf* dan 14 penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu* dalam hasil karangan para pelajar persediaan bahasa arab.

Pakar 2:

Sementara itu, melalui hasil analisis pakar 2, beliau telah mendapati sebanyak 56 penggunaan *jumlah ismiyyah*, 49 penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu penggunaan *al-hal wa sohibuhu*, dua penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 21 penggunaan *al-Sifah wa al-mausuf* dan 15 penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu*.

Pakar 3:

Pakar 3 telah menemui sebanyak 1 penggunaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 59 penggunaan *jumlah ismiyyah*, 51 penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu penggunaan *al-hal*, dua penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 21 penggunaan *al-Sifah wa al-Mausuf* dan 14

penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu* dalam hasil karangan para pelajar persediaan bahasa arab.

(ii) Analisis Dalaman.

Melalui dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan instrumen kajian yang sama, pengkaji telah memperolehi Jumlah penggunaan *jumlah ismiyyah* dalam sampel karangan yang telah dianalisis adalah sebanyak 63 penggunaan *jumlah ismiyyah*. Bagi penggunaan *jumlah fi'liyyah* adalah sebanyak 53 penggunaan. Bagi penggunaan *al-hal wa sohibuhu* pengkaji hanya mendapati sebanyak satu penggunaan sahaja. Selain itu, pengkaji juga telah mendapati sebanyak dua penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 21 penggunaan *al-sifah wa al-mausuf* dan sebanyak 15 penggunaan *al-Mausul wa 'a'iduhu* dalam sampel karangan yang telah dianalisis oleh pengkaji.

Sebagai rumusan daripada analisis rintis yang dijalankan oleh kesemua pengkaji, maka pengkaji dapat meringkaskan dapatan yang diperolehi seperti jadual 3.8 yang berikut:

Jadual 3.8.

Nilai persetujuan Cohen Kappa bagi kesemua pakar.

Pakar	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Min keseluruhan
	K= 55 - 31.5	K= 56 - 31.5	K=59 - 31.5	K= 0.75+ 0.78 + 0.87
Pengiraan	$\bar{63} - 31.5$	$\bar{63} - 31.5$	$\bar{63} - 31.5$	3
Nilai Cohen	K= 0.75	K= 0.78	K= 0.87	K= 0.80

Jadual 3.8 di atas menerangkan tentang nilai skor persetujuan para pakar. Melalui skor-skor yang telah diberikan oleh para pakar, maka pengkaji dapat menyenaraikan dapatan kajian seperti berikut:

- Pakar 1: Nilai Cohen Kappa adalah 0.75
- Pakar 2 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.78.
- Pakar 3 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.87
- Nilai keseluruhan min persetujuan para pakar adalah 0.80

Daripada butiran-butiran yang diberikan di atas, pengkaji telah memperoleh nilai Cohen Kappa sebanyak 0.75 daripada pakar 1. Nilai ini mempunyai interpretasi persetujuan yang baik. Bagi pakar 2, nilai yang diperolehi adalah 0.78 yang berinterpretasi baik dan pakar 3 pula, nilai persetujuan yang diperolehi adalah sebanyak 0.87 iaitu berinterpretasi sangat baik. Daripada min keseluruhan persetujuan bagi ketiga-tiga pakar yang dipilih, pengkaji memperoleh nilai persetujuan Cohen Kappa sebanyak 0.80. Nilai ini menunjukkan interpretasi baik. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa instrumen yang akan digunakan oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

(b) Analisis kekerapan kesalahan aplikasi *tazkir wa ta'nith*.

Bagi analisis rintis kekerapan kesalahan aplikasi *tazkir wa ta'nith* dalam hasil karangan para pelajar persediaan, pengkaji telah memperoleh beberapa dapatan kajian seperti yang berikut:

Jadual 3.9.

Hasil analisis bagi kesalahan aplikasi tazkir wa ta'nith bagi kesemua pakar.

Bil pakar/ Kategori kesalahan	Pakar 1 (inter- coder)	Pakar 2 (inter- coder)	Pakar 3 (inter- coder)	Pengkaji (intra- coder)
1 <i>Jumlah ismiyyah</i>	11	12	10	13
2 <i>Jumlah fi'liyyah</i>	2	2	2	2
3 <i>Al-Hal wa sohibuhu</i>	1	1	1	1
4 <i>Al-'adad wa al- ma'dud</i>	1	2	2	2
5 <i>Al-sifah wa al- mausuf</i>	9	7	8	9
6 <i>Al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	2	2	2	2
Jumlah kesalahan	26	26	25	29

Jadual 3.9 di atas menerangkan hasil analisis bagi kesalahan aplikasi *tazkir wa ta'nith* bagi kesemua pakar. Perbincangan bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

(i) Analisis Luaran.

Pakar 1:

Pakar 1 telah menemui sebanyak 26 kesalahan penggunaan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 11 kesalahan penggunaan *jumlah ismiyyah*, 2 kesalahan penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu kesalahan penggunaan al-hal, satu kesalahan penggunaan *al-'adad wa*

ma'dud, 9 kesalahan penggunaan *al-Sifah wa al-Mausuf* dan 2 kesalahan penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu* dalam hasil karangan para pelajar persediaan bahasa Arab.

Pakar 2:

Sementara itu, melalui hasil analisis pakar 2, beliau telah mendapati sebanyak 26 kesalahan aplikasi penggunaan ayat dan frasa tazkir wa ta'nith. Sebanyak 12 kesalahan penggunaan diperolehi bagi kategori *jumlah ismiyyah*, 2 kesalahan penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu kesalahan penggunaan *al-hal wa sohibuhu*, dua kesalahan penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 7 kesalahan penggunaan *al-Sifah wa al-mausuf* dan 2 kesalahan penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu*.

Pakar 3:

Pakar 3 telah menemui sebanyak 25 kesalahan aplikasi penggunaan tazkir wa ta'nith dalam ayat dan frasa. Daripada jumlah tersebut sebanyak 10 kesalahan penggunaan *jumlah ismiyyah*, 2 kesalahan penggunaan *jumlah fi'liyyah*, satu kesalahan penggunaan *al-hal*, dua kesalahan penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 8 kesalahan penggunaan *al-Sifah wa al-Mausuf* dan 2 penggunaan *al-mausul wa 'a'iduhu* dalam hasil karangan para pelajar persediaan bahasa arab.

(ii) Analisis Dalaman.

Melalui dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sendiri dengan menggunakan instrumen kajian yang sama, pengkaji telah memperolehi Jumlah penggunaan *jumlah ismiyyah* dalam sampel karangan yang telah dianalisis adalah sebanyak 29 kesalahan aplikasi penggunaan tazkir wa ta'nith dalam ayat dan frasa. Sebanyak 13 kesalahan

penggunaan diperolehi bagi *jumlah ismiyyah*. Bagi penggunaan *jumlah fi'liyyah* adalah sebanyak dua kesalahan penggunaan. Bagi kesalahan penggunaan *al-hal wa sohibuhu* pengkaji hanya mendapati sebanyak satu kesalahan sahaja. Selain itu, pengkaji juga telah mendapati sebanyak dua kesalahan penggunaan *al-'adad wa ma'dud*, 9 kesalahan penggunaan *al-sifah wa al-mausuf* dan sebanyak dua kesalahan penggunaan *al-Mausul wa 'a'iduhu* dalam sampel karangan yang telah dianalisis oleh pengkaji.

Sebagai rumusan daripada analisis rintis yang dijalankan oleh kesemua pengkaji, maka pengkaji dapat meringkaskan dapatan yang diperolehi seperti jadual 3.10 yang berikut:

Jadual 3.10

Nilai persetujuan Cohen Kappa bagi kesemua pakar.

Pakar	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Min keseluruhan
Pengiraan	$K = 26 - 14.5$	$K = 26 - 14.5$	$K = 25 - 14.5$	$K = 0.79 + 0.79 + 0.72$
	$\bar{29} - 14.5$	$\bar{29} - 14.5$	$\bar{29} - 14.5$	3
Nilai Cohen	K= 0.79	K= 0.79	K= 0.72	K= 0.77

Jadual 3.10 di atas menerangkan tentang nilai skor persetujuan para pakar. Melalui skor-skor yang telah diberikan oleh para pakar, maka pengkaji dapat menyenaraikan dapatan kajian seperti berikut:

- Pakar 1: Nilai Cohen Kappa adalah 0.79
- Pakar 2 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.79
- Pakar 3 : Nilai Cohen Kappa adalah 0.72
- Nilai keseluruhan min persetujuan para pakar adalah 0.77

Daripada butiran-butiran yang diberikan di atas, pengkaji telah memperolehi nilai Cohen Kappa sebanyak 0.79 daripada pakar 1. Nilai ini mempunyai interpretasi persetujuan yang baik. Bagi pakar 2, nilai yang diperolehi adalah 0.79 yang berinterpretasi baik dan pakar 3 pula, nilai persetujuan yang diperolehi adalah sebanyak 0.72 iaitu berinterpretasi baik. Daripada min keseluruhan persetujuan bagi ketiga-tiga pakar yang dipilih, pengkaji memperolehi nilai persetujuan Cohen Kappa sebanyak 0.77. Nilai ini menunjukkan interpretasi baik. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa instrumen yang akan digunakan oleh pengkaji bagi tujuan kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Selain itu juga, melalui dapatan kajian rintis juga, pengkaji mendapati dari segi **aplikasi penggunaan** ayat-ayat berkonsep *tazkir wa ta'nith* yang kerap digunakan oleh para pelajar mengikut urutan daripada penggunaan yang terbanyak kepada penggunaan yang paling sedikit sekali iaitu penggunaan *jumlah ismiyyah*, *jumlah fi'liyyah*, *al-sifah wa al-mausuf*, *al-mausul wa 'a'iduhu*, *al-'adad wa al-ma'dud* dan *al-hal wa sohibuhu*.

Sementara itu, bagi **kesalahan penggunaan** ayat-ayat berkonsep *tazkir wa ta'nith* yang kerap dilakukan oleh para pelajar mengikut urutan daripada yang kerap digunakan sehingga yang jarang digunakan oleh para pelajar iaitu kesalahan *jumlah ismiyyah*, *al-sifah wa al-mausuf*, *al-mausul wa 'a'iduhu*, *jumlah fi'liyyah*, *al-'adad wa al-ma'dud* dan *al-hal wa sohibuhu*.

Oleh itu, daripada hasil analisis rintis data kajian bagi aspek penggunaan ayat-ayat berkonsep *tazkir wa ta'nith*, para pelajar gemar untuk membina ayat-ayat menggunakan *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*. Perkara ini bersesuaian dengan tahap pengguna bahasa kedua. Perkara ini bertepatan dengan teori pembelajaran bahasa kedua yang disarankan oleh Krashen (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un

Salim, 2013). Manakala, dari segi kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar adalah dari segi *jumlah ismiyyah* dan *al-sifah wa al-mausuf*.

3.6 Prosedur Kajian

Untuk tujuan pemilihan peserta kajian, pengkaji telah meminta kebenaran daripada penyelia PBAS melalui surat rasmi untuk menjalankan kajian di sana. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh para pengkaji bagi memenuhi persoalan etika seseorang pengkaji dalam menjalankan kajian (Jack R. Fraenkel and Norman E. Wallen, 2000; L.R. Gay, 2009; Noraini Idris, 2013). Setelah pengkaji memperolehi maklum balas kebenaran tersebut, barulah kajian ini dijalankan.

Dari segi pemilihan pakar pula, pengkaji telah meminta penglibatan mereka melalui satu surat rasmi. Perkara ini penting bagi memastikan para pakar yang akan dipilih sedia maklum mengenai tugas-tugas yang akan dilakukan oleh mereka. Para pakar yang dilibatkan dalam kajian ini perlu memenuhi kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji di awal perbincangan mengenai keesahan dan kebolehpercayaan kajian yang lalu.

Seterusnya, setelah pengkaji menetapkan kategori-kategori yang akan digunakan dalam proses analisis *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan para pelajar persediaan bahasa arab, pengkaji akan memberikan dua borang instrumen analisis *tazkir wa ta'nith* dan satu borang aplikasi penggunaan dan pembetulan *tazkir wa ta'nith* kepada para pakar yang telah dipilih.

Para pakar yang dipilih diminta untuk menganalisis tema-tema konstruk yang telah dibina oleh pengkaji bagi tujuan kajian *tazkir wa ta'nith* di dalam borang khas yang telah disediakan iaitu borang aplikasi penggunaan dan kesalahan *tazkir wa ta'nith*.

Bagi memudahkan tugas para pakar dalam melakukan analisis terhadap tema-tema yang telah dipilih, pengkaji telah membahagikan ruangan-ruangan yang khusus seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Sekiranya, mereka bersetuju dengan tema-tema yang dinyatakan oleh pengkaji dalam borang yang diberikan, mereka dikehendaki untuk menandakan (v) pada kotak yang disediakan. Sebaliknya, jika mereka tidak bersetuju dengan tema-tema tersebut, para pakar diminta untuk menandakan tema dengan tanda (x) pada ruangan yang telah disediakan.

Setelah proses analisis tema-tema konstruk instrumen pakar telah selesai, pengkaji akan mengumpulkan kembali maklumat yang telah diperolehi dan melihat tahap persetujuan instrumen kajian yang telah dinyatakan oleh para pakar. Sekiranya pengkaji dapati tahap persetujuan Cohen kappa yang diberikan oleh para pakar mempunyai interpretasi baik, pengkaji akan meneruskan analisis karangan para pelajar untuk mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Sebaliknya, jika nilai persetujuan yang diberikan oleh para pakar sederhana atau lemah, pengkaji akan memperbaiki kembali instrumen kajian semula bagi mendapatkan nilai persetujuan yang baik sebelum pengkaji meneruskan kajian. Segala dapatan dan perbincangan serta saranan akan dikemukakan oleh pengkaji dalam bab keempat dan kelima.

Bagi tujuan analisis data, pengkaji akan melakukan analisis rintis dengan menganalisis sebanyak sepuluh transkrip jawapan menggunakan tiga borang instrumen yang telah dibina tadi. Proses analisis data yang diperolehi daripada transkrip karangan para pelajar persediaan dibahagikan kepada dua teknik analisis iaitu teknik analisis luaran dan teknik analisis dalaman. Teknik analisis luaran dilakukan oleh tiga orang pakar yang telah dilantik bagi tujuan kajian ini. dan teknik analisis dalaman dilakukan oleh pengkaji sendiri. Setelah mendapat nilai persetujuan yang baik, pengkaji akan menganalisis keseluruhan transkrip karangan para pelajar bagi mencapai objektif kajian

yang telah ditetapkan di dalam bab satu yang lalu. Untuk analisis terakhir ini, pengkaji akan mendapatkan pengesahan penilaian akhir daripada para pakar terbabit setelah data tersebut dianalisis sepenuhnya.

3.7 Rumusan

Sebagai rumusan dalam bab ketiga, pengkaji telah mengemukakan berkenaan reka bentuk kajian yang akan dijalankan. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen. Pemilihan kaedah ini dilakukan kerana skop kajian adalah melihat kepada analisis kesilapan pelajar dalam konsep aplikasi *tazkir wa ta'nith* yang dilakukan dalam penulisan karangan mereka. Selain itu, pengkaji telah menerangkan mengenai pemilihan lokasi kajian serta peserta kajian. Seterusnya, pengkaji juga telah menerangkan mengenai pembinaan instrumen kajian yang akan digunakan oleh pengkaji serta persoalan mengenai keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Akhir sekali, pengkaji telah menerangkan tatacara atau kaedah analisis data yang telah diperolehi oleh pengkaji supaya objektif kajian yang dikehendaki tercapai. Kaedah analisis data yang digunakan bagi tujuan kajian ini diambil daripada teori analisis kesilapan bahasa yang dipopularkan oleh Coder.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan membentangkan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji menggunakan borang instrumen kajian yang telah diterangkan dalam bab ketiga yang lalu. Pengkaji akan menyusun analisis dapatan kajian berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji seperti dalam bab satu.

4.1 Analisis data kajian

Pengkaji membahagikan analisis data kajian kepada tiga sub topik yang utama seperti berikut: (a) Kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*, (b) Kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dan (c) Susunan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam ayat atau frasa yang dibina. Sebelum mengakhiri bab ini melalui rumusan, pengkaji telah menyenaraikan contoh-contoh kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar berserta dengan pembetulannya.

(a) Kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*

Jadual 4.1

Aplikasi penggunaan TT untuk Jumlah Ismiyyah.

Bil.	Jenis penggunaan Jumlah Ismiyyah	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	Khabar Mufrad	54	L	31

Jadual 4.1. sambungan				
			P	23
2	Khabar Jumlah Fi'liyyah.	83	L	67
			P	16
3	Khabar Jumlah Ismiyyah.	152	L	141
			P	11
	Jumlah Besar	289		289

Jadual 4.1 di atas menerangkan mengenai jumlah kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* untuk jenis jumlah ismiyyah. Daripada jadual tersebut, sebanyak 54 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mempunyai *khabar mufrad* dengan 31 penggunaan *tazkir* dan 23 penggunaan *ta'nith*. Diikuti dengan jumlah sebanyak 83 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mempunyai *khabar jumlah fi'liyyah* dengan 67 penggunaan *tazkir* dan 16 penggunaan *ta'nith*. Akhir sekali, sebanyak 152 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mengandungi *khabar jumlah ismiyyah* dengan 141 penggunaan *tazkir* dan 11 penggunaan *ta'nith*. Daripada jadual di atas juga, jumlah keseluruhan aplikasi penggunaan TT bagi *jumlah ismiyyah* adalah berjumlah sebanyak 289 penggunaan.

Jadual 4.2

Aplikasi penggunaan TT untuk Jumlah Fi'liyyah.

Bil.	Jenis Penggunaan	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	Jumlah Fi'liyyah	217	L	207
			P	10

Jadual 4.2 di atas menerangkan aplikasi penggunaan TT untuk *jumlah fi'liyyah*. Sebanyak 217 penggunaan telah didapati oleh pengkaji setelah menganalisis skrip jawapan semuanya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 207 penggunaan adalah bagi jenis *tazkir* dan 10 penggunaan adalah dari jenis *ta'nith*.

Jadual 4.3

Aplikasi penggunaan TT untuk al-Hal Wa Sohibuhu.

Bil.	Jenis Penggunaan TT <i>al-Hal Wa Sohibuhu</i>	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	Menerangkan <i>Fa'il / Maf'ul</i>	6	L	6
			P	-
	Jumlah Besar	6		6

Jadual 4.3 di atas pula menerangkan aplikasi penggunaan TT untuk kategori *al-hal wa sohibuhu*. Sebanyak 6 kali penggunaan yang ditemui oleh pengkaji bagi kategori ini. Daripada jumlah tersebut, kesemuanya termasuk dalam kategori penggunaan *ta'nith*.

Jadual 4.4

Aplikasi penggunaan TT untuk al-'adad wa al-ma'dud.

Bil.	Jenis Penggunaan TT <i>al-'adad wa al-ma'dud</i>	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-'adad wa al-ma'dud</i>	28	L	18
			P	10
	Jumlah Besar	28		28

Jadual 4.4 di atas menerangkan aplikasi penggunaan TT untuk kategori *al-‘adad wa al-ma’dud*. Sebanyak 28 penggunaan yang digunakan oleh para responden dalam skrip jawapan yang dianalisis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 penggunaan daripada kategori *tazkir* dan sebanyak 10 penggunaan adalah daripada kategori *ta’nith*.

Jadual 4.5

Aplikasi penggunaan TT untuk al-sifah wa al-mausuf.

Bil.	Jenis Penggunaan TT al-sifah wa al-mausuf	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-sifah wa al-mausuf</i>	149	L	35
			P	114
	Jumlah Besar	149		149

Jadual 4.5 di atas pula menerangkan berkenaan aplikasi penggunaan TT untuk kategori *al-sifah wa al-mausuf*. Terdapat dua jenis penggunaan yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Namun, para responden hanya menggunakan *al-sifah wa al-mausuf* bagi perkataan yang biasa dengan jumlah penggunaan sebanyak 149 kali. Daripada jumlah ini, sebanyak 35 penggunaan termasuk dalam kategori *tazkir* dan bakinya 114 penggunaan daripada kategori *ta’nith*.

Jadual 4.6

Aplikasi penggunaan TT untuk al-Mausul wa 'a'iduhu.

Bil.	Jenis Penggunaan	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	79	L	72
			P	7
	Jumlah Besar	79		79

Jadual 4.6 di atas menerangkan mengenai aplikasi penggunaan TT untuk kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*. Sebanyak 79 penggunaan telah didapati oleh pengkaji daripada analisis data yang telah dijalankan menggunakan 65 transkrip jawapan para responden kajian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 72 kali penggunaan termasuk dalam kategori *tazkir* dan sebanyak 7 kali penggunaan berada dalam kategori *ta'nith*.

Jadual 4.7

Aplikasi penggunaan TT untuk semua jenis kategori

Kategori penggunaan	Pecahan penggunaan <i>tazkir</i> wa <i>ta'nith</i>		Jumlah penggunaan
	<i>tazkir</i> (L)	<i>ta'nith</i> (P)	
1 <i>Jumlah ismiyyah</i>	239	50	289
2 <i>Jumlah fi'liyyah</i>	207	10	217
3 <i>Al-Hal wa sohibuhu</i>	6	0	6
4 <i>Al-'adad wa al-ma'dud</i>	18	10	28
5 <i>Al-sifah wa al-mausuf</i>	35	114	149

Jadual 4.7. sambungan

6	<i>Al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	72	7	79
	Jumlah penggunaan	577	191	768

Daripada hasil dapatan bagi aplikasi penggunaan TT yang telah dihuraikan mengikut kategori masing-masing, pengkaji telah mewujudkan kesemua kategori dalam satu jadual seperti yang dapat digambarkan dalam jadual 4.7 di atas. Daripada jadual tersebut, jumlah penggunaan bagi *jumlah ismiyyah* adalah sebanyak 289 penggunaan, *jumlah fi'liyyah* sebanyak 217 penggunaan, kategori *al-hal* sebanyak 6 penggunaan, kategori *al-'adad* sebanyak 28 penggunaan *al-sifah* sebanyak 149 penggunaan dan *al-mausul wa 'a'iduhu* sebanyak 79 penggunaan. Jumlah keseluruhan aplikasi penggunaan TT daripada 65 skrip jawapan yang dianalisis adalah sebanyak 768 penggunaan. Daripada jumlah keseluruhan penggunaan, sebanyak 577 adalah daripada penggunaan *tazkir* dan sebanyak 191 penggunaan *ta'nith*.

(b) Kekekapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*.

Jadual 4.8

Kekekapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk Jumlah Ismiyyah.

Bil.	Jenis penggunaan <i>Jumlah Ismiyyah</i>	Jumlah Penggunaan (kekekapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>Khabar Mufrad</i>	15	L	13
			P	2
2	<i>Khabar Jumlah Fi'liyyah.</i>	19	L	10
			P	9

Jadual 4.8. sambungan				
3	<i>Khabar Jumlah Ismiyyah.</i>	15	L	10
			P	5
	Jumlah Besar	49		49

Jadual 4.8 di atas menerangkan berkenaan kekerapan kesalahan TT yang dilakukan oleh para responden kajian bagi kategori *jumlah ismiyyah*. Sebanyak 15 kesalahan daripada kategori *khabar mufrad* dengan 13 penggunaan *tazkir* dan 2 penggunaan *ta'nith* telah didapati oleh pengkaji. Bagi kesalahan *khabar jumlah fi'liyyah*, pengkaji telah mendapati sebanyak 19 kesalahan yang telah dilakukan oleh para pelajar dengan 10 penggunaan *tazkir* dan 9 penggunaan *ta'nith*. Bagi *khabar jumlah ismiyyah*, sebanyak 15 kesalahan telah diperolehi daripada analisis yang dijalankan dengan 10 penggunaan *tazkir* dan 5 penggunaan *ta'nith*. Jumlah keseluruhan kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian bagi kategori ini adalah sebanyak 49 kesalahan.

Jadual 4.9

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk Jumlah Fi'liyyah.

Bil.	Jenis Penggunaan Jumlah Fi'liyyah	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>Jumlah Fi'liyyah</i>	4	L	3
			P	1

Jadual 4.9 di atas menerangkan kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk *jumlah fi'liyyah*. Bagi kategori ini, pengkaji telah berjaya menemui sebanyak 4

kesalahan yang telah dilakukan oleh para responden kajian. Sebanyak 3 kali penggunaan daripada kategori *tazkir* dan satu penggunaan daripada kategori *ta'nith*.

Jadual 4.10

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk al-Hal Wa Sohibuhu.

Bil.	Jenis Penggunaan TT <i>al-Hal Wa Sohibuhu</i>	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	Menerangkan <i>Fa'il / Maf'ul</i>	0	L	-
			P	-
	Jumlah Besar	0		0

Jadual 4.10 di atas menerangkan berkenaan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian bagi kategori *al-hal wa sohibuhu*. Tiada kesalahan yang dilakukan oleh responden kajian dalam analisis yang dijalankan.

Jadual 4.11

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk al-'adad wa al-ma'dud.

Bil.	Jenis Penggunaan TT <i>al-'adad wa al-ma'dud</i>	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-'adad wa ma'dud</i>	10	L	-
			P	10
	Jumlah Besar	10		10

Bagi kesalahan kategori *al-‘adad wa ma’dud*, para responden kajian hanya melakukan kesalahan bagi jenis *al-‘adad* yang bilangannya daripada 13 sehingga 99 sahaja iaitu sebanyak 10 kali kesalahan. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.11 di atas. Semua kesalahan yang dilakukan oleh responden kajian adalah daripada kategori *ta’nith*.

Jadual 4.12

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk al-sifah wa al-mausuf.

Bil.	Jenis Penggunaan TT <i>al-sifah wa al-mausuf</i>	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-sifah wa al-mausuf</i>	25	L	16
			P	9
	Jumlah Besar	25		25

Jadual 4.12 di atas menerangkan kesalahan yang dilakukan bagi kategori *al-sifah wa al-mausuf*. Sebanyak 25 kesalahan daripada perkataan yang biasa digunakan telah didapati oleh pengkaji setelah melakukan analisis terhadap transkrip yang diperolehi. Manakala, tiada kesalahan yang dicatatkan bagi perkataan yang jarang digunakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 kali kesalahan termasuk dalam kategori *tazkir* dan 9 kesalahan adalah daripada kategori *ta’nith*.

Jadual 4.13

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk al-Mausul wa 'a'iduhu.

Bil.	Jenis Penggunaan al-Mausul wa 'a'iduhu	Jumlah Penggunaan (kekerapan)	pecahan mengikut TT	Jumlah
1	<i>al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	13	L	11
			P	2
	Jumlah Besar	13		13

Jadual 4.13 menerangkan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh responden kajian bagi kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*. Sebanyak 13 kesalahan telah diperolehi oleh pengkaji melalui analisis yang telah dijalankan. Sebanyak 11 kesalahan termasuk di dalam kategori *tazkir* dan hanya dua kesalahan daripada kategori *ta'nith*.

Jadual 4.14

Kekerapan kesalahan aplikasi penggunaan TT untuk semua jenis kategori

Kategori kesalahan	Pecahan kesalahan <i>tazkir</i> wa <i>ta'nith</i>		Jumlah kesalahan (kekerapan)
	<i>tazkir</i> (L)	<i>ta'nith</i> (P)	
1 <i>Jumlah ismiyyah</i>	33	16	49
2 <i>Jumlah fi'liyyah</i>	3	1	4
3 <i>Al-Hal wa sohibuhu</i>	0	0	0
4 <i>Al-'adad wa al-ma'dud</i>	0	10	10
5 <i>Al-sifah wa al-mausuf</i>	16	9	25

Jadual 4.4. sambungan

6	<i>Al-Mausul wa 'a'iduhu</i>	11	2	13
	Jumlah besar kesalahan	63	38	101

Jadual 4.14 di atas adalah rangkuman daripada semua kategori kesalahan yang telah dilakukan oleh para responden kajian. Bagi kategori kesalahan aplikasi *jumlah ismiyyah* sebanyak 49 kesalahan telah ditemui oleh pengkaji. Seterusnya, sebanyak 4 kesalahan *jumlah fi'liyyah* telah dilakukan oleh para responden kajian. Tiada kesalahan yang dicatatkan untuk kategori *al-hal wa sohibuhu*. Bagi kategori *al-'adad wa ma'dud*, sebanyak 10 kesalahan telah dilakukan oleh para responden kajian. Bagi kategori *al-sifah wa al-mausuf* pula, sebanyak 25 kesalahan telah dicatatkan dan akhir sekali bagi kesalahan *al-mausul wa 'a'iduhu* sebanyak 13 kesalahan telah dilakukan oleh para responden kajian. Jumlah keseluruhan kesalahan yang telah dilakukan oleh para responden kajian daripada 65 transkrip yang dianalisis adalah sebanyak 101 kesalahan dengan sebanyak 63 kesalahan *tazkir* dan 38 kesalahan *ta'nith*.

(c) Kategori-kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*.

Daripada analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap transkrip jawapan para pelajar persediaan ke Timur Tengah, maka, pengkaji dapat menyenaraikan kategori-kategori kesalahan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* beserta kekerapan kesalahan konsep tersebut di dalam penulisan karangan mereka. Perkara ini dapat digambarkan seperti jadual 4.15 yang berikut:

Jadual 4.15

Jenis-jenis kesalahan aplikasi penggunaan TT.

BIL	KATEGORI KESALAHAN <i>tazkir wa ta'nith</i>	Pecahan kesalahan <i>tazkir wa ta'nith</i>		kekerapan
		<i>tazkir (L)</i>	<i>ta'nith (P)</i>	
1	<i>Jumlah Ismiyyah</i>			49
	(a) <i>Khobar Mufrad</i>	13	2	15
	(b) <i>Khobar Jumlah Fi'liyyah</i>	10	9	19
	(c) <i>Khobar Jumlah Ismiyyah</i>	10	5	15
2	<i>Jumlah Fi'liyyah</i>			4
	(a) (<i>Fi'il – Fa'il</i>)	3	1	4
3	<i>Al-Hal wa Sohibuhu</i>			
	(a) menerangkan <i>Fa'il</i>	0	0	0
	(b) menerangkan <i>Maf'ul bihi</i>	0	0	0
4	<i>Al-'Adad wa al-Ma'dud</i>			10
	(a) 1 – 2	0	0	0
	(b) 3 – 10	0	0	0
	(c) 11 – 12	0	0	0
	(d) 13 – 99	0	10	10
	(e) 100 – tak terhingga	0	0	0
5	<i>Al-Sifah wa al-Mausuf</i>			25
	(a) bagi perkataan yang biasa	16	9	25
	(b) bagi perkataan yang jarang digunakan	0	0	0
6	<i>Al-Mausul wa 'A'iduhu</i>			13
	(a) Jenis <i>Muzakkar</i> dan <i>Muannath</i>	11	2	13

Jadual 4.15 di atas menerangkan berkenaan dengan kategori-kategori kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian dalam aplikasi penggunaan ayat dan frasa *tazkir wa ta'nith*. Dari segi *jumlah ismiyyah*, pengkaji mendapati bilangan kesalahan yang dilakukan oleh para responden bagi *khobar mufrad* adalah sebanyak 15 kesalahan iaitu

13 kesalahan dalam konsep *tazkir* dan dua kesalahan bagi *ta'nith*. Bagi *khobar jumlah fi'liyyah* adalah sebanyak 19 kesalahan iaitu sebanyak 10 kesalahan dari konsep *tazkir* dan 9 kesalahan bagi *ta'nith*. Daripada jadual tersebut juga, pengkaji mendapati sebanyak 15 kesalahan pada kategori *khobar jumlah ismiyyah* iaitu 10 kesalahan dari segi *tazkir* dan 5 kesalahan dari segi *ta'nith*. Bilangan kesalahan keseluruhan yang dilakukan pada kategori *jumlah ismiyyah* adalah sebanyak 49 kesalahan dengan 33 kesalahan dari segi *tazkir* dan 16 kesalahan dari segi *ta'nith*.

Bagi kategori *jumlah fi'liyyah* pula, sebanyak 4 kali kesalahan dicatatkan dan sebanyak 3 kesalahan dari segi *tazkir* dan hanya satu kesalahan dari segi *ta'nith*. Dari segi kategori *al-hal wa sohibuhu*, tiada kesalahan yang diperolehi oleh pengkaji. Begitu juga, pada kategori *al-adad wa al-ma'dud*, pengkaji memperolehi sebanyak 10 kesalahan pada kategori 13-99 sahaja walaupun terdapat kategori-kategori yang lain. Keseluruhan kesalahan dalam kategori ini adalah dari segi *ta'nith*.

Dalam kategori *al-sifah wa al-mausuf*, sebanyak 25 kesalahan telah diperolehi oleh pengkaji yang mana perkataan yang menjadi *mausuf* adalah daripada perkataan yang biasa dengan bilangan kesalahan sebanyak 16 pada konsep *tazkir* dan 9 kesalahan pada konsep *ta'nith*. Akhir sekali, pada kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, pengkaji telah mendapati sebanyak 13 kesalahan yang telah dilakukan di kalangan responden kajian iaitu sebanyak 11 kesalahan konsep *tazkir* dan dua kesalahan konsep *ta'nith*.

Ringkasnya, dari segi kategori kesalahan yang kerap dilakukan di kalangan para responden kajian mengikut susunan daripada kesalahan paling kerap dilakukan kepada kesalahan paling sedikit kekerapannya adalah daripada kategori *jumlah ismiyyah*, kategori *al-sifah wa al-mausuf*, kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, kategori *al-adad wa al-ma'dud* dan kategori *jumlah fi'liyyah*.

4.2 Contoh-contoh kesalahan aplikasi penggunaan TT mengikut setiap kategori

Melalui analisis data yang telah dijalankan oleh pengkaji, berikut akan dikemukakan beberapa contoh kesalahan aplikasi penggunaan TT di kalangan responden kajian dalam aktiviti penulisan karangan mereka. Contoh-contoh kesalahan tersebut akan dikemukakan berdasarkan kategori-kategori seperti yang telah dibincangkan pada bab ketiga yang lalu.

(a) *Jumlah Ismiyyah*

AYAT YANG BETUL

AYAT YANG SALAH

- | | |
|-----------------------------------------------|------------------------------------------------|
| (ل ج ا ر ه و ا) | 1(ل ج ا ر ه ي ا ن س ا ن) |
| (ه ذ ا ل ح ك م و ا ن ظ ل ت د ل ع ل ي) | 2(ه ذ ا ل ح ك م و ا ن ظ ل ي د ل ع ل ي) |
| (ل ج ا ر ق و ق ه م م م) | 3(ل ج ا ر ق و ق ه ا م م) |
| (ا ن ل ج ا ر ي م ل ك ثة ق و ق) | 4(ا ن ل ج ا ر ت و ج ه ت ثة ص ر لة) |
| (ه ذ ه ل ق و ق ت د ل ل ع ي) | 5(ه ذ ه ل ص لة ي د ل ل ع ي) |

Pada ayat (1) di atas, kesalahan bahasa berlaku pada dhomir (هي) yang sepatutnya digantikan dengan dhomir (هو) kerana bersesuaian dengan kata subjek (mubtada') sebelum itu.

Pada ayat (2) pula, kesalahan bahasa berlaku pada *isim isyarah* yang digunakan (هذا) dan kata kerja (يدل). Sepatutnya, *isim isyarah* perlu digantikan dengan (هذه) dan kata kerja digantikan kepada (تدل) sebagai penyesuaian antara kata yang digunakan di dalam ayat yang dibina.

Pada ayat (3), *khobar jumlah ismiyyah* telah berlaku kesalahan iaitu dengan meletakkan *dhomir* (٥) yang kembali kepada subjek (*mubtada'*) dan *khobar* bagi (خوق) tidak disesuaikan dengan kata *ta'nith*. Sepatutnya, *dhomir* yang kembali kepada subjek perlu digantikan kepada (٥) untuk menepati syarat penyesuaian dan *khobar* bagi kata (خوق) perlu digantikan kepada (م ممة) merujuk kepada hukum *ta'nith* perkataan tersebut.

Pada ayat (4), kesalahan bahasa berlaku pada *khobar jumlah fi'liyyah* iaitu dari segi penyesuaian. Sepatutnya kata kerja tersebut digantikan dengan (يملك) untuk menepati hukum penyesuaian.

Pada ayat (5), kata kerja yang digunakan tidak sama dengan subjek yang ingin diceritakan. Maka, kata kerja (يدل) perlu digantikan dengan kata (تدل) untuk menepati hukum penyesuaian.

(b) *Jumlah Fi'liyyah.*

AYAT YANG BETUL

AYAT YANG SALAH

تتقسم حقوق لاجار لى ال

(تقسم حقوق لاجار لى ال) ث.

توجهت ثاقى سام من ...)

(توجهت ثاقى سام لى حقوق لاجار.)

(قال لرسول صلى الله على رسولم)

(قال فى ال حيث ".....")

(حدّ ل لعماء حدود لاجار)

(حدوالى عماء أبين من لدار.)

Pada ayat (1) di atas, kata kerja yang digunakan tidak menepati hukum penyesuaian. Sepatutnya kata kerja tersebut digantikan dengan kata (تقسم) untuk menjadikan ayat tersebut gramatis.

- 2) (لجارجو منيسكن أوعونبيوتفي كلن احيه..).... في أوعين بيتاً ...)
- 3) (إن لجالتي عيش أوعون لبيات) إن لجارجو مني عيش في أوعين بيتاً من بيتنا)
- 4) (لجارجو للشخص الذي يبيعونقريب هنا أوعونبيوت ...) لجارجو للشخص الذي يبيعونقريباً هنا بأوعين بيتاً ...)

Pada ayat (1), ayat (2), ayat (3) dan ayat (4), kesalahan bahasa berlaku pada meletakkan kata *ma'dud* selepas kata '*adad*. Sepatutnya, kata yang perlu dijadikan *ma'dud* bagi bilangan antara 13-99 perlu dalam keadaan tunggal *mufrad* dan berbaris *fathah* iaitu (بيتاً).

(e) *al-Sifah wa al-Mausuf*.

AYAT YANG BETUL

AYAT YANG SALAH

- 1) (ال حقوق لجارجو تقسم الى ال ثة .) (حقوق لجارجو)
- 2) (علينا أننعامل بحزنان لم عملناق حسنة والكريمة.) (..... ببال م عملناق حسنة...)
- 3) (لو م طلة الصلاة لرحمينا ...) (لو م طلة لصلوة لرحمينا ...)
- 4) (لجارجو انسان الذي يسكن في في سكن واحدة) (..... في مسكن واحد)

Pada ayat (1), frasa (ال حقوق لجارجو) bukan daripada frasa *al-sifah*. Frasa tersebut adalah frasa *idhofah* dan perlu digantikan kepada (حقوق لجارجو) untuk menjadikan ayat di atas graamatis.

Pada ayat (2), frasa (بمعالمها في حسنة) dalam ayat di atas tidak gramatis kerana frasa tersebut merupakan frasa *al-sifah*. Untuk menjadikan ayat tersebut gramatis frasa tersebut perlu digantikan kepada (بمعالمها في حسنة).

Pada ayat (3), sekali lagi frasa yang digunakan tidak gramatis (الصلة للرحم). Hal ini demikian kerana frasa tersebut tergolong dalam frasa *idhofah*. Maka, frasa tersebut perlu diubahkan kepada frasa (صلة للرحم) untuk menjadikan ayat tersebut gramatis.

Pada ayat (4), kata (واحدة) yang terkandung dalam frasa (مسركن واحدة) perlu digantikan dengan kata (واحد) untuk menjadikan frasa tersebut betul dan gramatis mengikut hukum penyesuaian.

(f) *al-Silah wa 'a'iduhu*.

AYAT YANG BETUL

AYAT YANG SALAH

1(الاحتش علين أن نعطيهم السعدة في ا مور لفين سنطيع ...) في ا موالتي ...)

2(و نحين أن نقتم .. ببال مرأة لذي وجّهه الارجار.) .. بباله سألقتي

3(إن لارجالت يتعش ...) أن لارجار لذي يتعش ...)

4(لارجار مو لفي نيسركون ...) لارجار مو لذي نيسركون ...)

5(لارجار مو لش خص لفي نيسركون ...) لارجار مو لش خص لذي نيسركون ...)

Pada ayat (1) di atas, *isim mausul* (لفين) perlu digantikan dengan (التي) untuk menjadikan ayat tersebut betul dan menepati hukum penyesuaian.

Pada ayat (2), *isim mausul* (الذي) perlu digantikan dengan (التي) kerana sesuai dengan kata (المرأة).

Pada ayat (3), *isim mausul* (التي) perlu ditukarkan kepada (الذي) untuk disesuaikan dengan subjek (الجار) yang dijadikan tempat rujukan.

Pada ayat (4), *isim mausul* (الذين) perlu ditukarkan kepada (الذي) untuk disesuaikan dengan *dhomir* (هو) yang dijadikan tempat rujukan dalam ayat yang dibina.

Pada ayat (5), *isim mausul* (الذين) perlu diubah kepada (الذي) kerana *isim mausul* tersebut merujuk kepada seorang sahaja dan bukannya banyak.

4.3 Rumusan

Sebagai rumusannya, di dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan berkenaan pengenalan, penerangan mengenai analisis dan dapatan kajian serta contoh-contoh kesilapan bahasa yang dilakukan oleh para responden kajian mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan oleh pengkaji di awal kajian ini. Seterusnya, bab ini diakhiri dengan rumusan ringkas berkenaan perkara-perkara yang dibincangkan di dalamnya.

BAB LIMA

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan mengemukakan perbincangan dan kesimpulan berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji khususnya di dalam bab keempat yang lalu dan bab-bab yang lepas. Perbincangan dan pernyataan implikasi kajian akan dibuat berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan seperti di dalam bab satu yang lalu. Di akhir bab ini, pengkaji akan memberikan beberapa saranan dan cadangan bagi pihak yang ingin mengambil manfaat daripada hasil kajian ini. Bagi para pengkaji lain yang berminat menumpukan pengkajian mereka dalam topik ini, pengkaji juga telah mengusulkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang difikirkan sesuai dan perlu dilaksanakan oleh mereka sebagai satu bentuk sumbangan kecil kepada badan ilmu khususnya dalam bidang pendidikan bahasa arab di Malaysia.

5.1 Perbincangan dapatan kajian

Melalui dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji di dalam bab keempat yang lalu, maka, pengkaji akan meneruskan perbincangan mengenai hasil dapatan kajian dengan lebih terperinci pada bahagian ini. Justeru itu, pengkaji akan membahagikan topik perbincangan berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji di dalam bab satu yang lalu.

(a) Kekерapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*

Konsep *tazkir wa ta'nith* di dalam bahasa arab adalah merujuk kepada penyesuaian (*muthobaqah*) di antara perkataan-perkataan yang terdapat di dalam ayat atau frasa bahasa arab yang mudah (Mahdi Masud, 2011). Perkara ini telah ditekankan kepada para pelajar ketika mereka mempelajari kaedah membina ayat mudah iaitu ayat namaan *jumlah ismiyyah* atau ayat kerjaan *jumlah fi'liyyah*.

Hakikatnya, menurut Azman Che Mat (2007), para pelajar sebenarnya telah mendapat pendedahan awal yang memadai mengenai perkara ini secara tidak langsung iaitu apabila mereka mula mempelajari dan mempraktikkan penggunaan ayat dan frasa bahasa arab di dalam pelajaran kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa arab. Misalnya, dalam ayat bahasa arab, ini baju (مَدَكُوب), ini jam (مَدَسَاعَة), itu pelajar lelaki (لَيْكُ طَلَاب) dan itu pelajar perempuan (لَيْكُ طَلَابَة).

Dalam mempelajari bahasa arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing, ketika menulis satu ayat yang mudah, para pelajar akan menulis ayat-ayat tersebut di dalam bahasa arab. Dengan erti kata lain, para pelajar akan menghasilkan keseluruhan karangan mereka dalam bahasa arab sahaja. Secara umumnya, dalam proses penulisan tersebut, para pelajar akan membina dua jenis ayat bahasa arab yang mudah iaitu ayat namaan *jumlah ismiyyah* ataupun ayat kerjaan *jumlah fi'liyyah* (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013; Syamsiyah, 2017). Justeru itu, mereka sebenarnya telah mempraktikkan pembinaan ayat-ayat yang mengandungi konsep *tazkir wa ta'nith* tanpa disedari.

Melalui dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji, setelah menganalisis data-data daripada skrip jawapan karangan para pelajar, pengkaji telah mendapati

jumlah keseluruhan aplikasi penggunaan TT oleh para responden kajian adalah sebanyak 768 kali penggunaan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui jadual 4.1 yang lalu. Daripada jumlah penggunaan tersebut, pengkaji dapat membahagikan penggunaan TT berdasarkan pembahagian kategori-kategori penggunaan TT di kalangan responden kajian. Bagi jumlah kekerapan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* untuk jenis *jumlah ismiyyah*, pengkaji telah memperolehi sebanyak 54 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mempunyai *khobar mufrad*. Diikuti dengan jumlah sebanyak 83 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mempunyai *khobar jumlah fi'liyyah*. Akhir sekali, sebanyak 152 penggunaan *jumlah ismiyyah* yang mengandungi *khobar jumlah ismiyyah*. Daripada jadual di atas juga, jumlah keseluruhan aplikasi penggunaan TT oleh para pelajar bagi *jumlah ismiyyah* adalah berjumlah sebanyak 289 penggunaan iaitu sebanyak 239 penggunaan *tazkir* dan 50 penggunaan *ta'nith*. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.1 yang lalu.

Seterusnya, bagi aplikasi penggunaan TT untuk *jumlah fi'liyyah*. Sebanyak 217 penggunaan telah didapati oleh pengkaji setelah menganalisis skrip jawapan semuanya dengan bilangan penggunaan sebanyak 207 dari segi *tazkir* dan 10 penggunaan dari sesi *ta'nith*. Perkara ini seperti digambarkan dalam jadual 4.2 yang lalu. Jika dilihat kekerapan aplikasi penggunaan TT bagi kedua-dua jumlah tersebut, penggunaan *jumlah ismiyyah* amat digemari oleh para responden kajian berbanding dengan *jumlah fi'liyyah*. Perkara ini seperti yang telah dinyatakan oleh Krashen di dalam teorinya yang menyatakan bahawa para pelajar bahasa kedua akan mudah mengingat rumus-rumus yang mudah berbanding dengan rumus-rumus yang susah (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013; Ibrahim Abukhattala, 2013). Tambahannya lagi, hal ini terjadi kerana fokus utama penguasaan bahasa adalah dari segi penggunaannya iaitu komunikasi dan bukannya rumus-rumus yang dihafal. Oleh sebab itu, para responden

kajian ketika membina ayat bahasa arab, mereka akan lebih kerap membina ayat namaan atau *jumlah ismiyyah* berbanding dengan ayat kerjaan atau *jumlah fi'liyyah*.

Manakala, untuk kategori *al-sifah wa al-mausuf*. Terdapat dua jenis penggunaan yang telah ditetapkan oleh pengkaji namun, para responden hanya menggunakan *al-sifah wa al-mausuf* bagi perkataan yang biasa dengan jumlah penggunaan sebanyak 149 yang terdiri daripada 35 penggunaan dalam konsep *tazkir* dan sebanyak 114 penggunaan berkonsepkan *ta'nith*. Perkara ini dapat diterangkan seperti dalam jadual 4.5 yang lalu. Bagi tajuk ini, perkara penting yang perlu diketahui oleh pelajar adalah mengenai sifat-sifat itu sendiri seperti warna dan saiz yang terangkum dalam konsep ini (Antoine el-Dahdah, 1993; Fuad Nikmah, 2000).

Di samping itu, daripada analisis data yang telah dijalankan menggunakan 65 transkrip jawapan para responden kajian, pengkaji telah menemui sebanyak 79 penggunaan bagi kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*. Sebanyak 72 penggunaan berkonsepkan *tazkir* dan 7 penggunaan berkonsepkan *ta'nith*. Perkara ini dapat digambarkan seperti di dalam jadual 4.6 yang lalu. Sebenarnya, topik ini perlu dikuasai oleh pelajar kerana ia membantu pelajar untuk menyambungkan dan menggabungkan ayat yang mudah kepada ayat majmuk yang terdiri daripada dua ayat atau lebih (Rozuki Arifin dan Marzuki Manan, 2011). Pengetahuan mengenai topik ini dapat membantu pelajar untuk menulis sesuatu karangan dengan lebih baik dan lebih matang.

Selain itu, terdapat beberapa kategori yang kurang digunakan oleh para responden kajian dalam aplikasi penggunaan TT. Misalnya, kategori *al-'adad wa ma'dud* dan *al-hal wa 'a'iduhu*, Bagi kategori aplikasi penggunaan TT untuk kategori *al-hal wa sohibuhu*, sebanyak 6 kali penggunaan yang telah berjaya didapati oleh pengkaji dan semua penggunaan berkonsepkan *tazkir*. Perkara ini seperti digambarkan

pada jadual 4.3 yang lalu. Pengkaji berpendapat bahawa para pelajar masih lemah dalam mengaplikasi topik-topik ini kerana kekeliruan di dalam memahami konsep penggunaannya. Perkara ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Nurul Huda Hassan (2012) yang menyatakan bahawa para pelajar sering menghadapi kekeliruan dalam memahami topik *al-'adad wa al-ma'dud* dengan baik. Selain itu, beliau turut menyatakan kurangnya latihan menyebabkan mereka tidak menggunakan topik-topik ini di dalam menghasil karangan.

Sehubungan itu, bagi kategori *al-'adad wa al-ma'dud*, walau pun terdapat 5 kategori bilangan yang telah disediakan oleh pengkaji, namun sebanyak 28 penggunaan sahaja diperolehi daripada hasil analisis transkrip jawapan para responden kajian dengan 18 penggunaan berkonsepkan *tazkir* dan sebanyak 10 penggunaan berkonsepkan *ta'nith*. Pengkaji mendapati hanya item bilangan 13-99 yang digunakan oleh para responden kajian. Perkara ini dapat dibuktikan melalui jadual 4.4 pada bab keempat yang lalu. Daripada kedua-dua kategori yang telah dikemukakan oleh pengkaji iaitu kategori *al-hal wa sohibuhu* dan *al-'adad wa al-ma'dud*, pengkaji dapat menyatakan bahawa para responden kajian masih kurang menggunakan kedua-dua konsep ini dalam pembinaan ayat semasa menulis karangan. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh para guru apabila mengajar para pelajar mereka mengenai topik *al-hal wa sohibuhu* dan topik *al-'adad wa al-ma'dud* (Nurul Huda Hassan, 2015). Menurut Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof (2012), topik *al-'adad wa al-ma'dud* penting untuk difahami oleh para pelajar kerana topik ini sentiasa digunakan di dalam kehidupan seharian sama ada secara lisan mahu pun tulisan bagi masyarakat arab. Begitu juga, para pelajar perlu memahami topik *al-hal* kerana ia dapat membantu pelajar untuk memahami makna yang dikehendaki ketika membaca buku-buku arab atau pun semasa berlakunya komunikasi lisan dengan orang arab (Salmah Intan, 2016).

Daripada hasil dapatan analisis data kajian bagi aplikasi penggunaan TT yang telah dihuraikan mengikut kategori masing-masing, pengkaji dapat mengemukakan dapatan seperti berikut, jumlah penggunaan bagi *jumlah ismiyyah* adalah sebanyak 289 penggunaan, *jumlah fi'liyyah* sebanyak 217 penggunaan, *al-hal* sebanyak 6 penggunaan, *al-'adad* sebanyak 28 penggunaan al-sifah sebanyak 149 penggunaan dan *al-mausul wa 'a'iduhu* sebanyak 79 penggunaan. Jumlah keseluruhan aplikasi penggunaan TT daripada 65 skrip jawapan yang dianalisis adalah sebanyak 768 penggunaan. Perkara ini dapat dilihat di dalam jadual 4.7 yang lalu.

Sementara itu, dari segi pecahan penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab, pengkaji telah memperolehi sebanyak 577 penggunaan atau sebanyak 75.13 peratus yang melibatkan konsep *tazkir* dan sebanyak 191 penggunaan atau 24.87 peratus yang melibatkan konsep *ta'nith*. Bilangan aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* yang diperolehi oleh pengkaji menggambarkan bahawa para pelajar sebenarnya tidak bimbang untuk membina ayat dan frasa yang mengandungi konsep *tazkir wa ta'nith* dan perkara ini adalah bertepatan dengan teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa menurut Krashen yang menyatakan bahawa ketika pelajar menggunakan bahasa kedua, mereka tidak menyedari dan tidak memfokuskan rumus-rumus tatabahasa dalam komunikasi. Perkara ini dapat mengurangkan tekanan yang dialami oleh pelajar tersebut (Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim, 2013).

(b) Kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith*

Menurut Abdullah Hassan (1996), kesalahan atau kesilapan bahasa adalah perkara lumrah yang akan dilakukan seseorang pelajar apabila dia mula mempelajari sesuatu

bahasa. Perkara ini bertambah rumit jika para pelajar mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing daripada bahasa pertamanya (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2003).

Daripada hasil kajian yang diperolehi oleh pengkaji pada bab empat yang lalu, bagi kategori *jumlah ismiyyah* sebanyak 15 kesalahan daripada kategori *khobar mufrad* telah didapati oleh pengkaji. Bagi kesalahan *khobar jumlah fi'liyyah*, pengkaji telah mendapati sebanyak 19 kesalahan yang telah dilakukan oleh para pelajar. Bagi *khobar jumlah ismiyyah*, sebanyak 15 kesalahan telah diperolehi daripada analisis yang dijalankan. Jumlah keseluruhan kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian bagi kategori ini adalah sebanyak 49 kesalahan. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.8 yang lalu. Sebagai tambahan, dari segi kesilapan konsep *tazkir* bagi kategori ini, pengkaji telah menemukan sebanyak 33 kesilapan penggunaan manakala sebanyak 16 kesilapan penggunaan yang dilakukan oleh para pelajar bagi konsep *ta'nith*.

Jika dilihat, bagi kategori *jumlah ismiyyah* ini, para responden kajian masih lagi melakukan kesalahan aplikasi TT walau pun mereka telah belajar bahasa arab dalam tempoh yang lama iaitu semenjak sekolah rendah sehingga mereka mengikuti program persediaan ini. Namun begitu, jika dibandingkan antara penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith* dengan kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar, peratus kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar adalah sedikit iaitu sebanyak 16.95 peratus sahaja daripada keseluruhan kesilapan konsep *tazkir wa ta'nith* ini. Melalui dapatan ini juga, pengkaji dapat menyatakan bahawa para pelajar gemar menggunakan *jumlah ismiyyah* semasa membina ayat dan frasa dalam aktiviti penulisan karangan mereka tanpa menghiraukan konsep *tazkir wa ta'nith*.

Seterusnya, untuk kategori *jumlah fi'liyyah*, sebanyak 4 kesalahan telah berjaya diperolehi oleh pengkaji dalam analisis yang dilakukan iaitu yang melibatkan sebanyak 3 kesilapan penggunaan konsep *tazkir* dan hanya satu kesilapan penggunaan bagi konsep *ta'nith*. Dari segi peratus kesilapan topik ini berbanding penggunaannya adalah sebanyak 1.8 peratus sahaja. Oleh itu, melalui data ini, pengkaji dapat menyatakan bahawa para pelajar dapat menguasai konsep *tazkir wa ta'nith* bagi topik *jumlah fi'liyyah*. Walau bagaimana pun, kesilapan ini perlu diatasi oleh para pelajar kerana mereka akan berada di negara arab yang mana penggunaan bahasa arab merupakan medium rasmi untuk komunikasi. Kesilapan yang berlaku akan menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan tidak dapat difahami oleh penutur jati. Akhirnya akan mendatangkan masalah kepada semua pihak.

Sementara itu, bagi kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian untuk kategori *al-hal wa sohibuhu*, pengkaji mendapati tiada kesalahan bagi kategori ini. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.10 yang lalu. Walau pun tiada kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam topik ini bagi konsep *tazkir wa ta'nith*, namun responden didapati telah melakukan kesilapan berkaitan dengan konsep bilangan ketika membina ayat berdasarkan topik *al-hal*. Perkara ini mendatangkan kebimbangan kepada para guru kerana mereka telah mempelajari bahasa arab dalam tempoh masa yang panjang akan tetapi mereka tidak dapat mengaplikasikan perkara-perkara ini dalam penulisan karangan mereka (Khaled Ahmad Bani Umar, 2014; Rosni Samah, 2012; Umar Siddiq Abdullah, 2010; Zakiah Arifah, 2010). Justeru, menurut Salmah Intan (2016), perkara ini perlu diatasi oleh para pelajar kerana mereka akan membaca bahan-bahan rujukan dalam bahasa arab. Kegagalan memahami topik ini akan menyebabkan kesilapan dari segi penerimaan maklumat sebenar kepada penerima maklumat tersebut. Kesannya, bukan sahaja maklumat yang diterima tidak dapat

difahami, bahkan, akan berlaku pembaziran masa dan kos kepada semua pihak yang terlibat dalam proses ini.

Bagi kesalahan kategori *al-'adad wa ma'dud* pula, para responden kajian hanya melakukan kesalahan bagi kategori *al-'adad* yang bilangannya daripada 13 sehingga 99 iaitu sebanyak 10 kesalahan semuanya tergolong dalam konsep *ta'nith*. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.11 di atas. Peratus perbandingan antara kesilapan dan penggunaan bagi topik ini adalah sebanyak 35.71 peratus. Para responden kajian sekali lagi dilihat kurang menggunakan kategori ini dalam penulisan karangan mereka. Perkara ini jika tidak ditangani oleh para guru, akan mendatangkan masalah yang lebih besar kepada para responden ketika menulis karangan kelak.

Bagi *al-sifah wa al-mausuf*, sebanyak 25 kesalahan daripada perkataan yang biasa digunakan telah didapati oleh pengkaji setelah melakukan analisis terhadap transkrip yang diperolehi dengan jumlah 16 kesalahan berkonsep *tazkir* dan 9 kesalahan berkonsep *ta'nith*. Manakala, tiada kesalahan yang dicatatkan bagi perkataan yang jarang digunakan. Perkara ini dapat digambarkan pada jadual 4.12 yang lalu. Dari segi perbandingan kesilapan dan penggunaan dalam topik ini adalah sebanyak 16.77 peratus. *Al-sifah wa al-mausuf* merupakan perkara yang perlu difahami dengan baik oleh para pelajar bahasa arab. Jika mereka gagal memahaminya, hasil karangan yang dikeluarkan akan memberikan impak yang negatif kepada pembacanya.

Seterusnya, bagi kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, sebanyak 13 kesalahan telah diperolehi oleh pengkaji melalui analisis yang telah dijalankan dengan jumlah sebanyak 11 kesalahan berkonsepkan *tazkir* dan dua kesalahan berkonsepkan *ta'nith*. Perkara ini dapat diterangkan seperti dalam jadual 4.13 yang lalu. Peratus perbandingan antara kesilapan dan penggunaan dalam topik ini adalah sebanyak 16.45 peratus. Bagi kategori

ini, para pelajar perlu peka untuk mengaplikasikan *dhomir-dhomir* atau ganti nama – ganti nama yang sesuai dengan subjek yang telah disebutkan.

Sebagai rumusan daripada kesalahan–kesalahan bahasa yang telah dilakukan oleh para responden kajian dalam kajian ini, pengkaji telah memperolehi sebanyak 101 kesalahan yang telah dilakukan oleh responden kajian. Perkara ini dapat digambarkan seperti dalam jadual 4.14 yang lalu. Bagi kategori kesalahan aplikasi *jumlah ismiyyah* sebanyak 49 kesalahan telah ditemui oleh pengkaji. Seterusnya, sebanyak 4 kesalahan *jumlah fi'liyyah* telah dilakukan oleh para responden kajian dan tiada kesalahan yang dicatatkan untuk kategori *al-hal wa sohibuhu*. Bagi kategori *al-'adad wa ma'dud*, sebanyak 10 kesalahan telah dilakukan oleh para responden kajian. Bagi kategori *al-sifah wa al-mausuf*, sebanyak 25 kesalahan telah dicatatkan dan akhir sekali bagi kesalahan *al-mausul wa 'a'iduhu* sebanyak 13 kesalahan telah dilakukan oleh para responden kajian. Dari segi kesilapan penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith*, sebanyak 63 kesilapan yang bersamaan dengan 62.37 peratus berlaku pada konsep *tazkir* dan 38 kesilapan atau bersamaan 37.63 peratus berlaku pada konsep *ta'nith*.

(c) Susunan kategori-kategori kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam aplikasi *tazkir wa ta'nith*.

Seperti yang telah dikemukakan oleh pengkaji di dalam bab empat yang lalu, bagi perbincangan sub topik ini, pengkaji akan menyenaraikan semula kategori-kategori kesalahan aplikasi penggunaan TT mengikut susunan daripada kekerapan kesalahan penggunaan tertinggi sehinggalah kepada kekerapan kesalahan yang terendah berdasarkan kepada jadual 4.15 yang lalu untuk tujuan menerangkan kedudukan

'*ranking*' kategori-kategori kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian dalam aplikasi penggunaan ayat dan frasa *tazkir wa ta'nith*.

Justeru, dari segi kesalahan penggunaan kategori *jumlah ismiyyah*, pengkaji mendapati sebanyak 15 kesalahan yang telah dilakukan oleh para responden bagi *khobar mufrad* iaitu sebanyak 13 kesalahan kategori *tazkir* dan 2 kategori *ta'nith*. Manakala, bagi *khobar jumlah fi'liyyah*, bilangan kesalahan yang diperolehi adalah sebanyak 19 kesalahan iaitu sebanyak 10 kesalahan *tazkir* dan 9 kesalahan *ta'nith*. Bagi kategori *khobar jumlah fi'liyyah*, pengkaji memperolehi bilangan kesalahan adalah sebanyak 15 kali iaitu sebanyak 10 kesalahan *tazkir* dan 5 kesalahan *ta'nith*. Maka, bilangan kesalahan keseluruhan yang dilakukan oleh responden kajian pada kategori *jumlah ismiyyah* adalah sebanyak 49 kesalahan iaitu dengan 33 kesalahan *tazkir* dan 16 kesalahan *ta'nith*.

Seterusnya, bagi kategori *jumlah fi'liyyah*, pengkaji menemukan sebanyak 4 kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar iaitu sebanyak 3 kesalahan pada aplikasi *tazkir* dan hanya satu sahaja kesalahan pada aplikasi *ta'nith*.

Dari segi kategori *al-hal wa sohibuhu*, tiada kesalahan yang dilakukan oleh para responden kajian pada kategori ini. Manakala, pada kategori *al-adad wa al-ma'dud*, pengkaji memperolehi sebanyak 10 kesalahan pada kategori 13-99 sahaja yang mana kesalahan yang dilakukan adalah daripada kesalahan *ta'nith*. Walaupun terdapat kategori-kategori yang lain yang ditetapkan di dalam instrumen yang digunakan, namun para pelajar tidak menggunakannya di dalam penulisan karangan mereka.

Untuk kategori *al-sifah wa al-mausuf*, sebanyak 25 kesalahan telah diperolehi oleh pengkaji yang mana perkataan yang menjadi *mausuf* adalah daripada perkataan yang biasa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 kesalahan *tazkir* dan 9 kesalahan

ta'nith telah diperolehi. Akhir sekali, pada kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, pengkaji telah mendapati sebanyak 13 kesalahan yang telah dilakukan oleh responden kajian dalam penulisan karangan mereka iaitu sebanyak 11 kesalahan *tazkir* dan 2 kesalahan *ta'nith*.

Oleh itu, melalui jumlah kesalahan penggunaan konsep *tazkir wa ta'nith* bagi setiap kategori yang telah dinyatakan di atas, pengkaji dapat menyenaraikan kedudukan susunan kategori kesalahan yang kerap dilakukan oleh responden kajian mengikut susunan daripada kekerapan kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh mereka sehingga kepada kekerapan kesalahan yang paling sedikit yang berlaku adalah seperti berikut:

- i- ***Jumlah Ismiyyah.***
- ii- ***Al-Sifah Wa Al-Mausuf,***
- iii- ***Al-Mausul Wa 'A'iduhu,***
- iv- ***Al'adad Wa Al-Ma'dud***
- v- ***Jumlah Fi'liyyah.***
- vi- ***al-hal wa sohibuhu***

Melalui dapatan yang diperolehi, para pelajar didapati kerap melakukan kesilapan konsep TT di dalam *jumlah ismiyyah*. Diikuti dengan *al-sifah wa al-mausuf*, *al-mausul wa 'a'iduhu*, *al-'adad wa al-ma'dud*, *jumlah fi'liyyah* dan *al-hal wa sohibuhu*. Implikasi daripada dapatan ini menyebabkan timbul beberapa isu atau persoalan lain yang pengkaji fikirkan perlu untuk dibincangkan di dalam bab ini iaitu:

- i) Mengapakah terjadi susunan kekerapan kesilapan kategori tersebut?.

- ii) Mengapakah kategori yang banyak sekali mengandungi kesalahan adalah *jumlah ismiyyah* dan kategori yang sedikit sekali kesalahan ialah kategori *jumlah fi'liyyah*?
- iii) Adakah para pelajar memahami konsep *tazkir wa ta'nith* dengan baik khususnya dari segi penyesuaian kata mengikut TT dalam membina ayat?
- iv) Mengapakah para pelajar tidak menggunakan kategori-kategori lain yang telah dipelajari di dalam penulisan karangan mereka?

Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa adanya susunan kedudukan kesalahan *tazkir wa ta'nith* seperti yang dinyatakan di atas adalah disebabkan para responden kajian tidak memberikan fokus kepada rumus-rumus tatabahasa semasa aktiviti penulisan karangan. Menurut Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim (2013), perkara ini bertepatan dengan pandangan Krashen mengenai teori pembelajaran bahasa kedua iaitu pelajar tidak akan memberikan fokus kepada rumus-rumus tatabahasa semasa melakukan aktiviti lisan dan tulisan. Krashen berpendapat bahawa pelajar akan senang menggunakan laras-laras ayat yang mudah terlebih dahulu sebelum mula menggunakan laras yang lebih kompleks (Syamsiyah, 2017). Oleh itu, pelajar akan menggunakan *jumlah ismiyyah* terlebih dahulu berbanding *jumlah fi'liyyah*. Perkara ini dinyatakan oleh Krashen pada hipotesis urutan alamiah.

Sebagai tambahan, kategori yang mengandungi kekerapan penggunaan yang paling banyak adalah daripada kategori *jumlah ismiyyah* iaitu sebanyak 289 aplikasi penggunaan. Oleh itu, amat wajar bila kategori ini mempunyai bilangan kekerapan kesalahan yang tertinggi berbanding dengan kekerapan kesalahan kategori-kategori *tazkir wa ta'nith* yang lain. Hal yang sama juga berlaku bagi kategori *al-hal wa*

sohibuhu yang mempunyai bilangan kekerapan kesalahan yang rendah sekali iaitu tiada kesalahan dicatatkan. Perkara ini terjadi adalah disebabkan oleh bilangan kekerapan aplikasi penggunaan TT bagi konsep *al-hal wa sohibuhu* di kalangan responden kajian adalah yang paling rendah berbanding penggunaan kategori-kategori yang lain.

Dari segi pemahaman para responden kajian mengenai konsep penyesuaian *tazkir wa ta'nith* ketika pembinaan ayat dan frasa bahasa arab, pengkaji dapat menyatakan bahawa pemahaman mereka adalah rendah. Perkara ini berlaku kerana para responden tidak peka mengenai konsep penyesuaian *tazkir wa ta'nith* ini. Perkara ini dapat dibuktikan melalui bilangan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh mereka iaitu sebanyak 101 kesalahan aplikasi penggunaan TT. Hal ini turut di sokong melalui dapatan kajian daripada pengkaji lain yang menyatakan para pelajar masih belum menguasai konsep penyesuaian ini dengan baik (Mahdi Masud, 2011; Mohd Bakhit Ali, 2011). Sepatutnya, para pelajar dapat mengurangkan bilangan kesalahan penggunaan TT kerana mereka telah diajar oleh guru mereka dalam tempoh pengajian yang lama dan mencukupi. Masalah ini jika tidak diatasi akan menyebabkan para pelajar tidak dapat memahami petikan-petikan arab yang dibaca atau didengar oleh mereka.

Selain itu, kegagalan para responden kajian menggunakan kategori-kategori TT yang lain dalam karangan mereka adalah disebabkan pelbagai faktor. Antara faktor tersebut ialah para pelajar kurang mahir menggunakan atau membina ayat-ayat yang menggunakan kategori-kategori tersebut. Perkara ini disokong oleh dapatan kajian (Ab. Halim Mohamad, 2002; Mahdi Masud, 2011) berkenaan kelemahan para pelajar dalam membina ayat yang betul berdasarkan konsep *tazkir wa ta'nith*. Sewajarnya, para pelajar perlu mempelbagaikan gaya penulisan dengan *uslub-uslub* dan gaya bahasa arab agar mereka dapat menghasilkan ayat-ayat yang indah dan dapat menarik perhatian para pembaca lain ketika membaca karangan mereka.

Sebagai rumusannya, daripada perbincangan dapatan hasil kajian lalu, pengkaji mendapati bahawa para pelajar kurang melakukan kesalahan dalam tajuk aplikasi *tazkir wa ta'nith* berbanding bilangan penggunaan konsep ini di dalam penulisan karangan mereka dengan kategori kesalahan yang paling kerap berlaku adalah kategori *jumlah ismiyyah*. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat menyatakan bahawa pemahaman para responden kajian dalam konsep *tazkir wa ta'nith* masih rendah. Hal ini demikian kerana mereka tidak menghiraukan kesalahan yang akan dilakukan dalam konsep ini ketika membina ayat. Perkara ini juga turut disokong melalui dapatan pengkaji-pengkaji lain dalam tajuk ini. Oleh itu, para pelajar perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk menguasai bahasa arab khususnya konsep penggunaan *tazkir wa ta'nith*. Selain itu, guru juga perlu memainkan peranan yang aktif dalam mendorong para pelajar memahami konsep ini agar mereka dapat menghindari diri daripada melakukan kesalahan konsep *tazkir wa ta'nith* ketika menulis ayat dan frasa bahasa arab dalam aktiviti penulisan karangan.

5.2 Implikasi

Daripada hasil dapatan kajian dan perbincangan yang lalu, maka pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara yang penting khususnya bagi aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam kalangan pelajar persediaan ke universiti-universiti di timur tengah.

Dari segi pedagogi pengajaran bahasa arab, para guru yang mengajar subjek ini dapat menggunakan hasil dapatan yang diperolehi oleh pengkaji dalam tajuk *tazkir wa ta'nith* untuk melatih para pelajar menguasai topik ini dengan baik. Hal ini demikian kerana para pelajar melayu tidak dapat membezakan konsep ini dalam pembinaan ayat bahasa arab (Ab.Halim Mohamad dan Mohd Azidan Abdul Jabar, 2017; Mahdi Masud,

2011). Perkara ini menjadi lebih rumit lagi kerana pembinaan ayat dalam bahasa melayu tidak mempunyai perubahan gender dalam kata yang digunakan ketika membuat ayat. Perbezaan gender dalam pembinaan ayat bahasa melayu boleh berlaku dengan hanya menambah kata gender secara langsung iaitu lelaki atau perempuan (untuk manusia) dan jantan atau betina (untuk haiwan) (Ab. Halim Mohamad, 2002; Ahmad Nazuki, 1999). Misalnya, pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Namun, dalam bahasa arab, kata yang digunakan wajib untuk diketahui gendernya terlebih dahulu sama ada jenis lelaki atau jenis perempuan.

Lanjutan daripada perkara di atas, Dari segi kategori kesalahan yang kerap dilakukan di kalangan para responden kajian mengikut susunan daripada paling banyak kepada paling sedikit adalah kategori *jumlah ismiyyah*, kategori *al-sifah wa al-mausuf*, kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*, kategori *al-'adad wa al-ma'dud* dan kategori *jumlah fi'liyyah*. Oleh itu, guru disarankan supaya memberikan pengajaran mengikut kepada kedudukan jenis ayat yang selalu digunakan oleh para pelajar. Perkara ini juga seperti yang disarankan oleh Krashen dalam mempelajari bahasa kedua (Ibrahim Abukhattala, 2013).

Selain itu, kajian ini juga memberikan implikasi kepada bidang psikologi pendidikan khususnya dari aspek faktor motivasi pelajar. Guru perlu sentiasa memberikan dorongan kepada para pelajar untuk mengulangkaji pelajaran tatabahasa arab. Perkara ini penting kerana penghasilan penulisan karangan yang baik adalah bermula daripada motivasi diri pelajar tersebut. Thorndike berhujah bahawa semakin tingginya motivasi pelajar, sesuatu perkara yang akan dilakukan akan menjadi lebih mudah dan sebaliknya, sekiranya pelajar bermotivasi rendah, maka hasil yang dikeluarkan adalah tidak baik dan kurang memuaskan (Brown, 2000). Oleh itu, guru perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam sesi Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) agar para pelajar dapat

mengulangkaji topik-topik tatabahasa arab serta melazimkan diri mereka untuk sentiasa menghasilkan penulisan karangan bahasa arab yang baik.

Di samping itu, kajian ini juga memberikan implikasi yang positif terhadap aspek pemberian sumbangan ilmu dalam menambahkan pengetahuan bidang pendidikan bahasa arab di Malaysia dalam kalangan bangsa melayu. Sepertimana yang diketahui, bangsa melayu tidak dapat lari daripada mempelajari bahasa arab kerana hubungan bahasa arab yang sangat berkait rapat dengan pegangan agama mereka iaitu agama Islam. Oleh itu, melalui dapatan kajian ini, khususnya konsep *tazkir awa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab, mereka dapat membina ayat yang betul semasa menulis atau bercakap menggunakan bahasa arab. Pada masa yang sama, mereka dapat mengelakkan diri daripada melakukan kesalahan bahasa.

Akhirnya, melalui pembinaan instrumen kategori-kategori *tazkir wa ta'nith*, pengkaji telah membangunkan kategori-kategori tersebut berdasarkan kepada beberapa pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana bahasa arab. Perkara ini telah diterangkan seperti di dalam bab satu yang lalu. Secara ringkasnya, pengkaji telah memilih sebanyak enam kategori yang utama yang telah digunakan sepanjang menjalankan kajian ini iaitu kategori *jumlah ismiyyah*, kategori *jumlah fi'liyyah*, kategori *al-hal wa sohibuhu*, kategori *al-'adad wa al-ma'dud*, kategori *al-sifah wa al-mausuf* dan kategori *al-mausul wa 'a'iduhu*. Justeru, instrumen-instrumen kajian yang digunakan sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini merupakan satu bentuk sumbangan yang kecil kepada badan ilmu di dalam bidang pendidikan bahasa arab di Malaysia.

5.3 Cadangan

Berikut dikemukakan beberapa cadangan yang berkaitan agar menjadi panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan para pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian dalam bidang ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji dapat membahagikan sub topik cadangan ini kepada dua bahagian yang utama seperti berikut:

(a) Saranan

Antara saranan yang dapat dinyatakan oleh pengkaji kepada pihak-pihak yang berkenaan adalah seperti berikut:

Pengkaji ingin menyarankan agar pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dapat mengambil faedah daripada hasil dapatan kajian ini serta menggunakannya sebagai panduan dan rujukan asas kepada para guru dan pelajar di sekolah-sekolah agama yang dikelolakan di bawah bidang kuasa JAIS. Perkara ini dapat direalisasikan dengan memperbanyakkan cetakan buku panduan kategori kesalahan dalam topik ini dan memberikan saranan pembetulan yang betul. Perkara ini dapat menjadikan penulisan karangan bahasa arab dalam kalangan pelajar menjadi lebih baik dan pada masa yang sama dapat membantu meringankan bebanan guru dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran yang sesuai bagi topik ini.

Selain itu, pengkaji ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar mereka menjadikan hasil kajian ini sebagai satu rujukan utama kepada para guru dan pelajar dalam menerapkan konsep *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab. Perkara ini sepertimana yang telah dibincangkan di perenggan di atas, dengan melihat keupayaan pihak KPM yang lebih besar iaitu bersifat kebangsaan berbanding dengan bidang kuasa JAIS yang bersifat hanya untuk kawasan di negeri Selangor sahaja. Justeru itu, pihak KPM disarankan supaya mengambil faedah

daripada kajian ini bagi membantu para pelajar menghasilkan penulisan karangan yang baik.

Di samping itu, para pelajar yang mempelajari bahasa arab khususnya di peringkat universiti, disarankan agar membaca bahan dan dapatan kajian ini di perpustakaan universiti dan menerapkan dapatan kajian ini dalam penulisan mereka. Perkara ini dapat membantu mereka dalam menghasilkan karangan yang baik khususnya dari segi pembinaan ayat yang mengandungi penyesuaian antara satu perkataan dengan perkataan yang lain.

Kepada para guru yang mengajar subjek penulisan karangan khasnya dan kepada guru yang mengajar subjek bahasa arab umumnya, disarankan supaya menerapkan pengajaran berkenaan dengan *tazkir wa ta'nith* yang telah diterangkan dalam kajian ini kepada para pelajar mereka. Hal ini demikian kerana kajian ini telah diuji sebelum ia dapat diterapkan di kalangan pelajar. Justeru itu, dengan andaian guru memberi latihan yang betul sejak dari sekolah menengah lagi akan menghasilkan para pelajar yang kurang melakukan kesalahan dalam topik ini ketika melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti kelak.

Akhir sekali, pengkaji juga ingin menyarankan kepada para pembina buku rujukan dan ulangkaji subjek bahasa arab agar melihat kepada proses-proses yang telah dinyatakan oleh pengkaji dan menggunakannya untuk dikongsi dengan lebih luas. Hal ini penting supaya subjek mengenai *tazkir wa ta'nith* di dalam pembinaan ayat perlu diberikan perhatian kerana para pelajar akan kerap menggunakan konsep ini dalam penulisan karangan mereka.

(b) Cadangan kajian lanjutan

Pengkaji juga tidak lupa untuk melontarkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang dapat dilakukan oleh pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji bidang *tazkir wa ta'nith* dan penulisan karangan bahasa arab. Antara cadangan kajian lanjutan yang dapat dijalankan oleh para pengkaji lain adalah seperti berikut:

Kepada para pengkaji lain yang ingin menjalankan kajian lanjutan mengenai aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith*, mereka boleh menumpukan kajian kepada para pelajar tingkatan empat yang ketika ini menggunakan Manhaj Dini (Kurikulum Dini). Menurut pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, manhaj ini lebih menitikberatkan kemahiran-kemahiran bahasa yang empat secara menyeluruh dan berkesan. Setakat ini, kajian yang mendalam mengenai kesan penerapan manhaj dini atau kurikulum dini dalam kemahiran penulisan karangan bahasa arab masih belum lagi dijalankan. Antara skop kajian yang boleh dikaji seperti dari segi aspek kategori *al-'adad wa al-ma'dud* dan *al-sifah wa al-mausuf* dalam karangan para pelajar. Tujuan adalah untuk melihat tahap penguasaan pelajar dalam kategori-kategori tersebut dalam penulisan karangan mereka.

Selain itu juga, para pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian dalam bidang ini, disarankan juga untuk mengkaji mengenai aspek hubungan pembacaan dengan tahap penguasaan penyesuaian *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan karangan. Dengan kata lain, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan para pelajar dalam konsep ini dengan pembacaan yang luas.

Sebagai tambahan lagi, para pengkaji juga boleh menjalankan kajian terhadap hubungan antara kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dengan tahap pencapaian penulisan karangan. Adakah wujud hubungan yang positif, negatif atau tiada hubungan

yang kuat di antara kedua-dua pembolehubah yang dikaji iaitu antara kekerapan kesalahan *tazkir wa ta'nith* dengan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan bahasa arab mereka?. Perkara ini akan mendatangkan manfaat kepada pengkaji lain dalam bidang pendidikan bahasa arab khususnya dari segi penambahbaikan dalam pedagogi pendidikan masa kini.

Selain itu, para pengkaji lain juga boleh menjalankan kajian mengenai tahap penguasaan kandungan bagi topik ini dalam kalangan guru bahasa arab. Hal ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan guru terhadap topik ini dan melihat kelebihan dan kekurangan yang ada dalam kalangan guru untuk dijadikan sebagai asas bagi memperbaiki amalan pengajaran para guru pendidikan bahasa arab. Perkara ini sangat penting kerana penguasaan para pelajar terhadap topik ini bergantung kepada tahap penguasaan guru terlebih dahulu.

Akhir sekali, pengkaji ingin menyarankan kepada para pengkaji lain yang berminat untuk menumpukan kajian dalam topik ini supaya menambahbaik kategori-kategori *tazkir wa ta'nith* yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Mereka perlu mencari dan mengenal pasti kategori-kategori aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* yang tidak dimasukkan dalam kajian ini bagi tujuan menilai tahap penguasaan para pelajar di Malaysia terhadap topik *tazkir wa ta'nith*.

5.4 Penutup

Sebagai rumusan daripada bab kelima ini, pengkaji telah memberikan penjelasan dan justifikasi terhadap dapatan kajian bagi bab keempat yang lalu. Di samping itu, pengkaji juga telah memberikan kesimpulan-kesimpulan dan cadangan-cadangan yang berkaitan kepada pihak-pihak yang telah dinyatakan agar mereka dapat mengambil faedah

daripada kajian yang kecil ini. Justeru, mereka dapat mengambil tindakan yang sewajarnya demi meningkatkan tahap penguasaan para pelajar dalam bidang pendidikan bahasa arab secara umumnya dan konsep aplikasi penggunaan *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab secara khususnya.

Dengan selesainya penulisan tesis ini, pengkaji berharap agar hasil kajian mengenai aplikasi *tazkir wa ta'nith* dalam pembinaan ayat dan frasa bahasa arab dapat dijadikan sebagai pedoman dan bantuan buat para pelajar yang dikatakan masih lemah dalam konsep ini. Pengkaji berhasrat agar rungutan daripada pelbagai pihak yang mendakwa bahawa para pelajar banyak melakukan kesalahan bahasa ketika menulis karangan mereka dapat dikurangkan.

Sebagai insan yang daif, pengkaji mengalu-alukan komen dan pandangan daripada para pakar mengenai kajian ini. Segala saranan dan cadangan tersebut akan memantapkan kajian ini bagi tujuan kajian lanjutan yang akan dilakukan oleh para pengkaji lain. Sekali lagi pengkaji memanjatkan doa agar kajian ini dapat diterapkan di sekolah-sekolah di Malaysia dan dapat mendatangkan faedah yang besar kepada para pelajar dan guru yang mempelajari konsep aplikasi *tazkir wa ta'nith* dalam penulisan ayat dan frasa bahasa arab, *In Shaa Allah*.

SENARAI RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran frasa Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ab. Halim Mohamad dan Mohd Azidan Abdul Jabar. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa Yang Mempengaruhi Pelajar Melayu Dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal Al-Anwar*, 1(3), 21–32.
- Abd. Halim Muhammad dan Muhammad Haron Husaini. (2011). Kifayah al-Kitabah Lada Khirriji al-Jami'at al-Mahalliyyah al-Maliziyyah. *Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab*, 448–462.
- Abdul Ghani Md Hassan. (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-Isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia* (edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Muhammad. (1981). *Methodes Khusus Pengajaran Bahasa Arab*. Usaha Nasional.
- Acep Hermawan. (2011). *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. PT Remaja Rosdakarya.
- Ahmad Abdul Qodir. (2013). Analisis Kesalahan Penggunaan Isim Dhoir pada Muhadathah Film Tugas Akhir Mata Kuliah Tafa'ul Ittishaliy Mahasiswa Bahasa Arab Universitas Negeri Semarang Tahun 2010. *Journal of Arabic Learning and Teaching*, 2(1), 1–11.
- Ahmad Nazuki. (1999). *Penggunaan Bentuk Feminin Dalam Pembentukan Ayat Arab*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ahmad Sa'aduddin Wahab. (2010). *Analisis Kesilapan Sintaksis dan Morfologi Dalam Khutbah Jumaat*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Al-Ghalayaini, S. al-M. (1993). *Jami al-Durus al-Arabiyyah* (A. R. Mu'im (ed.)). al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Muslim Mustofa. (2011). Mawarid al-Akhto' al-Lughowiyah 'inda al-Tullab al-Maliziyyin. *Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab, 2011*.

- Alif Cahya Setiyadi dan Mohammad Syam'un Salim. (2013). Pemerolehan Bahasa Kedua Menurut Stephen Krashen. *Jurnal Al-Ta'dib*, 8(2), 265–280.
- Antoine el-Dahdah. (1993). *Mu'jam lughoh al-Nahwi al-Arabiyy* (pertama). Maktabah Lubnan.
- Atan Along. (1992). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. AMIZA Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2001). Kemahiran Penulisan dalam Konteks Pembinaan Wacana yang Utuh (1). In Ahmat Adam dan Saidatul Nornis Mahali (Ed.), *Seminar Penyelidikan dan penulisan ilmiah* (pp. 75–85). Universiti Malaysia Sabah.
- Azlan Shaiful Bahrum dan Rosni Samah. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap kesalahan Bahasa Arab: Faktor Penyumbang dan Implikasi. *Sains Humanika*, 6(1), 35–42.
- Azman Che Mat. (2007). *Teknik Menulis Bahasa Arab Secara Efektif dan Praktikal*. EDU System Sdn. Bhd.
- Brown, H. D. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching* (Fourth). Longman.
- Che Kamaruddin Kamel. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Ugama Arab*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Che Radiah Mezah. (1996). *Kesilapan bahasa dalam karangan bahasa arab di kalangan pelajar melayu*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Che Radiah Mezah, N. M. dan M. Z. A. R. (2014). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Coder, S. P. (1967). The Significance of Learner's Error. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 4, 161–170.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Farizan Md Amin. (2014). *Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Singapura*. Nanyang Technology University.
- Fuad Nikmah. (2000). *Mulakhhas qawaid al-lughoh al-Arabiyyah* (Kelapan). Dar al-Hikmah.
- Hamid Norni Hamid. (2014). *Kajian Bentuk-Bentuk Kesalahan Karangan Bahasa Arab Murid Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah Brunei Darussalam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanizam Mohd Ghazali. (2004). *al-Akhto' al-Lughowiyah al-Kitabiyyah Lada al-Tullab al-Malayuwiyyin fi Istikhdam al-Masdar: Dirasah Tahliliyyah*. International Islamic University Malaysia.
- Hazlina Abdul Halim. (2013). Analisis Kesilapan dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 169–184.
- Ibrahim Abukhattala. (2013). Krashen's Five Proposals on Language Learning: Are They Valid in Libyan EFL Classes. *English Language Teaching*, 6(1), 128–131.
- Ida Nursida dan Siti Shalihah. (2015). *Analisa Kesalahan Berbahasa dan Pengajaran Bahasa Arab*. file://id/User/Downloads/25-92-1-PB.pdf
- Jack R. Fraenkel and Norman E. Wallen. (2000). *How To Design and Evaluate Research in Education* (Fourth Edi). McGraw Hill.
- Jassem Ali Jassem. (2000). *Study on Second Language Learners of Arabic: An Error Analysis Approach*. A.S. Noordeen.
- Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1997). *Penguasaan Kemahiran Penulisan*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaled Ahmad Bani Umar. (2014). *al-Ta'bir al-Kitabiy*. AlBayan Education Media Sdn. Bhd.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa kesalahan pelajar dalam

penulisan bahasa Arab: Kajian Kursus Maharat al-Kitabah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 2012, 130–138.

L.R. Gay, G. E. M. and P. A. (2009). *Educational Research : Competencies for Analysis and Applications* (Ninth Edit). Pearson Educational Group, Inc.

Mahdi Masud, J. M. S. dan M. J. (2011). al-Muthobaqoh al-Lughowiyah wa “ilaqotiha bi al-Akhto” al-Lughowiyah Lada al-Muta’alliin al-Maliziyyin. *Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab*.

Mahmud Kamil al-Naqoh and Rusydi Ahmad Thoimah. (2003). *Tara’iq Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah li Ghoir al-Natiqin bi Ghoiruha*. ISESCO.

Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, K. A. A. L. dan N. E. A. S. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and Innovation Conference IRMIC, 2014*(November), 17–18.

Mohd Bakhit Ali. (2011). ahammiyyah Tahlil al-Akhto fi ta’lim al-Lughoh al-Arabiyyah li ghoir al-Natiqin biha. In *Isu-Isu bahasa Arab* (Vol. 1991, pp. 113–123). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Muhammad Zahri Abdul Karim. (2014). Tahlil al-Akhto al-Lughowiyah fi al-Kitabah al-Insya’iyyah lada Tholabah sanah al-Rabi’ah. *Seminar Pendidikan Bahasa Arab Peringkat Kebangsaan Kali Kedua*, 239–258.

Muhammad Zain Mahmood. (2009). *al-Nizom al-Nahwi fi al-Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: Dirasat Taqobuliyah*. Maktabah al-Adab.

Nazzil Saifuddin. (2013). *Kemahiran Membina Ayat Mudah Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama ABIM, Kajang, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2003). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa* (cetakan pe). Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Noor Azizi Ismail. (1998). *Analisis Kesilapan Penggunaan Pelaku Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Melayu*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi Kedu). McGraw Hill.

Noriati A. Rashid, B. P. Y. dan S. F. S. A. (2012). *Murid dan Alam Belajar*. Oxford

Fajar Sdn.Bhd.

Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, K. A. G. dan A. I. (2012). Miskonsepsi Terhadap Tajuk Ism Al-Adad wa Al-Ma'dud dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 11–20.

Nurul Huda Hassan. (2015). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan bagi Ism Al-Adad wa Al-Madud Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nuryani. (2014). Tahlil al-akhto' al-lughowiyah fi kitabati al-tullab bi qism al-lughoh al-Arabiyyah wa ta'sir failiyyatiha ala ta'lim maharat al-kitabah dirasah wasfiyyah li al-tullab mustawa al thalis bi jami'ah tulunj ajunj al-islamiyyah al hukumiyah. *Al-Mu'tamar Al Duali Al Thani an Tajribah Ta'lim Al-Lughoh Al-Arabiyyah Lil Natitiqin Bi Ghairiha*, 531–543.

Ragbir Kaur Joginder Singh. (2012). *Panduan Ilmu Pendidikan untuk DPLI: Falsafah dan Etika* (Edisi Pert). Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Roselan Baki. (1994). *Panduan Mengarang untuk Guru dan Pelajar*. Greenridge Sdn. Bhd.

Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555–569.

Rosni Samah et.al. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(May), 99–116. rosni@usim.edu.my Universiti

Rozuki Arifin dan Marzuki Manan. (2011). *Teknik Efektif Penulisan Bahasa Arab*. Nadwa Enterprise.

Salmah Intan. (2016). Al-Hal. *Jurnal Adabiyah*, 16(1), 83–89.

Sameh Abu Mughli. (2009). *al-Asalib al-Hadisah li Tadris al-Lughoh al-Arabiyyah*. Dar al-Bidayah.

Syamsiyah, D. (2017). Analisis Deskriptif Teori Pemerolehan Bahasa Kedua. *Jurnal Komunikasi Dan Pendidikan Islam*, 6(2), 59–80.

- Syeikh Abdullah Muhammad Basmeih. (1998). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran* (edisi 15). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Umar Siddiq Abdullah. (2010). *Ta'lim al-Lughoh al-'arabiyyah li al-Natiqin bi Ghoiriha*. al-Dar al-'Alamiyyah.
- Zahira Abdullah. (2003). *Lexical Errors in English Compositions of Upper Secondary Malay Students*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Zakiah Arifah. (2010). *Ta'lim al-Insya': al-Musykilat wa al-Hulul*. UIN-MALIKI Press.
- Zarima Mohd Zakaria. (2005). *al-Ta'bir al-Kitabiyy Lada al-Tholabah al-Maliziyyin bi al-Madaris al-Thanawiyyah al-Diniyyah bi Selanjur: Dirasah wasfiyyah Tahliliyyah*. لجامعة ا ية ال على ليزي ا.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (2000). *Bahasa: Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh penutur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.